

فتيقن تيتاه

PETIKAN TITAH

"BETA berdoa semoga dengan keberkatan hari yang agung ini kita semua akan menjadi bangsa yang lebih aktif untuk berkhidmat dan bekerja semata-mata kerana Allah. Negara sangatlah memerlukan rakyat yang aktif dan cekap lagi berkualiti." - Titah sempena menyambut Hari Raya Aidiladha Tahun 2000.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



مافيسن ايمان
MANISNYA IMAN

"WAHA! orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati amanah Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedangkan kamu mengetahui salahnya." - Surah Al-Anfaal ayat 27.

TAHUN 48 BILANGAN 8

RABU 19 FEBRUARI 2003/1423 رابو 17 ذوالحجه

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA



Berkenan menyempurnakan penyembelihan korban

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melakukan penyembelihan ke atas seekor kambing di Majlis Ibadah Korban sempena Hari Raya Aidiladha yang berlangsung di perkarangan Jame' 'Asr Hassanli Bolkiah, Kampong Kiarong. (Lagi berita dan gambar-gambar di muka 8 dan 9).

Kebawah DYMM berangkat melawat JKDN

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat melawat ke Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN), di sini hari ini.

Lawatan rutin baginda ke agensi-agensi kerajaan itu menunjukkan keprihatinan baginda dalam memastikan setiap jentera kerajaan menjalankan operasinya dengan lincis, sempurna dan teratur.

Oleh Samle Haji Jait

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal yang juga Pengarah JKDN menyebarkan taklimat sepanjang keberangkatan lawatan baginda ke jabatan itu.

Baginda juga meninjau ke Bahagian Teknikal dan Operasi JKDN dan mengakhiri lawatan dengan sesi tertutup.

JKDN ditubuhkan pada 1 Ogos 1993 dan beroperasi sepenuhnya pada 1 November 1993, terletak di Tumasek Plaza, Jalan Tutong dan kini telah membuka cawangannya di Daerah Tutong, Belait dan Temburong.

JKDN antara lain berperanan untuk mengawasi dan melaporkan kepada pihak kerajaan mengenai isu-isu keselamatan dalam negeri.

Tugas-tugas utama JKDN termasuklah mengenal pasti ancaman-ancaman dan puncanya, mengumpul maklumat dan membuat penilaian ke atas maklumat tersebut.

Sementara itu, matlamat penubuhan JKDN adalah dihasratkan untuk memberikan amaran awal kepada kerajaan mengenai ancaman-ancaman yang mungkin terjadi supaya beberapa langkah dapat diambil bagi mengelakkan atau mengurangkan bahaya yang disebabkan oleh ancaman-ancaman tersebut.

JANGAN TERPENGARUH DENGAN DAKYAH MELALUI IT

Oleh Sahari Akim

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Februari. - Rakyat dan penduduk negara ini diingatkan supaya berhati-hati dan tidak mudah terpengaruh dengan dakyah yang disebarkan oleh anasir yang cuba mengelirukan pemikiran masyarakat terutama sekali melalui kemudahan-kemudahan teknologi info-

komunikasi yang sudah sampai ke rumah-rumah termasuk di kawasan pedalaman.

Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri menekankan

perkara tersebut di Majlis Perjumpaan Penerangan bagi Mukim Bukit Sawat bertemakan 'Pemimpin Menyusuri Mukim' anjuran Jabatan Penerangan dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim Bukit Sawat berlangsung di Dewan Serbaguna Kampong Merangking di sini.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri menegaskan, rakyat dan penduduk negara ini perlu berhati-hati dan waspada mengenai sebarang anasir yang cuba mengelirukan dan memesonkan pemikiran rakyat dan orang ramai yang bertujuan mengacau-bilaukan perpaduan dan keharmonian bernegara dan bermasyarakat yang dinikmati selama ini.

Lihat muka 16

Keluaran Khas Sempena Hari Kebangsaan Ke-19

PELITA BRUNEI keluaran hari ini menerbitkan Keluaran Khas Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-19. Keluaran Khas tersebut mengandungi 16 muka surat yang antara lain memuatkan rencana mengenai perkembangan dan kemajuan pendidikan Negara Brunei Darussalam semenjak merdeka.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah para pegawai Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) sejeurus tiba di jabatan tersebut yang terletak di Tumasek Plaza, Jalan Tutong.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Pekerja beriman paling efisien
- Muka 2

Melirik Masa Silam

Suka Duka Sewaktu 'Aying Dalam'
- Muka 6

Rakyat perlu memahami peranan bendera
- Muka 6

Berangkat ke Majlis Ibadah Korban

- Muka 8 dan 9

BLNG, KBR tandatangani kontrak \$120 juta

- Muka 12

Institusi keluarga asas penting pembinaan masyarakat

- Muka 14

Sifat amanah kunci kejayaan

- Muka 3 ANEKA

Peraduan Mencipta Logo Belia

- Muka 5 ANEKA

Umat Islam hendaklah sentiasa berkorban dan berjihad

- Muka 7 ANEKA

TAHUKAH AWDA

KADAR perdagangan antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura daripada Januari hingga Jun 2002 berjumlah kira-kira B\$358.7 juta dengan eksport ke Republik Singapura hampir B\$235.8 juta. Manakala import dari Republik Singapura pula bernilai B\$122.9 juta. Dalam tempoh yang sama Negara Brunei Darussalam mengeksport minyak mentah ke Republik Singapura bernilai US\$236.79. Dalam tahun 2001, jumlah eksport Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura hampir B\$549.6 juta, manakala jumlah import dari Republik Singapura sebanyak B\$486.9 juta. Barangan utama dalam perdagangan kedua-bah negara ialah bahan bakar (mineral fuel), bahan perkilangan, peralatan jentera dan pengangkutan, bahan kimia, makanan, minuman dan tembakau. - Sumber : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam (2003).

KONTAK PELITA BRUNEI
http://www.brunet.bn/news/pelita/
pelita1.htm e-mel:
pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING
PELITA BRUNEI
02 383941 / 02 383804
/ 02 382192
Faks : 02 381004 /
02 380507



19 FEBRUARI 2003 BERSAMAAN 1423 17 ذوالحجه

AKTIVITI DAN BUDAYA BERIMAN

IMAN merupakan kriteria terpenting bagi seorang Islam, kerana ia adalah cahaya yang menerangi liku-liku hidup kita dan juga kubu pertahanan diri bagi setiap Muslim. Iman yang cukup mantap adalah jaminan keselamatan, kebahagiaan, kesejahteraan, kemenangan, kejayaan, kekuatan bahkan kecemerlangan.

Peranan iman yang jitu bukan sekadar untuk kehidupan kita di dunia lebih-lebih lagi kehidupan ukhrawi. Kerana di alam akhirat itu tidak ada tempat untuk kita mengadu atau meminta pertolongan melainkan hanya bergantung kepada sejauh mana keimanan yang kita jana sepanjang menjalani kehidupan di dunia yang cuma sementara itu.

Alam akhirat bukan cerita dongeng atau omong kosong semata-mata. Ia adalah ketentuan dari Allah Subhanahu Wataala yang pasti datang dan setiap orang tidak akan terlepas dari menghadapinya. Tidak ada sesiapa pun yang mampu mengelak walau secanggih mana sekalipun teknologi yang digunakan melainkan hanya sia-sia sahaja.

Sebab itu orang yang beriman meyakini sepenuhnya akan kewujudan alam akhirat itu. Keyakinan mereka bukan sekadar akur-akun atau cuma permainan bibir, tetapi disertai dengan perbuatan dan amalan yang matlamatnya cuma satu iaitu kerana Allah.

Apabila setiap gerak, setiap langkah dan setiap pekerjaan kita dengan 'nawaitu' kerana Allah, bermakna kita telah menajakan aktiviti keimanan yang boleh memperkukuh dan menjaga keimanan kita. Dalam masa yang sama kita memperoleh keberkatan dari Allah Subhanahu Wataala.

Aktiviti sedemikian itu akan menumbuhkan budaya beriman yang sudah tentu akan menyuburkan lagi kesedaran mengenai akhirat. Kesedaran mengenai akhirat pula menjadi pendorong yang kuat kepada seseorang untuk melakukan segala yang makruf dan menolak segala yang mungkar.

Iman dan akhirat itu berkait rapat - dunia merupakan jambatan untuk ke akhirat. Maka akan cerahlah nasib seseorang hamba yang bijak memanfaatkan dunianya untuk menyediakan sebanyak mungkin bekal ke akhirat di mana kita akan hidup kekal buat selama-lamanya.

Sebagaimana yang ditegaskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda sempena menyambut Hari Raya Aidiladha baru-baru ini, iman bukan saja akan menyelamatkan kita di akhirat, malahan juga amat diperlukan dalam kita menjalani kehidupan di dunia, kerana iman itu dapat menyempurnakan segala urusan bahkan meluruskan semua pekerjaan kita.

Dengan yang demikian, iman sangat penting dalam pekerjaan. Seseorang pekerja yang beriman adalah pekerja yang paling efisien, kerana iman itu telah memandunya untuk melaksanakan segala tugas dengan rajin dan betul. Maknanya dia tidak akan membuang masa atau membuat kerja secara sambil lewa, kerana ia tahu perbuatan itu berdosa dan boleh mengundang kemurkaan Allah.

Alangkah indah dan untungnyanya kalau kita semua memiliki keimanan sedemikian itu, kita yakin tidak akan berbangkit masalah ketandusan mutu kerja di kalangan para pegawai atau pekerja sama ada di sektor awam ataupun swasta, dan malahan tidak akan berbangkit masalah keruntuhan akhlak di kalangan masyarakat.

HALUAN...

PEKERJA BERIMAN PALING EFISIEN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH Rabbi 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Was-salaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahil Hamd.

Aidiladha yang agung datang lagi. Selama beberapa hari kita akan mengisinya dengan takbir, tahmid dan tasbeih kepada Allah Subhanahu Wataala.

Isi takbir dan zikir ini lebih kurang bermaksud :

"Sesungguhnya Allah itu Maha Besar. Pujian yang sebanyak-banyaknya adalah bagi Allah. Maha Suci Allah di waktu pagi dan petang. Tidak ada Tuhan melainkan Allah. Kita tidak menyembah, melainkan hanya kepada Allah jua dan dalam semua keadaan, kita mengikhlaskan agama hanya semata-mata untuk-Nya, sekalipun orang-orang kafir tidak menyukainya.

Tidak ada Tuhan melainkan Dia saja sendirinya-Nya. Janji-Nya terbukti benar. Dia telah

membantu hamba-hambanya. Dia telah memenangkan para tentera-Nya dan mengalahkan golongan Ahzab musuh-musuh-Nya.

Tidak ada Tuhan melainkan Allah. Allah Maha Besar. Segala puji bagi Allah."

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahil Hamd.

Dengan takbir dan menyebut Allah, jiwa akan menjadi teguh dan kuat, serta hati bertambah tenang dan tenteram. Demi-

SESEORANG pekerja yang beriman adalah pekerja yang paling efisien, kerana iman itu telah memandunya untuk melaksanakan segala tugas dengan rajin dan betul. Dia tidak akan membuang-buang masa atau membuat kerja secara sambil lewa, kerana semua ini adalah berdosa dan boleh mengundang kepada kemurkaan Allah.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya Aidiladha pada 10 Zulhijjah 1423 Hijrah/11 Februari 2003 Masihi.

PERANAN iman dapat menyempurnakan segala urusan dan bahkan meluruskan semua pekerjaan. Seseorang pekerja yang beriman adalah pekerja yang paling efisien, kerana iman itu telah memandunya untuk melaksanakan segala tugas dengan rajin dan betul. Dia tidak akan membuang-buang masa atau membuat kerja secara sambil lewa, kerana semua ini adalah berdosa dan boleh mengundang kepada kemurkaan Allah.

kian juga dengan takbir itu, iman pun menjadi subur dan kita terpaut dengan Allah.

Apabila seseorang sudah terpaut dengan Allah, maka akan indah dan luruslah segala pekerjaannya.

Inilah peranan iman. Ia menjadi suluh untuk menerangi liku-liku hidup kita, bukan saja kehidupan duniawi malahan juga lebih luas ialah kehidupan ukhrawi.

Orang yang beriman adalah orang yang yakin akan akhirat. Dia mengerti bahawa, tidak seriasa pun yang boleh terlepas daripada menempuh alam akhirat, dalam makna, dunia kita ini adalah jambatan ke akhirat.

Apabila tumbuh kesedaran tentang akhirat, maka akan cerahlah nasib seseorang hamba. Kerana tidak akan wujud pada ahli akhirat itu, melainkan kebajikan jua, iaitu sebagai aktiviti dan budayanya.

Kesedaran tentang akhirat menjadi pendorong yang kuat untuk seseorang melakukan segala yang makruf dan menjauhi segala yang mungkar.

Oleh itu beta berharap, Aidiladha yang mubarak ini, hendaklah akan mengilhami kita untuk menjadi ahli iman atau ahli akhirat.

Iman, bukan saja akan menyelamatkan kita di akhirat, malahan juga amat diperlukan dalam kita menjalani kehidupan di dunia.

Peranan iman dapat menyempurnakan segala urusan dan bahkan meluruskan semua pekerjaan. Seseorang pekerja yang beriman adalah pekerja yang paling efisien, kerana iman itu telah memandunya untuk melaksanakan segala tugas dengan rajin dan betul. Dia tidak akan membuang-buang masa atau membuat kerja secara sambil lewa, kerana semua ini adalah berdosa dan boleh mengundang kepada kemurkaan Allah.

Demikianlah indahnya iman itu, sekiranya semua kita memilikinya, sudah barang tentu tidak akan berbangkit masalah ketandusan mutu kerja di kalangan para pegawai atau pekerja, sama ada di sektor awam ataupun sektor swasta dan malahan tidak berbangkit masalah

keruntuhan akhlak di kalangan masyarakat.

Marilah sama-sama kita berazam menjadikan masyarakat kita masyarakat beriman, masyarakat yang efisien, masyarakat yang tunduk kepada perintah Allah dan masyarakat yang bersatu padu. Semoga dengan adanya ciri-ciri ini kepada kita, Negara Brunei Darussalam akan selamat dan diberkati, Amin.

Akhirnya, beta dan keluarga beta dengan tulus ikhlas mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada seluruh rakyat dan penduduk negara ini yang beragama Islam, di mana juga mereka berada.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahil Hamd.

Sekian, Wabillahi Tau-fik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Ralat

CERITA bertajuk 'Iman Berperanan Menjadi Suluh' di muka depan PELITA BRUNEI keluaran 12 Februari 2003, di para tujuh hendaklah dibaca 'Seseorang pekerja' - Penyunting.

Demonstrasi sistem keupayaan roket



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith menerima cenderamata dari pembekal Roket FZ, Belgium. - Gambar oleh Abdullah HAD.

PENANJONG, 30 Januari. - Dalam usaha memperkukuhkan lagi tahap keberkesanan dalam mempertahankan kemakmuran negara, Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB) telah mengadakan demonstrasi sistem keupayaan roket pertahanan dan udara yang baru.

Demonstrasi tersebut diadakan di Padang Tembak Binturan, Tutong yang disaksikan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan.

Sistem roket baru, Forges De Zeebrugge S.A. dikenali sebagai Roket FZ menggantikan sistem Roket Sura yang digunakan sejak 1981. Sistem baru ini dibeli dari Belgium dan direka dengan kelengkapan pertahanan udara ke bumi dan sokongan pertahanan jarak dekat se-

Oleh
Ak. Jeffery PD

bagai sebahagian dari operasi pertahanan udara negara. Sistem Roket FZ ini juga berkemampuan meningkatkan misi keberkesanan dan keupayaan pesawat 105 Bolkow. Roket FZ berukuran 2.75 inci seberat lebih dari 10 kilogram dan pelancarannya kurang dari 30 kilogram yang diperbuat dari aluminium dan bahan komposit. Kelajuannya melebihi dua kali ganda dari kelajuan cahaya. Sementara jarak kemampuannya lebih sembilan kilometer dari bumi ke udara, manakala lima kilometer dari udara.

Roket FZ merupakan roket serbaguna yang boleh dipasang pada helikopter pengempur, pesawat pejuang dan kapal peronda. Roket tersebut berupaya melancarkan satu tembakan atau berulang-ulang dalam satu masa ketika membuat serangan. Sehingga kini lebih lapan juta Roket FZ telah dibuat. Sistem roket ini telah pun digunakan oleh 55 buah negara dan 70 pasukan tentera di seluruh dunia.

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan Surat Pembaca ini sama ada berupa masalah, kemusykilan, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama
Berakas BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirimmkannya melalui faks 02 381 004 atau e-mel: Pelita@brunei.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 02 383 804 atau 02 383 941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

RTB IKUT JEJAK JTB - ELOK DISWASTAKAN

AGAK tidak keterlaluan kalau saya sarankan Radio Televisyen Brunei (RTB), ikut jejak Jabatan Telekom Brunei (JTB) menswastakan pentadbiran bagi menjimatkan wang negara dan memenuhi citarasa rakyatnya. Pembaziran wang negara untuk membiayai perkhidmatan RTB sudah tidak dapat disangkal lagi, namun kesan dan fungsinya masih jauh sebagai forum menghidangkan unsur pendidikan, penghibur dan pemberi maklumat.

Kalau kita semak rancangan RTB sepanjang minggu, ter-lalu banyak program import yang dibeli walaupun RTB mendakwa terbitan tempatan sudah melampaui 50 peratus tetapi itu dihitung kerja-kerja pemberitaan (Bahagian Berita) Liputan Semasa termasuk Rampai Pagi yang yang disiarkan secara langsung.

Untuk terbitan lain pegawai RTB yang terdiri dari penerbit, perancang program lebih banyak berayun kaki, lepas tangan dan bekerja menunggu waktu. Sesetengah pegawai mencari kesempatan ikut berlakon radio, membaca teks rencana, kru juga lebih banyak mengambil kerja-kerja luar yang mem-batkan penerbit swasta untuk mencari rezeki yang lebih. Keadaan begini jelas terdedah hari ini, penerbit yang bergaji lebih \$2,000 hanya menjadi ikut-ikutan dan menunggu arahan kerja berkala. Bukan seperti lima enam tahun lalu penerbit berfungsi menerbit hiburan, drama secara tetap dan berjadual. Manakala pegawai-pegawai pengurus jual beli filem dan drama mengambil kesempatan untuk ejen-ejen baru sesetengahnya menjadi teman kongsi bagi pender atau pembahagi serta mencari film untuk RTB, dokumentari drama dari luar negara. Hal-hal di atas bukan cerita lagi tetapi suatu realiti yang mana filem-filem yang ditayangkan sudah melanggar etika tayangan Rancangan RTB contohnya pada 6 Februari 2003, jam 11.30 malam yang lalu saya sebagai penonton setia RTB ternampak adegan seks dan disko yang amat menjolok mata, filem bertajuk Fear itu sepatutnya tidak layak ditayangkan pada malam Jumaat, iaitu malam berkat/malam beribadah. Perkara seperti ini biarpun diluluskan oleh Lembaga Penapisan, tetapi pihak Ketua Rancangan-rancangan Tv seharusnya menyensitaskan cerita tersebut pada malam-malam lain, (bukan malam Jumaat). Kita rakyat dan penonton mengharapkan RTB membawakan rancangan baik, bermutu supaya penonton yang sudah taksub kepada ASTRO TV3 dan HBO akan dapat mengalihkan perhatian dan akan menonton RTB.

Usaha RTB membawa filem Hindi dan menjadikan rancangan siang hari suatu kerja sia-sia, filem-filem Hindi yang ditayangkan lumrah terdapat di kedai-kedai VCD dengan harga \$3.00, kesan sampingannya RTB seperti berkempen untuk menggalakkan anak-anak gadis supaya tergilir-gila kepada pemuda India yang bekerja di Brunei, sebab itu sekarang jangan hairan kalau ramai wanita Brunei akan berkahwin dengan orang India. Hal ini dapat dibuktikan dalam iklan Nazmi Trading yang mana seorang India duduk seperti suami isteri sambil memegang anak damit, kononnya hubungan mesra antara pekerja India dengan gadis Brunei sudah mahu dijadikan asam garam. Sebagai media kerajaan, RTB tidak wajar meluluskan hal-hal sensitif seperti itu. Kerana sifat dan sikap orang (gadis) Brunei zaman ini sudah melampau dan sukar dikawal terutama meminati pemuda India (pelakon). Saya penuh yakin RTB masih boleh dibetulkan, tetapi pegawai dan pengurusnya mesti jujur dan kerja betul. Tetapi kalau pegawai-pegawai terus berlagak seperti 'tempurung naik ke gangsa' dan bersifat 'tinggi-tinggi payau' saya kira adalah lebih baik RTB diswastakan sahaja seperti juga JTB. Pegawai-pegawai RTB harus menerima kritikan membina dan berfikir secara terbuka, jauhan dari berfikir mengagalkan benang basah. Izinkan saya memberi saranan untuk kemajuan bersama, pertama RTB sudah wajar menerbitkan sendiri program-program hiburan, drama, kuiz dan program yang lazim yang dihadapkan beberapa tahun silam. Penerbit, pegawai rancangan, kru, peralatan mencukupi. Kalau kita imbas kembali kegemilangan program hiburan misalnya, RTB telah menonjolkan pelakon-pelakon berhibwa dan penyanyi seperti Noriela Kahar, Pengiran Zainalabidin, Awangk Yusri, Salmaya Husin, S.Ros, M. Nordin begitu juga membawa karnasyuran Kudi, bersama Darah Kedayan dalam lawak jenaka, Haji Rais, Pg. Mohd. Don, Mastura Olen, Iskandar, Zubaidah Raub dalam drama. Usaha seperti ini harus diteruskan.

Adalah sudah diberi hukuman bahawa drama swasta telah gagal, dan tidak dapat menepati kebendak RTB, perkara ini telah direstui oleh RTB dalam anugerah penerbit. Apabila keputusan dibuat menghukum yang drama swasta tidak bermutu, RTB harus kembali ke pangkal jalan, buat penerbitan sendiri, gunakan tenaga penerbit yang diberi mandat, diakui oleh RTB supaya mutu persembahan program RTB dapat dipertahankan.

Jika RTB enggan merubah dan bertindak drastik maka penonton tetap setia bersama RTB akan kecewa dengan program yang cukup membosankan dan banyak diimport dari negara jiran, Barat dan lain-lain penerbitan.

Mohd. A. Kadir,
Belait.

Program Pertukaran Belia Korea - ASEAN



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Datin Paduka Hajah Jahrah bergambar ramai bersama penuntut dan pegawai kanan Kementerian Pendidikan yang menyertai Program Pertukaran Belia Korea - ASEAN. - Gambar oleh Hamadi HM.

BERAKAS, 6 Februari. - Seramai 10 orang penuntut dan dua pegawai kanan Kementerian Pendidikan akan menyertai The 4th Korea - ASEAN Future Oriented Project: Youth Exchange Programme 2002 di Republik Korea pada 10 hingga 19 Februari 2003.

Sehubungan itu majlis doa selamat bagi peserta negara berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Kementerian Pendidikan di sini.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Datin Paduka Hajah Jahrah binti Haji Mohamad yang antara lain dalam ucapannya berkata peserta dapat mengambil peluang bagi meningkatkan pengetahuan dan pengalaman mengenai negara lain selain bertukar-tukar pandangan.

Oleh
Haji Ahmad HS

Selain menjadi wakil negara para peserta juga dianggap duta kecil yang membawa nama negara dan mengambil peluang memperkenalkan negara di kalangan peserta ASEAN dan Korea.

Majlis itu juga diselenggarakan dengan penyampaian dokumen dan bendera kebangsaan oleh tetamu kehormat kepada wakil negara.

Menurut siaran akhbar Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP Centre), program yang bermula 10 hingga 19 Februari dihidari seramai 182 peserta dari 11 buah negara.

Tujuan program yang bertemakan ASEAN and Korea Youths Sharing The Vision For The Future of Asia antaranya ialah untuk mengukuhkan kerjasama pertukaran belia antara negara-negara ASEAN dan Korea bagi persahabatan yang berterusan dalam era Asia Pasifik di samping untuk menyampaikan dengan jelas pengetahuan mengenai sejarah kebudayaan dan masyarakat Korea kepada belia-belia ASEAN serta menyediakan asas persefahaman yang utuh di antara Korea dan ahli-ahli ASEAN.

Sepanjang berada di Korea para peserta negara mengikuti beberapa acara utama termasuk majlis perasmian dan penutup, membuat persembahan tradisional belia ASEAN - Korea, Pesta Makanan ASEAN - Korea dan mengadakan lawatan sambil belajar.

Siaran akhbar itu menambah para peserta negara telah diberikan beberapa aktiviti berjadual bermula 6 hingga 30 Ogos tahun lepas yang berkaitan penyediaan-penyediaan yang akan dibawa ke Republik Korea, termasuk menjalani orientasi di Pusat STEP, mengadakan lawatan ke jabatan-jabatan kerajaan dan lawatan ke BLNG dan mempelajari cara masakan dan tarian tradisi Brunei.

Senyum Budiman



RAJIN KANAK-KANAK
KITANI DI KAMPONG ANI TUAN...
INDA PAYAH DIPAJAL-PAJAL
BAIK EH, I TAU KAN DIRI LAGI...

EH..KITA INDA TAU TU...
ADA MUSLIHAT NYA TU...
LIAT DAN DANGAR SAJA,
ADA TU KARANG....

NAH NYANGKU..TAU TAH KITA TU KAN...
APA SABANARNYA.. NI...ORANG LUAR
DANGAN BISDIA AH... BUKAN BANAR NI...
BAPURA-PURA BAKABUN. BISDIA ATU TAH,
MANGEDAR,MAMASOKKAN SYABU ATU
KA NEGARA KITANI ANI...

Kebawah DYMM berkenan menerima watikah perlantikan lima perwakilan asing



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima watikah perlantikan bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand Yang Tidak Menetap ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Lt. Sunthon Niyomyath.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima watikah perlantikan bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Guinea ke Negara Brunei Darussalam Yang Menetap di Kuala Lumpur, Tuan Yang Terutama Mamadou Toure.

DPMM berkenan menerima mengadap Duta Amerika

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah hari ini telah berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei

Darussalam, Tuan Yang Terutama Gene Christy di majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman (gambar bawah).

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar juga hadir sama di majlis itu.



Oleh
Abd. Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan menerima watikah perlantikan lima perwakilan asing ke negara ini di majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Mula-mula menyembahkan watikah perlantikan ke hadapan majlis baginda ialah bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand Yang Tidak Menetap ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Lt. Sunthon Niyomyath diikuti bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kingdom of Lesotho ke Negara Brunei Darussalam Yang Menetap di Beijing, Tuan Yang Terutama Lefa Joseph Mokotjo; bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Guinea ke Negara Brunei Darussalam Yang Menetap di Kuala Lumpur, Tuan Yang Terutama Mamadou Toure; bakal Pesuruhjaya Tinggi Republik Mauritius ke Negara Brunei Darussalam Yang Menetap di Kuala Lumpur, Tuan Yang Terutama Shailendra Kumar Singh Dusowoth dan bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Mongolia ke Negara Brunei Darussalam Yang Menetap di Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Nyamsuren Aliasuren.

Seterusnya baginda berkenan menerima mengadap secara berasingan para duta besar dan pesuruhjaya tinggi berkenaan.

Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerna Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng juga hadir sama di majlis itu.

TYT Lt. Sunthon Niyomyath, 59 tahun, sebelum ini bertugas sebagai Konsul Agung di Konsultan Agung Diraja Thailand di Vancouver, Kanada. Manakala TYT Lefa Joseph Mokotjo, 48 tahun adalah juga Duta Besar di Republik Rakyat China, Jepun, Republik Thailand dan Republik Korea.

Sementara TYT Mamadou Toure, 59 tahun, antara lain pernah bertugas di Bahagian Kerjasama Antarabangsa Yang Bertanggungjawab Mengenai Agensi-Agensi Khusus Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kementerian Hal Ehwal Luar Guinea.

Manakala TYT Shailendra Kumar Singh Dusowoth, 35 tahun, adalah juga Pesuruhjaya Tinggi Republik Mauritius ke Malaysia sejak bulan Mac 2001. Sementara TYT Nyamsuren Aliasuren, 59 tahun yang juga Duta Istimewa dan Mutlak Mongolia ke Republik Demokratik Rakyat Lao antara lain pernah berkhidmat sebagai Pengarah Agensi Pembangunan Perniagaan Mongolia dan Penasihat Jawatan Kuasa Dasar Luar dan Keselamatan State Great Hural (Parlimen) Mongolia.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima watikah perlantikan bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kingdom of Lesotho ke Negara Brunei Darussalam Yang Menetap di Beijing, Tuan Yang Terutama Lefa Joseph Mokotjo.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima watikah perlantikan bakal Pesuruhjaya Tinggi Republik Mauritius ke Negara Brunei Darussalam Yang Menetap di Kuala Lumpur, Tuan Yang Terutama Shailendra Kumar Singh Dusowoth.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima watikah perlantikan bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Mongolia ke Negara Brunei Darussalam Yang Menetap di Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Nyamsuren Aliasuren.

Berangkat menyertai rakyat dan penduduk menunaikan Sembahyang Sunat Aidiladha

KIARONG, 12 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam awal pagi hari ini berkenan berangkat menyertai rakyat dan penduduk menunaikan Sembahyang Sunat Aidiladha di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah di sini.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran

Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Terdahulu dari itu keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato

Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain.

Sembahyang Sunat Aidiladha diimamkan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya, manakala khutbahnya pula dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz



Haji Awang Badaruddin.

Sejurus selepas menunaikan Sembahyang Sunat Aidiladha, baginda dan ahli-ahli kerabat diraja kemudiannya menerima junjung ziarah daripada jemaah yang sama-sama menunaikan Sembahyang Sunat Aidiladha pada pagi itu.

KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung dan dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain.

Oleh Abu Bakar HAR
Gambar-gambar oleh
Hamadi HM dan
Pengiran Rafee PDPHM



BAGINDA dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain menunaikan Sembahyang Sunat Aidiladha bersama rakyat dan penduduk di negara ini (atas kiri). Sementara gambar atas, baginda, anakanda dan adinda baginda berkenan menerima junjung ziarah para jemaah yang hadir di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda berkenan menerima junjung ziarah para jemaah yang hadir (atas). Sementara gambar kanan, adinda-adinda dan anakanda-anakanda baginda berangkat tiba di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dengan dijunjung oleh para Ahli Jawatankuasa Majlis.



SUKACITA kita menyambung tulisan minggu lepas mengenai dengan 'Aying Dalam' dan kali ini rasanya kita ingin menyebutkan serba sedikit mengenai suka duka ketika musim itu berlaku dan sedikit peristiwa yang berkaitan dengannya.

Berlakunya 'aying dalam' biasanya ada kaitan dengan 'musim hujan'. Musim hujan ini pula tidak sekadar sehari dua bahkan berminggu. Namun demikian, 'aying dalam' berlaku pada musimnya tidak kira musim hujan atau tidak. Dalam hal ini, orang dahulu menyebutnya sebagai 'musim aying pasang'. Ada juga yang menyebutnya sebagai 'aying pasang besar'.

Aying pasang besar inilah yang membimbangkan ramai orang ketika itu kerana ianya menyebabkan berlakunya banyak kerugian yang tidak setakat dari segi harta dan rosaknya barang-barang yang berharga termasuk dokumen-dokumen bahkan boleh mengganggu kesihatan apa lagi jika keadaan itu disertai oleh cuaca panas. Matahari terik dapat dirasakan bahang panasnya apabila cahayanya dipantulkan oleh air yang pasang itu dan bahang kepanasannya itu terasa memasuki ke ruang rumah.

Seperti yang kita sebutkan minggu lepas bahawa kanak-kanak suka memiliki perangai ingin mencuba. Maka itu, apabila ibu bapa mereka melarang bermain ketika aying pasang besar, selalunya mereka diberitahu supaya jangan bermain itu dan ini termasuklah melarang anak-anak mereka itu dari bermain apa sahaja yang menyebabkan terganggunya sistem pernafasan. Kesukaan kanak-kanak bermain pada waktu itu, antaranya ialah 'mentabalkan perahu' dan mencubung melalui tangan untuk memasukkan angin supaya perahu yang ditebalkan itu tadi akan terangkat naik. Bila perahu itu terangkat naik, kanak-kanak yang bermain itu tadi akan menyelam untuk memasuki perut perahu dan timbul di dalamnya. Mereka merasa seronok ketika berada di dalam perut perahu itu.

Ada beberapa sebab mengapa mereka merasa seronok sangat. Pertama, kanak-kanak itu akan mengalami kesan bunyi dengungan seperti berada dalam sebuah gua yang tertutup rapat. Apabila mereka bersuara, bunyi suara mereka akan diganding oleh dengungan (echo) yang menyeronokkan sekali gus mengubah nada suara masing-masing yang lain dari suara mereka yang biasa ketika berada di luar. Maka, mereka akan terus mencuba dari nada ke nada seperti bersuara tinggi atau berteriak dan menangis. Kedua, ketika berada dalam perut perahu yang terbalik atau 'tertungku' itu, mereka merasakan seolah-olah terlindung dan boleh dijadikan sebagai tempat bersembunyi tambahan pula suara mereka tidak berapa terkejar atau tidak boleh didengar dari luar secara pasti.

Teknik ini adalah antara cara mereka menyembunyikan diri ketika bermain sembunyi-sembunyi atau bertapak-tapak seperti mana yang kita sentuh minggu lepas. Cara inilah antara yang dilarang itu. Mengapa mereka dilarang berbuat demikian. Ada beberapa cerita yang kita kutip mengenai dengan hal ini. Sebab yang paling besar kenapa cara itu dilarang ialah dari segi bahaya yang membolehkan kanak-kanak itu sukar bernafas lalu lemas kerana pertukaran udara tidak berlaku. Sebab kedua, ianya boleh menjadi sebab terjadinya kemalangan yang tidak disangka-sangka seperti dilanggar oleh motobot yang lalu lalang terutamanya

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

SUKA DUKA SEWAKTU 'AYING DALAM'

oleh perahu-perahu besar termasuk tongkang.

Logiknya, adalah sukar bagi jurumudi-jurumudi perahu-perahu besar itu untuk melihat apa yang berada di kulit air lantaran keadaan caruknya yang biasanya tinggi atau 'melangung' itu. Kebanyakan perahu-perahu di masa silam itu dibuat dengan cara caruknya melangung yang tujuannya untuk memecah ombak sementara badannya pula agak 'semanpai' dan ada juga yang agak menuruni di bahagian buritannya.

Bayangkanlah jika perahu yang ditebalkan itu terlanggar di ketika anak-anak itu bersembunyi di dalamnya. Di situlah sebabnya mengapa ianya dilarang.

Di ketika musim 'aying pasang besar' berlaku dan ditambah oleh turunnya hujan yang agak memanjang, kesusahan lebih banyak ditempuh baik di darat mahupun di Kampong Ayer. Di darat berlaku banjir di tempat-tempat yang rendah. Kampung-kampung pedalaman biasanya mengalami keadaan yang lebih teruk seperti mana yang pernah kita alami di ketika musim hujan dan aying pasang besar berlaku di Brunei Darussalam dalam tahun antara 1962 hingga awal tahun 1963 dahulu.

Pedalaman Belait, Tutong dan Temburong adalah yang tidak terkecuali dari menerima pengalaman yang amat pahit sehingga segala jenis ternakan dan tanaman termasuk padi habis ranap ditelan banjir. Projek-projek pertanian adalah antara yang menerima akibat dengan mengalami kerugian yang banyak yang tidak setakat berlakunya kerosakan terhadap sektor-sektor perladangan, kawasan-kawasan percubaan dan binatang-binatang ternakannya, bahkan banyak peralatan dan mesin-mesin kejuruteraan pertanian tersadai dan mengalami kerosakan yang bukan sedikit nilai harganya.

Sistem tali air yang baharu dibina termasuk di Rambai dan Wasan yang diperkiran bakal pengeluar produk beras Brunei sendiri untuk keperluan negara dan berhasrat untuk mengurangkan import luar negeri, terhalang berlarutan sehingga ke-1970-an dan kawasan-kawasan tersebut tidak mendapat sentuhan seperti-mana harapan yang pernah dipikulkan di pondakannya. Banjir ternyata boleh mematikan akal dan budi bicara kita untuk terus melangkahkan kaki lalu seperti merasa jijik untuk berlumput semula. Maka tinggallah ia menjadi satu kenangan biarpun sudah ramai yang seperti melupakannya.

Banjir dari akibat aying pasang besar dan hujan

lebat juga mengakibatkan berbagai kejadian lain tidak terkecuali gangguan terhadap kesihatan penduduk. Lain-lain kemudahan seperti bekalan elektrik, jalan raya dan lain-lain rangkaian perhubungan juga terganggu dan menimbulkan berbagai ketakutan baik terhadap keselamatan mahupun bekalan makanan.

Awal 1960-an ke awal 1970-an, agaknya lebih condong kepada kegetiran berbanding kesantian dan mengundung rasa sedih betapa di masa silam itu lebih memerlukan hidup dengan cara berpayah-payah untuk mempermudah laluan generasi berikutnya.

Kita balik semula ke Kampong Ayer - cuba mengingat semula tentang bahaya yang lain pula di ketika 'aying dalam besar' yang lawannya ialah 'tuhur melantai' yang kita pernah bicarakan dalam beberapa keluaran yang lalu.

Hari ini, Kampong Ayer sudah banyak yang lain daripada keadaannya yang sudah lama berlaku itu. Mengalahkan bahawa segala perubahan yang berlaku ke atasnya adalah mengikut peredaran waktunya apa lagi bila menyedari bahawa segala sesuatu yang dijadikan itu adalah tidak kekal sifatnya, yang ertinya bahawa segalanya itu akan mengalami perubahan mengikut proses yang dilalui. Umpamanya ejaan kepadanya pun berubah, yang membayangkan bahawa ianya juga turut berlaku dalam meladani proses ilmu. Ejaan yang biasa terpakai dahulu itu ialah 'Kampong Ayer' sekarang 'ayer'nya telah berubah kepada 'air'.

Mungkinkah perubahan ini dapat mengambil erti akan keadaan airnya yang dahulu dengan airnya yang ada sekarang. Sebab, pada masa dahulu itu, air di Kampong Ayer merupakan 'pintu rezeki' kepada penduduknya. Ia merupakan sumber kehidupan mereka jika mereka memerlukan ikan dan lain-lain tangkapan 'sebagai penimbal' keperluan makanan harian mereka.

Perkataan 'air' terdapat dalam bahasa Inggeris yang bererti 'udara' dalam bahasa kita. Jadi udara dan air itu adalah penting dalam kehidupan kita dan semua orang saling perlu memerlukannya. Dan yang penting dari semua itu ialah keadaan airnya yang bersih dan selamat. Ini bererti bahawa apa pun perubahan yang berlaku ke atasnya, ia adalah sebahagian dari identiti kita sebagai orang Brunei - iaitu mudah dikenal dengan Kampong Ayernya itu.

Kalau dahulu, air di Kampong Ayer merupakan penyumbang kepada penduduk-penduduknya apabila ikan-ikan yang pelbagai jenis boleh didapati agak mudah. Hanya dengan mengail, merambat, merigis,

membubu, merawai, menyelambau, memukat, mengab, mengambur, menahan tarikan bakul yang disisik dengan tanah dari sisa tanah kupang dan lain-lainnya, penduduk Kampong Ayer merasa lega dengan tangkapan masing-masing. Mereka tidak perlu gunakan wang kalau hanya sekadar hendak memakan ikan yang masih baru atau seperti yang diistilahkan oleh orang Brunei sebagai 'ikan yang masih hidup-hidup'.

Tetapi sekarang, di Kampong Ayer sukar dilihat dan didapati ikan dari pelbagai jenis, bahkan 'badukang' yang dikenal kebal pun sudah tidak ada lagi, apa lagi 'penjulung', 'beritus' dan 'sumpit-sumpit', hatta 'badung' yang tinggal di dalam tanah, juga tidak ada kabarnya. Maka keadaan yang demikian ini dapatlah diertikan bahawa air di Kampong Ayer sudah tidak makmur lagi walaupun masih selamat jika untuk sekadar mencuba bermandi-mandi di airnya yang masin itu.

Kalau dahulu kita katakan wujudnya berbagai hidupan di air, maka ia tidak setakat yang mendatangkan manfaat sahaja bahkan terdapat beberapa jenis hidupan yang berbahaya dan boleh menjadi ancaman kepada manusia terutama ketika 'aying dalam' atau air pasang besar bahkan ada kalanya juga pada waktu-waktu biasa atau keadaan airnya yang sederhana dari segi tujur dan lamanya.

Di Kampong Ayer dahulu, terdapat setidaknya dua jenis ular air iaitu yang disebut sebagai 'tembarukai' yang warnanya hitam dan satu jenis lagi dinamakan sebagai 'birang' yang bertaris-taris kemerah-merahan, hitam dan kekuning-kuningan. Ular ini jarang memeluk tetapi dikatakan berbisa dan boleh membahayakan mangsanya. Satu jenis lagi yang seakan-akan lintah bentuknya ialah apa yang dinamakan sebagai 'balur itik'. Jenis ini dikatakan suka memasuki lubang-lubang yang ada pada tubuh manusia seperti lubang telinga dan dubur.

Namun kita dan orang-orang tua yang kita temui mengakui yang mereka tidak pernah terjumpa dengan kejadian yang demikian itu. Tetapi 'kutu air' dan 'tangksi' memang biasa dialami oleh kanak-kanak dahulu itu. Cengkaman kutu air akan meninggalkan 'tikas' yang boleh menyebabkan berlakunya penyakit kulit dan kudis. Demikian juga dengan 'tangksi' yang akan meninggalkan lendirnya di badan mangsanya dan menyebabkan bengkak-bengkak atau 'bebantr' pada kulit dan gatal-gatal serta boleh menjadi demam kepada mangsanya.

Tangkisi berbentuk 'jurung' dan saiznya lebih kurang sebesar duit dua puluh sen. Satu jenis lagi ialah 'kapang' yang mendakap di tiang rumah atau di belakang perahu (biasanya perahu besar, kapal, siku-nyir, tongkang dan scumpamanya).

Bahaya yang menanti ialah menyebabkan luka-luka jika terlanggar atau tergilis padanya. Luka-luka yang ditinggalkan oleh kapang akan menyebabkan jadinya kudis atau pakong bagi mereka yang dikatakan oleh orang-orang dahulu sebagai 'orang berdagang manis'.

Demikianlah serba sedikit mengenai antara bahaya yang berada di sebalik dalamnya air di Kampong Ayer itu. Mudah-mudahan ada manfaatnya untuk cucu cicit yang ada sekarang. Wassalam.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani ketika menjelaskan dalam Sidang Akhbar bersama para wakil media tempatan mengenai Upacara Menaikkan Bendera Besar dan pengagihan bendera-bendera kecil. - Gambar oleh Masri Osman.

Penjualan Bendera Kebangsaan

BERAKAS, 8 Februari. - Sempena sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-19 dan Upacara Menaikkan Bendera Besar dan pengagihan bendera-bendera kecil, Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara telah membekalkan dan menjual empat jenis bendera kebangsaan dengan harga \$10.00 sehingga \$99.00.

Jenis-jenis bendera itu ialah woolen bunting sewn berukuran 3 kaki x 6 kaki dengan harga \$54.00, woolen bunting sewn dengan saiz 4 x 8 kaki berharga \$99.00, woolen bunting printed bersaiz 3 x 6 kaki dengan harga \$25.00 dan cotton printed juga berukuran 3 x 6 kaki berharga \$10.00.

Beberapa agensi dan lokasi penjualan telah diatitkan oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara iaitu Ibu Pejabat Teknologi Maklumat dan Stor Negara, semua stesen-stesen

minyak di seluruh negara, cawangan-cawangan Pejabat Pos, Pejabat Daerah seluruh negara, syarikat Current Newspaper Agency, di Jalan Roberts di ibu negara, Syarikat Flynn Bookstore, First Emporium dan Supermarket, Jaya Hypermart Centerpoint, Hua Ho Department Store, Milimewah Department Store, Liang Toon Department Store, Tiong Hin Superstore, National Inn Emporium dan Sunlit Advertising.

Dalam hubungan itu agensi-agensi dan lokasi-lokasi penjualan yang telah dikenal pasti disarankan mempamerkan maklumat pemberitahuan yang jelas kepada orang ramai dengan harga yang telah ditetapkan. Untuk maklumat lanjut boleh berhubung kepada Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara melalui talian telefon: 423151, 423152, 423846 atau faks 447446.

Rakyat perlu memahami peranan bendera

BERAKAS, 8 Februari. -

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani berkata rakyat dan penduduk di negara ini adalah penting untuk memahami peranan bendera negara.

Bendera negara katanya, mempunyai peranan yang tersendiri kepada bangsa dan negara iaitu sebagai lambang identiti bangsa, simbol kedaulatan, lambang kemegahan, perpaduan, patriotisme, kekuatan dan keutuhan, kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara serta simbol khidmat bakti kepada negara, bangsa dan agama (dengan bimbingan dan petunjuk Allah Subhanahu Wataala).

Beliau menyatakan perkara itu di Sidang Akhbar bersama para wakil media tempatan mengenai Upacara Menaikkan Bendera Besar dan pengagihan bendera-bendera kecil sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-19, berlang-

Oleh Hj. Ahmad HS

sung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini.

Dalam hubungan itu jelasnya, ia perlu disanjung, dihormati, dipertahankan, ditani dan dipelihara dengan penuh semangat kebaktian dan kebanggaan.

"Pengibarannya di merata tempat, di bangunan-bangunan, rumah-rumah kediaman dan kenderaan-kenderaan dapat mencerminkan kemegahan, keceriaan dan semangat kebangsaan rakyat dan penduduk negara ini dan penuh rasa syukur dan bangsa serta kecintaan terhadap negara dan bangsa," katanya.

Di sidang akhbar itu beliau juga menekankan peranan rakyat dalam sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan. Pengibaran bendera negara oleh seluruh rakyat dan penduduk negara ini menandakan mereka memainkan peranan masing-

masing dalam menghormati, mendaulatkan dan sebagai manifestasi kesanggupan untuk memperjuangkan bangsa, pembangunan negara dan mempertahankan negara serta kemakmuran, taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja dan kepimpinan negara, kedaulatan undang-undang dan kesucian agama.

Dato Paduka juga turut menggariskan beberapa tujuan Upacara Menaikkan dan Mengibarkan Bendera yang berlangsung 9 Februari 2003, bertempat di kawasan lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolikah di ibu negara iaitu sebagai simbol perpaduan rakyat dan penduduk.

Sebagai simbol kepimpinan, pengibaran bendera besar diikuti pula selanjutnya dengan pengibaran bendera kebangsaan di daerah-daerah dan menandakan bermulanya pengibaran bendera-bendera kebangsaan dan peribadi di seluruh pelusuk tanah air.

DPPW menerima mengadap lima perwakilan asing yang baru

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri hari ini berkenan menerima mengadap lima perwakilan asing yang baru dilantik ke Negara Brunei Darussalam di majlis yang berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

Para perwakilan asing terdiri daripada Duta Besar Thailand, Tuan Yang Terutama Lt. Sunthon Niyomyath; Duta Besar Lesotho, Tuan Yang Terutama Lefa Joseph Mokotjo; Duta Besar Republik Guinea, Tuan Yang Terutama Mamadou Toure; Pesuruhjaya Tinggi Republik Mauritius, Tuan Yang Terutama Shailendra Kumar Singh Dusowoth dan Duta Besar Mongolia, Tuan Yang Terutama Nyamsuren Aliasuren.

Dalam perjumpaan itu, Duli Yang Teramat Mulia mengalu-alukan kelima-lima perwakilan asing berkenan dan mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala.

Sebelum lantikan ini,

Oleh
Abd. Karim HAB

Lt. Sunthon Niyomyath merupakan Konsul Agung, Konsulat Agung Thailand di Vancouver; Tuan Lefa Joseph Mokotjo adalah Duta Besar Lesotho yang menetap di Beijing, Tuan Mamadou Toure dan Tuan Shailendra Kumar Singh Dusowoth merupakan Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi yang menetap di Kuala Lumpur, manakala Tuan Nyamsuren Aliasuren adalah Duta Besar Mongolia yang menetap di Republik Demokratik Rakyat Lao.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap Duta Besar Thailand yang baru ke negara ini, TYT Lt. Sunthon Niyomyath. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Guinea, TYT Mamadou Toure (kiri) dan Duta Besar Lesotho, TYT Lefa Joseph Mokotjo (kanan). - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Mauritius, TYT Shailendra Kumar Singh Dusowoth (kiri) dan Duta Besar Mongolia, TYT Nyamsuren Aliasuren (kanan). - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.

INAYAH

MEMBUANG ANAK DOSA PALING BESAR

DARI Abdullah Radiallahuanhu katanya: Saya bertanya, "Ya Rasulullah, dosa manakah yang paling besar?" Baginda menjawab: "Jika engkau mengadakan sekutu bagi Allah, padahal Dialah yang menciptakan engkau." Saya berkata: "Setelah itu apa?" Baginda menjawab: "Jika engkau membunuh anak sendiri kerana takut ia makan bersamamu." Saya berkata, "Setelah itu apa?" "Berkata dengan isteri tetanggamu." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

MESYUARAT KETIGA GECF BINCANG RANGKA KERJA, PASARAN GAS

QATAR, 4 Februari. - Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman menyatakan, para menteri yang menghadiri Mesyuarat Ketiga Menteri-menteri Forum Negara-negara Pengeksport Gas (3rd GECF) telah membincangkan hasil kajian yang dilaksanakan oleh Republik Islam Iran dan Algeria mengenai rangka kerja kontrak bagi pelaksanaan projek-projek gas dan rangka kerja baru bagi pasaran gas Persekutuan Eropah.

Dalam siaran akhbar yang dikeluarkan oleh KPSU berhubung mesyuarat itu, Yang Berhormat menjelaskan kajian rangka kerja kontrak yang dilaksanakan oleh Republik Islam Iran telah menghasilkan 'database' bagi kegunaan negara-negara ahli GECF yang memuatkan rangka kerja beberapa jenis model perjanjian dan kontrak bagi projek-projek dalam industri gas asli.

Dengan adanya 'database' ini setiap negara ahli akan dapat memperoleh beberapa contoh asas kontrak yang kebiasaannya diguna pakai secara meluas dengan mudah dalam membentuk kontrak bagi negara masing-masing, tambah Yang Berhormat.

Mesyuarat yang dipekerusikan oleh Menteri Tenaga dan Industri Qatar, Tuan Yang Terutama Abdullah bin Hamad Al-Attiyah itu turut sama dihadiri oleh menteri-menteri dari Algeria, Mesir, Indonesia, Iran, Libya, Malaysia, Nigeria, Norway, Oman, Russia, Trinidad dan Tobago, Emiriah Arab Bersatu dan

Qatar. Dalam siaran akhbar itu selanjutnya juga menyatakan mengenai hasil penyelidikan rangka kerja pasaran gas Persekutuan Eropah yang dilaksanakan oleh Algeria.

Siaran itu menyatakan Yang Berhormat berkata ianya menambah kefahaman akan kesan usaha meliberalisasikan pasaran tenaga ke atas mana-mana pasaran yang mengakibatkan ketidakpastian permintaan gas dalam jangka masa pendek dan seterusnya juga mempengaruhi pembentukan strategi-strategi jangka panjang negara-negara pengeluar gas.

Ke arah meneruskan mencapai matlamat GECF dalam meningkatkan kerjasama dan pertukaran maklumat dalam industri gas asli negara-negara pengeluar dan pengeksport gas, mesyuarat telah bersempakat bagi Kumpulan Pakar Gas meneruskan perbincangan mengenai Pelan Tindakan Forum yang antara lain dari pembangunan model permintaan dan pembekalan gas sejagat, peningkatan teknologi dan kos dalam penggunaan gas khususnya bagi gas cecair (LNG), pengguna gas asli yang mampan (compressed natural gas) dan mempertimbangkan kemungkinan mengadakan perbincangan bersama di antara negara-negara Asia mengenai pembangunan pasaran gas di rantau tersebut.

Mesyuarat juga bersempat bagi kumpulan pakar gas untuk menghadapkan cadangan-cadangan mereka pada mesyuarat keempat menteri-menteri forum negara-negara pengeksport gas di Mesir pada tahun 2004.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR) JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN (BAHAGIAN II)

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
	KERJA MENCETAK BAGI 1 DOKUMEN MELIPUTI TAIPSET, BACA PRUF, PENGGAMBARAN, PEMBUATAN PLET, PENCETAKAN DAN PENJILIDAN:	
1.	Borang bernombor siri	10 hari
2.	Resit 100 dua salinan	10 hari
3.	Resit 100 tiga salinan	14 hari
4.	Kulit fail satu warna plain bersama poket	6 hari
5.	Kulit fail empat warna bersama poket	10 hari
6.	Kad stok	6 hari
7.	Sambul surat bercetak	2 hari
8.	Sampul surat bercetak dan tambahan satu warna cetakan	4 hari
9.	Sampul surat bercetak dan tambahan empat warna cetakan	8 hari
10.	Kad jemputan satu warna plain	6 hari
11.	Kad jemputan empat warna plain	8 hari
12.	Kad jemputan satu warna embossed	8 hari
13.	Kad jemputan empat warna embossed	10 hari



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan daging-daging korban kepada dua orang yang berhak menerimanya iaitu bagi Daerah Brunei dan Muara (atas dan kanan).



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan melakukan penyembelihan ke atas seekor kambing yang dikorbankan (bawah). Sementara gambar bawah sekali, hadir sama di Majlis Ibadah Korban yang berlangsung di kawasan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap dan lain-lain pembesar negara.



BERANGKA KE MAJLIS IBADAH KORBAN

Liputan Haji Ahmad HS
Gambar-gambar oleh
Harun HR, Pengiran Rafee PDPHM
dan Hamadi HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Ibadah Korban sempena Hari Raya Aidiladha yang berlangsung di perkarangan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong di sini.

Keberangkatan baginda di majlis itu dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama yang juga selaku Pengerusi Bersama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin dan ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebanyak 14 ekor kambing dan 30 ekor sapi telah dikorbankan di majlis tersebut bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beserta keluarga baginda sempena Hari Raya Aidiladha bagi tahun 1423/2003.

Majlis itu bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah yang diketuai oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian berkenan melakukan penyembelihan ke atas seekor kambing diikuti oleh anakanda-anakanda baginda. Sebanyak tujuh ekor kambing telah disempurnakan penyembelihannya di majlis itu, manakala penyembelihan selebihnya binatang-binatang korban baginda beserta keluarga baginda disempurnakan di Mulaut Abattoir.

Dalam majlis itu juga baginda berkenan mengurniakan sebahagian daging-daging korban kepada seramai 20 orang yang berhak menerimanya bagi Daerah Brunei dan Muara.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Daging-daging korban sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan daging-daging korban kepada dua orang yang berhak menerimanya iaitu bagi Daerah Brunei dan Muara (atas dan kanan).

Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Ibadah Korban sempena Hari Raya Aidiladha yang berlangsung di perkarangan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong di sini.

Keberangkatan baginda di majlis itu dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama yang juga selaku Pengerusi Bersama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin dan ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.


Sebanyak 14 ekor kambing dan 30 ekor sapi telah dikorbankan di majlis tersebut bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beserta keluarga baginda sempena Hari Raya Aidiladha bagi tahun 1423/2003. Majlis itu bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah yang diketuai oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian berkenan melakukan penyembelihan ke atas seekor kambing diikuti oleh anakanda-anakanda baginda. Sebanyak tujuh ekor kambing telah disempurnakan penyembelihannya di majlis itu, manakala penyembelihan selebihnya binatang-binatang korban baginda beserta keluarga baginda disempurnakan di Mulaut Abattoir. Dalam majlis itu juga baginda berkenan mengurniakan sebahagian daging-daging korban kepada seramai 20 orang yang berhak menerimanya bagi Daerah Brunei dan Muara. Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz. Daging-daging korban sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda ketika berangkat ke Majlis Ibadah Korban sempena Hari Raya Aidiladha di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah Kampong Kiarong (kanan). Sementara gambar kiri, baginda melafazkan niat dan membaca doa sebelum melakukan penyembelihan ke atas seekor kambing.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah dan anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan melakukan penyembelihan ke atas seekor kambing di Majlis Ibadah Korban (atas kanan dan kiri). Sementara gambar kiri, doa selamat dibacakan oleh Mufli Kerajaan, Yang Dimulakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bagi memberkati majlis. Manakala gambar bawah kiri, persembahan tausyeh menyerikan lagi majlis. Sementara gambar bawah dan kanan, para petugas bergotong-royong memotong daging-daging korban untuk diagih-agihkan kepada penerima yang berhak.





PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut ketika menyerahkan poster sempena sambutan Hari Kebangsaan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Agensi-agensi kerajaan, swasta, orang ramai diseru menaikkan bendera sempena sambutan Hari Kebangsaan

Oleh Siti Aishah HS

BERAKAS, 10 Februari. - Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-19 tahun ini, lebih 5,000 keping poster diagih-agihkan di seluruh daerah untuk mengingatkan kita kepada hari bersejarah, di samping dapat dihayati sepenuhnya oleh semua lapisan masyarakat.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penyerahan Poster-poster berkenaan disampaikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut, yang berlangsung di

Jabatan Penerangan di sini.

Di majlis tersebut, Awang Haji Bujang mengambil kesempatan menyeru kepada semua kementerian, jabatan, agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta agar menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam dan melekatkan poster-poster di tempat yang strategik dan ber-

sesuaian untuk sama-sama memeriahkan dan menyemarakkan lagi suasana Sambutan Hari Kebangsaan Ke-19 tahun ini.

Hadir bagi menerima poster-poster berkenaan ialah pegawai-pegawai perhubungan awam kementerian-kementerian, wakil-wakil jabatan, wakil-wakil institusi pendidikan, sektor swasta dan diselajarkan dengan penyerahan buku Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Persoalan Akidah dalam Dikir Syarafil Anam dan penjelasannya

NUR MUHAMMAD

SEKARANG kita lihat pula kepada apa yang dikatakan dan diragukan mengenai nur Muhammad dan dikatakan juga berpindah dari satu turunan kepada satu turunan yang lain. Seperti yang disebutkan dalam Dikir Syarifil Anam iaitu:

تَنَقَّلْتُ فِي أَصْلَابِ أَرْيَابٍ سَوْدَ * كَذَا الشَّمْسُ فِي لَبَاجِهَا تَنَقَّلُ
وَسَرْتُ سِرِّي فِي بَطْنِ تَشْرِقَتْ * بِحَمْلِ عَلَيْهِ فِي الْأُمُورِ الْمَعُولُ

Penulis Risalah itu telah menyamakan perkara ini dengan fahaman agama Majusi atau fahaman agama Hindu. Ahli Sunnah Wal-Jamaah berakidah bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam terdahulu diangkat menjadi Nabi dan Rasul berbanding dengan nabi-nabi yang lain. Iaitu pada masa Nabi Adam masih lagi terbaring di dalam Syurga dan belum ditiupkan roh, tetapi Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dilahirkan terkemudian daripada semua nabi-nabi seperti yang diterangkan di dalam hadis mengenai kejadian Nabi Adam sebelum ini. Antaranya disebutkan di dalam Hadis Qudsi riwayat Abu Na'im dalam kitab (حلية) daripada Anas Radiallahuanhu sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Telah diwahyukan kepada Nabi Musa nabi bani Israel, sesungguhnya sesiapa yang bertemu dengan-Ku (Allah) dan dia berpegang teguh dengan Ahmad maka akan Aku masukkan ia ke Syurga. Berkata Nabi Musa, "Ya Tuhanku siapa Ahmad?" Allah berfirman: "Tidak aku ciptakan sesuatu makhluk pun yang lebih mulia daripadanya, telah Aku tuliskan namanya bersama dengan nama-Ku di Arasy sebelum Aku menjadikan langit dan bumi. Sesungguhnya Syurga itu (pada Hari Kiamat) diharamkan ke atas semua makhluk sehingga ia (Muhammad) dan umatnya masuk ke dalamnya."

Diriwayatkan oleh Imam Ahmad yang maksudnya: "Sesungguhnya saya adalah penyudah nabi-nabi di sisi Allah, dan sesungguhnya pada masa itu Nabi Adam masih lagi dalam gumpalan tanah keras. Dan saya akan beritaukan kepada kamu darihal itu, iaitu darihal doa bapa saya Nabi Ibrahim. Dan perkhabaran gembira Nabi Isa mengenai saya (kepada Bani Israel) dan mimpi ibu saya yang dia lihat keluar daripada cahaya yang menerangi istana negeri Syam, (yang pada masa itu di bawah kuasa Romawi / Parsi) dan demikian juga para ibu nabi-nabi melihat demikian."

Doa Nabi Ibrahim Alaihissalam itu adalah sebagaimana yang disebutkan oleh Al-Quran dalam Surah Ibrahim ayat 37 - 41 yang tafsirannya:

Sumbangan Jabatan Hal Ehwal Syariah Kementerian Hal Ehwal Ugama

"Ya Tuhan kami, sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian daripada keturunanku di lembah yang tidak mempunyai tanam-tanaman di dekat rumah Engkau (Baitullah) yang dihormati, ya Tuhan kami (yang demikian itu) agar mereka mendirikan solat, maka jadikanlah hati sebahagian manusia cenderung kepada mereka dan beri rezeqilah mereka dari buah-buahan, mudah-mudahan mereka bersyukur (37). Ya Tuhan kami, sesungguhnya Engkau mengetahui apa yang kami sembunyikan dan apa yang kami lahirkan; dan tidak ada sesuatu pun yang tersembunyi bagi Allah, baik yang ada di bumi maupun yang ada di langit (38). Segala puji bagi Allah yang telah menganugerahkan kepadaku di hari tua (ku) Ismail dan Ishaq. Sesungguhnya Tuhanku, benar-benar Maha Mendengar (memperkenankan) doa (39). Ya Tuhanku, jadikanlah aku dan anak cucuku orang-orang yang tetap mendirikan solat, ya Tuhanku, perkenankanlah doaku (40). Ya Tuhan kami, beri ampunlah aku dan kedua ibu bapaku dan sekalian orang-orang mukmin pada hari terjadinya hisab (Hari Kiamat) (41)."

Ini diikuti oleh Sayidina Umar ketika beliau menangis semasa kewafatan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Ya Rasulullah, demi ayahku, engkau dan ibuku, sesungguhnya ketinggian keistimewaanmu di sisi Allah ialah dengan mengutusmu sebagai penyudah nabi-nabi dan menyebutmu sebagai orang yang pertama di kalangan mereka."

Ini adalah berbetulan dengan apa yang diriwayatkan oleh al-Tabrani daripada Ibnu Abbas ketika Ibnu Abbas mentafsirkan firman Allah Subhanahu Wataala وَتَقِيَّكَ فِي السَّاجِدِينَ Surah Al-Israa' ayat 219. Ibnu Abbas berkata Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Berpindahlah kejadian penciptaan Baginda (bermula dari cahaya) itu dari suatu sulbi seseorang nabi kepada suatu sulbi seseorang nabi yang lain sehingga jadilah (kemudian) yakni (lahirlah) aku sebagai Nabi."

Kemudian apabila kita membaca 'Ilmu Sains Keturunan' 'Herediti' sifat yang baik atau yang buruk itu turun sedikit sebanyak daripada keturunan yang dahulu kepada keturunan yang terkemudian seumpama bentuk tubuh badan, rupa, perangai dan lain-lainnya. Seseorang bila melihat perangai seseorang pencuri, ia akan berkata: "ini

SIRI AKHIR

waris bapanya", "bapanya macam ini dahulu", atau" (ia ini ada waris neneknya".)

Begitulah juga sifat kemuliaan dan kesucian risalah dan nubuwah itu berpindah turun dari seseorang nabi kepada seseorang nabi sampai kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam lalu menjadi Nabi/Rasul yang terakhir sekali. Ini bukan fahaman Hindu atau fahaman Majusi, Ilmu Sains pun mengakui perkara ini.

Adapun fahaman Hindu (sebenarnya yang Hinduism) itu dinamakan dalam bahasa Arab تناسخ الأرواح (Tanasukh Al-Arwah) atau incarnation berpindah kepada jasad atau manusia atau lain-lain makhluk. Kalau ia baik pindah kepada jasad manusia yang baik atau makhluk lain yang lain. Kalau ia jahat pindah kepada makhluk lain seperti anjing, tikus atau lain-lain. Ia terus berpindah sampai rohnya itu menjadi suci dan sampai kepada peringkat yang dinamakan 'Nirwana'. Fahaman ini tidak ada dalam Islam. Menurut akidah Islam seseorang yang mati ruhanya balik kepada Allah Subhanahu Wataala, kemudian Allah menahankan roh itu menurut kehendak dan Iradat-Nya. Sampailah kepada Hari Kiamat roh itu dibangkitkan semula untuk menghadapi penghakiman Allah di Hari Al-Hasyr itu. Adapun fahaman Hindu/Buddha dan Majusi tidak percaya kepada hari kiamat dan tidak ada konsep Syurga dan Neraka seperti kepercayaan akidah Islam.

KESIMPULAN

Dari kajian yang dibuat dan pandang ahli akademik dari Institut Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Universiti Brunei Darussalam, dapatlah kita simpulkan beberapa perkara:

* Bait-bait yang terdapat dalam buku Dikir Maulid Syarifil Anam hanyalah bahasa kiasan yang bertujuan untuk mengagungkan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai Pesuruh Allah yang membawa rahmat ke seluruh alam semesta ini.

* Pengagungan yang tidak sampai memertakatkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai Tuhan adalah diharuskan.

* Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam memiliki kemuliaan dan keistimewaan di sisi Allah melebihi makhluk yang lain. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Termizi dari Ibnu Abbas bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang mak-

sudnya:

"Aku adalah orang yang termulia di kalangan umat manusia terdahulu dan termulia pula di kalangan manusia yang hidup dalam zaman paling belakangan, namun tiada kebanggaan."

* Bertawassul dengan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam selepas kewafatannya adalah masalah khilafiah. Terdapat sebahagian ulama dari Ahli Sunnah Wal-Jamaah mengharuskannya asalkan jangan menganggapnya mempunyai kuasa memberi sesuatu yang diminta dan boleh menolak sesuatu bala. Sebahagian yang lain menegahnya.

* Tawassul, Syafa'at dan Istighasah semuanya mempunyai makna yang sama, iaitu bertabarruk dengan kekasih Allah. Ia bukanlah bermakna yang bertawassul itu berkeyakinan bahawa yang ditawassul dengannya (seperti Nabi atau lainnya) dapat memberi bekas, kerana tiada yang dapat memberi bekas kecuali Allah Taala, yang lain hanyalah sebagai sebab-musabab sahaja.

Oleh kerana masalah tawassul adalah termasuk dalam soal-soal khilafiah, maka adalah perlu setiap golongan sama ada yang menerimanya atau menolaknya bersikap toleransi dan saling menghormati pendapat dan pandangan yang lain. Janganlah berlaku golongan yang menolak menuduh sesat atau menghukumkan kafir kepada golongan yang menerima dan begitulah sebaliknya. Jika perkara ini terjadi, ia bukan saja dapat merugikan umat Islam, malah ia juga akan memberi peluang keemasan kepada musuh-musuh Islam untuk menghancurkan kekuatan dan memecahbelahkan umat Islam. Walau bagaimanapun seperti orang-orang Islam yang terdahulu mereka yang mengemukakan pendapat itu, hendaklah secara bertanggungjawab dan diketahui (bukan dengan mengedarkan risalah-risalah yang tiada diketahui orang siapa yang menjadi sumbernya, kerana di dalam Al-Quran ada dinasihatkan yang tafsirannya:

"Maka tanyakanlah olehmu kepada orang-orang yang berilmu, jika kamu tidak mengetahui."

Perbuatan menulis secara bersembunyi menunjukkan ketidakjujuran dan mempunyai agenda yang tidak bertanggungjawab yang patutnya dijauhi oleh semua orang berakhlak mulia.

Menyadari hal tersebut, maka adalah lebih baik kita menjaga keharmonian dan kesejahteraan umat Islam serta memperkukuhkan jati diri daripada bertelagah dalam perkara-perkara khilafiah.

WALLAHU'ALAM

Majlis-Majlis Ibadah Korban ...



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd Zain mengagihkan daging korban kepada seorang penerima. - Gambar oleh Masri Osman.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama memotong daging korban yang diadakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk diagihkan kepada penerima yang berhak. - Gambar oleh Masri Osman.

Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pasukan Polis anjurkan Majlis Korban

GADONG, 14 Februari. - Pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan jabatan-jabatan di bawahnya juga menganjurkan Majlis Korban dalam sama-sama merebut peluang untuk beramal dan bersedekah seperti yang dituntut oleh agama Islam.

Tahun ini, sebanyak 9 ekor lembu dan enam ekor kerbau dikorbankan di mana Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin mengepalai memotong daging korban bagi memulakan majlis yang berlangsung di Kementerian berkenaan, pagi tadi.

Yang Berhormat juga menyampaikan agihan daging korban kepada seramai 60 orang penerima yang berhak dan 20 orang saudara-saudara baru yang dipilih.

Sementara itu, pada 13

Oleh
Samle HJ

Februari lalu, Badan Ugama Islam Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) juga menyembelih tujuh ekor kerbau di perkampungan Surau Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei.

Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Haji Abdul Rahman bin Haji Johan menjadi tetamu kehormat majlis dan menyampaikan agihan daging-daging korban kepada wakil-wakil cawangan polis di seluruh negara.

Melakukan ibadah korban telah menjanjikan hikmah sebagai syiar agama Islam dan lambang kesyukuran bagi orang-orang yang mampu sekali gus merebut pahala yang dijanjikan-Nya.

Perkara itu telah disentuh oleh Pensyarah Pusat Da'wah Islamiah, Ustaz Dr. Haji Md. Shahroni ketika menyampaikan ceramah sempena majlis berkenaan.

Katanya, waktu penyembelihan korban bermula pada 10 Zulhijjah selepas mengerjakan sembahyang Hari Raya Aidiladha dan membaca dua khutbah dari terbit matahari hingga terbenam matahari 13 Zulhijjah.



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohd. Yusof mengagihkan daging korban Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada seorang penerima di Daerah Temburong (kiri). Sementara gambar kanan, sebahagian penduduk Daerah Temburong yang berhak menerima daging korban. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Kementerian Kesihatan anjurkan Majlis Ibadah Korban

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Februari. - Majlis-majlis Korban sempena Hari Raya Aidiladha terus diadakan oleh pelbagai pihak di negara ini sebagai tanda syukur di atas nikmat kesenangan dari Allah Subhanahu Wataala.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesihatan turut mengadakan Majlis Korban dan Aqiqah yang berlangsung di kawasan letak kereta kementerian berkenaan pagi tadi.

Sejumlah 9 ekor kerbau iaitu tujuh ekor bagi kor-

Oleh
Bolhassan HAB

ban dan dua ekor untuk aqiqah telah disembelih.

Hadir menyempurnakan pangagihan daging korban dan aqiqah itu ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar.

Takbir Hari Raya bera- mai-ramai telah bergema bagi menyerikan majlis tersebut yang merupakan projek tahunan kementerian berkenaan.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar memotong daging korban Kementerian Kesihatan. - Gambar oleh Hamadi HM.

KHEDN berkorban 4 ekor lembu

BERAKAS, 12 Februari. - Bersempena sambutan Hari Raya Aidiladha, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menganjurkan Majlis Korban bagi kementerian berkenaan dan jabatan-jabatan di bawahnya bertempat di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba di sini.

Pada tahun ini kementerian berkenaan telah mengorbankan sebanyak empat ekor lembu.

Hadir membahagikan daging-daging korban itu ialah Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin dan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Hassan.

163 penduduk Daerah Temburong menerima daging korban

TEMBURONG, 12 Februari. - Seramai 163 orang penduduk daerah ini menerima daging korban Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan keluarga

Oleh
Samle HJ

baginda.

Tahun ini, baginda dan keluarga baginda telah berkorban sejumlah 30 ekor sapi dan 14 ekor kambing.

Majlis penyerahan daging-daging korban Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan keluarga baginda bagi daerah ini telah disampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohd. Yusof bin Bakar di Dewan

Kemasyarakatan, petang tadi.

Sementara itu, majlis penyerahan daging-daging korban itu juga diadakan di seluruh daerah yang di- kendalikan oleh Pejabat Daerah masing-masing.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Puan Sheng Weihong, isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke negara ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Puan Rebecca Christy, isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat (kiri) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Nordic, Puan Yang Terutama Datin Tan Bee Yong.

Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan menerima mengadap

Oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA
Gambar-gambar oleh Halim HS dan Hamadi HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha telah berkenan menerima mengadap secara berasingan

isteri-isteri perwakilan asing dari negara-negara sahabat dan Duta Besar Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap ke Nordic. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula menerima mengadap isteri Tuan Yang Terutama Wei-Wei, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Sheng Weihong.

Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan pula menerima mengadap isteri Tuan Yang Terutama Gene Christy, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Puan Rebecca Christy.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap ke Nordic (Norway, Sweden, Denmark dan Finland), Puan Yang Terutama Datin Tan Bee Yong.

BLNG, KBR tandatangani kontrak \$120 juta

LUMUT, 13 Februari. - Syarikat Gas Cecair Asli Brunei (BLNG) akan memasang empat unit baru alat Peralihan Pembakaran Cryogenic Utama (MCHes) yang akan digu-

nakan bagi proses pencairan gas.

Unit-unit baru itu akan menggantikan alat pembakaran Cryogenic Utama yang sedia ada bagi jangka masa tiga tahun akan da-

Oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA

tang. Sehubungan itu Majlis Menandatangani Perjanjian Kontrak antara BLNG dan Syarikat Pengedar Antarabangsa bagi alat utama tersebut, Kellogg Brown & Root (KBR) yang diadakan di Ibu Pejabat BLNG di sini.

Pengarah Urusan BLNG, Dato Paduka Awang Haji Hamdillah mewakili BLNG, manakala Syarikat Halliburton diwakili oleh Naib Presiden Kanan, Tuan Bill Dunnet menandatangani perjanjian tersebut yang bernilai \$120 juta melibatkan penyertaan anak tempatan dalam bidang perakaunan, kewangan sebanyak 42 peratus.

Alat MCHes merupakan alat yang terakhir dilalui oleh gas asli semasa proses pencairan. Ia merupakan peralatan yang terbesar dan paling canggih. Semasa proses pencairan suhu gas asli direndahkan di bawah paras beku 165 darjah celsius.

Dengan pemasangan alat utama itu, Syarikat BLNG berhasrat akan dapat mengekalkan statusnya di mata dunia antarabangsa sebagai ketua dalam pembekalan gas cecair asli komitmennya kepada pelanggan-pelanggan tradisinya iaitu Jepun dan Korea serta mengekalkan keupayaan dalam pemasaran secara global.

Pemasangan unit-unit baru MCHes iaitu 4 dan 1 dijadualkan pada tahun hadapan, manakala pemasangan 2 dan 3 dijadualkan pada tahun berikutnya.



MAJLIS Penandatanganan Penerimaan Persenjataan FZ dari Belgium antara Pemerintah ATUDB, Kolonel (U) Haji Mahmud bin Haji Saidin mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Syarikat Weapon System dari Belgium diwakili oleh Pengarah Urusan syarikat itu, Danny Drion. - Gambar oleh Hamadi HM.

Oleh Haji Ahmad HS

ATUDB punyai Roket FZ

TUNGKU, 4 Februari. - Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB) kini mempunyai peralatan persenjataan yang lebih canggih dan terbaharu yang dikenali sebagai sistem Roket FZ.

Sistem Roket FZ mempunyai kemampuan kelajuan melebihi dua kali ganda dari kelajuan cahaya dan berkemampuan jarak lebih sembilan kilometer dari bumi ke udara, mana-

kala lima kilometer dari udara.

Pembelian sistem Roket FZ ini adalah bagi menggantikan sistem Roket Sura yang telah digunakan oleh ATUDB sejak 1981.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penandatanganan Penerimaan Persenjataan FZ dari Belgium telah dilangsungkan di Ibu Pejabat Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei di sini.

Pemerintah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei, Kolonel (U) Haji Mahmud bin Haji Saidin mewakili bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, manakala Syarikat Weapon System dari Belgium diwakili oleh Pengarah Urusan, Danny Drion.

Selepas penandatanganan itu, Pemerintah ATUDB dan Pengarah Urusan Syarikat Weapon System me-

nabur bunga rampai ke atas Roket FZ yang telah dipasang di salah sebuah pesawat helikopter Bolkow.

Sistem Roket FZ berukuran 2.75 inci dengan keberatan lebih sepuluh kilogram dan pelancarannya kurang dari 30 kilogram yang diperbuat dari aluminium dan bahan komposit.

Sistem Roket FZ merupakan roket serbaguna

yang boleh dipasang pada helikopter penggempur, pesawat pejuang dan kapal peronda. Roket FZ ini berupaya melancarkan satu tembakan atau berulang-ulang dalam satu masa ketika membuat serangan. Sehingga kini lebih dari lapan juta Roket FZ telah dibuat.

Sistem Roket FZ telah digunakan oleh 55 buah negara dan 70 pasukan tentera di seluruh dunia.

ARENA SUKAN

Lt. Kol. (B) Haji Mahmud rangkul piala rebutan

JERUDONG, 16 Februari. - Leftenan Kolonel (B) Haji Mahmud munculkan menjuarai keseluruhan Gross, Kejohanan Golf Piala Rebutan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota bagi Dana Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim, yang berlangsung di Royal Brunei Golf, Jerudong Park Polo and Country Club.

Pemain yang mempunyai handikap 9 ini mencatatkan 77 manakala Leftenan Kolonel (B) Haji Abdul Aziz Abdullah, naib juara tahun menduduki tempat kedua dengan mencatatkan 80 OCB sementara juara tahun lepas Seruji Haji Setia menduduki tempat ketiga.

Berangkat mengurniakan piala dan hadiah kejohanan itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota

Oleh
Haji Ahat HI

Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Juara keseluruhan Nett pula disandang oleh Pg. Haji Ibrahim Pg. Haji Damit yang mencatatkan 68; kedua, Sabri Naweb dengan catatan 69 OCB dan ketiga, Haji Mohd. Alipah juga mencatatkan 69 OCB.

Dalam bahagian 'A' Gross pula dijuarai oleh Leftenan Kolonel Haji Nasir Haji Momin dengan catatan 81, menduduki tempat kedua Leftenan Kolonel Haji Jol Joblee Haji Bangkol dengan catatan 83 OCB dan ketiga, Johari Ahmad mencatatkan 83.

Pemenang bahagian 'A' Nett dimenangi oleh Hasman Abu Hassan dengan catatan 73 OCB. Kedua, Leftenan Kolonel

Haji Azlan juga mencatatkan 73 dan ketiga, Haji Ali Rahman dengan catatan 74 OCB.

Awang Murni Haji Ahmad pula munculkan menjuarai bahagian 'B' Gross dengan catatan 83; kedua, Leftenan Kolonel (B) Haji Abas dengan mencatatkan 86 OCB dan ketiga, Yang Amat Mulia Pg. Anak Haji Mohammad Al-Mokhtar dengan mencatatkan 86.

Juara bahagian 'B' Nett pula disandang oleh Haji Abd. Gapar dengan 70 OCB; kedua, Salleh Yusoff mencatatkan 70 OCB dan ketiga, Dr. Alif yang mencatatkan 72.

Mengungguli bahagian 'C' Gross pula ialah Dee Teng Wah dengan catatan 91; kedua, Jimmy Hong yang mencatatkan 92 dan ketiga, Haji Hamdani dengan catatan 95 OCB sementara juara bahagian 'C' Nett pula dimenangi

oleh Hj Osmar Duraman dengan 71; kedua, Haji Aldani dengan catatan 72 dan ketiga, Kevin Lau Xue Qian dengan catatan 73 OCB.

Kejohanan selama dua hari itu disertai oleh hampir 100 orang pemain yang terdiri dari pegawai-pegawai kanan kerajaan dan sektor swasta.



JUARA... DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah mengurniakan piala rebutan kepada Lt. Kolonel (B) Haji Mahmud yang menjuarai kejohanan tersebut. - Gambar oleh Masri Osman.

Bola Sepak Perdana Dua : Skuad negara pamer aksi sumbang

Oleh
Haji Ahat HI

cubaan yang membawa kepada jaringan pertama dari Milan Stelec yang menolak bola masuk dari hantaran tinggi Ganeson S. Arumugan.

Ketinggalan 1-0, barisan tuan rumah cuba bertindak balas melakukan serangan-serangan melalui Afendi Yati Tuah bersama Ak. Mohd. Shahrom, begitupun keduanya gagal menembusi pertahanan yang dikawal oleh Elengoo Murugayah dan Nor Nazri Mohd. Nor.

Sedang barisan tuan rumah mencari-cari peluang membuat serangan, pasukan pelawat pula berjaya menembakkan jaringan kedua juga melalui

Milan Stelec yang mendapat umpanan dari tepi kiri dan terus merembat masuk menewaskan penjaga gol, Wardun Yusoff.

Nyata sekali percaturan tuan rumah yang meletakkan Zurkumi Dawat, Shahrudin Haji Sharbini dan Mark William Thomas di bahagian pertahanan kurang mantap dan mudah ditembusi penyerang utama Selangor Public Bank Milan Stelec, Paul Raj Ramasamy dan Md. Noor Mat Derus. Kelemahan itu membuka ruang bagi pasukan pelawat melancarkan banyak percubaan.

Zurkumi Dawat dan Shahrudin Haji Sharbini umpamanya sering kurang sefahaman apabila berdepan dengan serangan-serangan mengejut, yang membuatkan pihak lawan

begitu mudah membolosi pertahanan. Sementara Mark William Thomas, yang sering kali membantu bahagian penyerang juga terkeliru dengan keadaan itu.

Bahagian penyerang juga gagal melaksanakan serangan dengan berkesan dan kebanyakan gerakan berligar setakat kawasan D dan begitu mudah dihadap oleh pertahanan pelawat. Kelemahan menguasai bola tinggi serta hantaran kurang tepat antara faktor yang menjayakan kepincangan penyerang Afendi Yati Tuah dan Ak. Mohd. Shahrom.

Melalui kelemahan-kelemahan itulah membuatkan kepada pelawat dapat memanfaatkan kesempatan untuk meraih kemenangan



PEMAIN import Brunei Darussalam, Mark William Tomas cuba merebut bola tinggi depan pintu gol Selangor Public Bank dalam pertemuan pertama Liga Perdana Dua Malaysia. - Gambar oleh Hamdi HM.

Peserta BSP kuasai triathlon

PESERTA-PESERTA tempatan belum mampu menyaingi kehebatan dan ketahanan peserta triathlon yang terdiri dari pekerja-pekerja Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) yang menjuarai kesemua kategori Triathlon Panaga Ke-21.

Kejohanan dwitahunan itu dianjurkan oleh Kelab Panaga, Setia sebagai projek sukan yang mendapat sambutan yang menggalakkan dari peminat-peminat sukan triathlon terdiri dari anak-anak tempatan dan pekerja-pekerja BSP.

Isa diadakan di Kelab Panaga pada 9 Februari lalu yang dibahagikan kepada perseorangan lelaki dan wanita, kumpulan berganti-ganti lelaki dan wanita, campuran berkumpulan dan mini triathlon bagi wanita dan kanak-kanak.

Tempat pertama bagi perseorangan lelaki ialah Mike Ward dengan catatan 1 jam 18 minit 21 saat; kedua, Jim Barid 1 jam 24 minit 04 saat dan ketiga, Haji Abu Bakar dengan masa 1 jam 25

Oleh
Abdullah Asgar

minit 43 saat, sementara juara wanita ialah Helen Gunn; kedua, Yuchi Besly dan ketiga, I Waddens Braward.

Manakala bagi berkumpulan tempat pertama ialah



SALAH seorang peserta bergegas untuk meneruskan larian triathlon yang berlangsung di Daerah Belait. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Handsome; kedua, RGT dan ketiga, Sengkun Ironman II dan johan bagi kumpulan wanita ialah Power Puff Girls dengan 1 jam 46 minit 58 saat kumpulan tunggal dari Kelab Panaga.

Sementara bagi triathlon mini kanak-kanak johan ialah Al Gibb; kedua, Wong Sin Hing dan ketiga, Mike Cross.

Mike Ward dan Helen Gunn merupakan juara bertahan beberapa tahun yang lalu.

Kelab Panaga, Setia akan mengadakan kejohanan serupa pada September ini dan diharapkan lebih ramai penyerang akan mengambil bahagian terutama peminat-peminat tempatan.

PESAKA anjur Basikalton

Oleh
Abdullah Asgar

PERSATUAN Melayu Keriam Tutong (PESAKA) akan menganjurkan perlumbaan basikalton 'Mountain Bike' kali ketiga pada 2 Mac 2003 (Ahad) yang diselenggarakan dengan sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan Ke-19.

Menurut Siaran Akhbar PESAKA, perlumbaan itu bermula jam 7.00 pagi akan dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu lelaki terbuka dan lelaki veteran 'A' 36-44 tahun sejauh 85 kilometer, manakala lelaki veteran 'B' 45 tahun hanya 60 kilometer dan kategori jempunan.

Mesyuarat bagi pasukan-pasukan yang menyertai kejohanan akan berlangsung pada 22 Februari di Stadium Negara Hassanal Bolkiah jam 3.00 petang dan kesemua pengurus dikehendaki menghadiri mesyuarat itu.

Keterangan lanjut mengenai mesyuarat itu boleh diperolehi dari Haji Zulkifli bin Haji Laidin melalui telefon 243111 sambungan 126 atau 127.

Menurut siaran akhbar itu lagi, peminat-peminat sukan lumba basikal di negara ini bolehlah memperoleh borang dan keterangan lanjut dengan menghubungi Awang Missli Haji Talib melalui telefon 08-738304 atau mendapatkan borang penyertaan di semua kedai menjual basikal di seluruh daerah.

Mereka juga boleh menghubungi Pegawai Waran I (U) Haji Ahmad Mahyuddin

dan Pegawai Waran I (U) Abd. Rani Haji Md. Jaya di Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei melalui telefon 08-838865.

Borang yang lengkap diisi hendaklah dikembalikan bersama wang pembayaran kepada pihak penganjur tidak lewat pada 21 Februari atau penyerahan tidak akan dilayan.

Tahun lalu perlumbaan serupa telah dijuarai oleh Chiew Chiew Lie bagi kategori terbuka, sementara Akui Anam juara veteran 'A' dengan menerima hadiah tiket penerbangan

Mesyuarat Kejohanan Bola Tampar

PERSATUAN Bola Tampar Amatur Brunei Darussalam (BABA) akan menganjurkan Kejohanan Bola Tampar Lelaki dan Wanita kali pertama pada 1 Mac depan. Kejohanan terbuka kepada persatuan-persatuan sukan, kelab dan pertubuhan, jabatan-jabatan kerajaan dan kementerian seluruh negara.

Mesyuarat bagi pasukan-pasukan yang

menyertai kejohanan akan berlangsung pada 22 Februari di Stadium Negara Hassanal Bolkiah jam 3.00 petang dan kesemua pengurus dikehendaki menghadiri mesyuarat itu.

Keterangan lanjut mengenai mesyuarat itu boleh diperolehi dari Haji Zulkifli bin Haji Laidin melalui telefon 243111 sambungan 126 atau 127.

Majlis Perjumpaan Penerangan bagi Mukim Bukit Sawat ...

Institusi keluarga asas penting pembinaan masyarakat

BUKIT SAWAT, 16 Februari. - Institusi keluarga merupakan asas penting kepada pembinaan masyarakat termasuk dalam usaha menangani masalah dan gejala tidak sihat di kalangan remaja pada masa ini.

Individu yang lahir dan masyarakat yang sempurna berpotensi menjadi tulang belakang kepada negara dan bangsa. Apabila masyarakat kuat maka akan kuat pula bangsa dan negara.

Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri menekankan perkara tersebut di Majlis Perjumpaan Penerangan bagi Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait berlangsung di Kampong Merangkang.

Menurut Dato Paduka setiap anggota keluarga hendaklah mempunyai tanggungjawab moral bagi mewujudkan generasi yang berakhlak dan sempurna akidahnya, di samping memberi perhatian kepada kemajuan pelajaran, disiplin, tingkah laku dan pergaulan serta kegiatan anak-anak dan remaja.

Institusi keluarga dan anggota masyarakat, tegas Dato Paduka berperanan menanamkan sifat hormat-menghormati dan berwar galat di kalangan remaja, semangat bergotong-royong dan prihatin kebersihan alam sekitar.

Dalam menangani masalah sosial yang melanda masyarakat pada masa ini seperti gejala dadah, jenayah remaja, perbuatan pemugut dan pergaulan tidak bermoral, pihak kerajaan tanpa mengundurkan sentiasa berusaha melalui agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk mengatasinya, ujar Dato Paduka.

Kesungguhan kerajaan bagi menangani permasalahan itu, jelas Dato Paduka dapat dilihat melalui penubuhan Jawatankuasa Masalah Sosial yang merangkakan strategi dan tindakan bagi mengatasi masalah sosial di negara ini.

Sehubungan dengan itu Dato Paduka juga menyeru institusi penghulu mukim dan ketua-ketua kampung agar sentiasa meningkatkan peranan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung masing-masing kerana institusi tersebut merupakan teras kepimpinan akar umbi.

Dalam waktu yang sama tambah Dato Paduka, penduduk mukim dan kampung hendaklah memberikan sokongan dan kerjasama yang padu dalam menggerakkan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung mereka.

Seperti mana yang dihasratkan dalam penubuhannya, penghulu dan ketua kampung bersama penduduk kampung melalui Majlis Perundingan Mukim dan Kampung akan dapat merancang dan mengusahakan pelbagai program bagi kesejahteraan anak buah dan penduduk setempat.

Melalui kepimpinan itu juga akan dapat memupuk semangat kewarganegaraan yang baik dalam mendukung kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, katanya.

Dato Paduka juga me-

Oleh
Sahari Akim

nyarankan agar Majlis Perundingan Mukim dan Kampung bukan sahaja menjalankan kegiatan rutin tetapi hendaklah juga menyusun kegiatan dan program yang lebih besar dan mencabar seperti membangun kegiatan ekonomi dan pertanian mukim dan kampung.

Dato Paduka menambah, ia termasuk berusaha meningkatkan pelancongan ke mukim-mukim dan kampung-kampung dengan mengene- gahkan dan memajukan tarikan pelancongan yang terdapat di kawasan berkenaan.

"Kaedah pengendalian yang mantap ini akan mewujudkan semangat kespakatan dan kerjasama, perpaduan dan nilai-nilai luhur dalam masyarakat. Di samping itu ia akan dapat meningkatkan kesedaran dan semangat patriotik rakyat dan penduduk terhadap tanggungjawab sosial mereka kepada masyarakat dan tanah air," tegas Dato Paduka.

Perkembangan itu juga akan dapat mengubah sikap masyarakat supaya lebih berdaya saing dan bersikap berani serta yakin diri dalam mengurangkan pergantungan kepada bantuan kerajaan, di samping melahirkan budaya muafakat yang menyumbang kepada kemajuan diri, keluarga dan masyarakat.

Selain itu institusi Majlis Perundingan Mukim dan

Kampung juga dapat berperanan dalam menanamkan nilai-nilai murni, tatasusila, menghormati adat budaya dan semangat kerohanian di kalangan golongan belia setempat melalui kegiatan dan projek kebajikan bercorak keagamaan, berkeadilan dan sosial secara berterusan.

Menyentuh bidang ekonomi, Dato Paduka menjelaskan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa berusaha ke arah membangun negara bagi menjamin kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Dalam memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan bagi tahun 2003 sejumlah \$1 bilion telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-8.

Pada masa yang sama melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi, pihak kerajaan telah mengenal pasti dua projek utama yang akan dapat menarik para pelabur luar negeri, di samping meningkatkan usaha mempelbagaikan ekonomi negara dan mewujudkan industri hiliran.

Projek-projek tersebut termasuklah pembangunan tapak perindustrian di Sungai Liang dan Pulau Muara Besar yang bukan sahaja mampu menarik para pelabur asing dan mempelbagaikan ekonomi negara, malah akan dapat memberikan banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Dalam waktu yang sama

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga sentiasa menitikberatkan pembangunan seimbang dan terarah bagi membangun kawasan pedalaman dan luar bandar.

Menurut Dato Paduka, pihak kerajaan melalui agensi-agensinya tidak mengundurkan akan terus melaksanakan pembangunan dan memberikan bantuan asas di kawasan-kawasan pedalaman dan luar bandar dengan merangka program-program pertanian, perikanan, infrastruktur, kemajuan perumahan

dan pelbagai kemudahan yang lain.

Tanah-tanah untuk bercucuk tanam diperluaskan untuk mewujudkan keseimbangan dan mengurangkan jurang pendapatan antara daerah dan seterusnya meningkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Apa yang penting, tegas Dato Paduka, rakyat dan penduduk perlu sentiasa memberikan kerjasama dan tampil ke hadapan menyambut baik usaha kerajaan untuk membangun mukim-mukim dan kampung-kampung.



DATO Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri ketika berucap di Majlis Perjumpaan Penerangan bagi Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait berlangsung di Kampong Merangkang. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.



SESI Dialog antara Setiausaha-setiausaha Tetap beberapa buah kementerian, ketua-ketua dan pegawai-pegawai kanan jabatan-jabatan kerajaan dengan wakil-wakil dari Kampong Merangkang dan Kampong Bukit Sawat. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

Pendekatan interpersonal masih mempunyai tempat dalam berinteraksi

BUKIT SAWAT, 16 Februari. - Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut berkata beta-pa pun canggihnya teknologi zaman siber sekarang pendekatan interpersonal dan bersemuka masih mempunyai tempat dan ruang lingkup dalam konteks berinteraksi antara kerajaan dan rakyat, lebih-lebih lagi dengan pemimpin-pemimpin akar

umbi.

Menurutnya jika diamati fakta sejarah profil dan latar belakang Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin III ternyata tema 'Pemimpin Menyusuri Mukim' menjadi 'flagship' dalam pelaksanaan tugas dan pentadbiran baginda.

Dari itu pendekatan cara mengadakan Majlis Perjum-

paan Penerangan yang dilakukan oleh para pemimpin yang telah dipertanggungjawabkan dalam mendengar, berkeprihatinan dan penjelasan terhadap masalah atau kemusykilan rakyat dan penduduk khususnya di luar bandar dan di pedalaman juga amat relevan sekalipun sekarang berada di zaman siber teknologi, tambahnya.

Beliau selaku Pengerusi

Majlis dalam ucapan alu-aluan di Majlis Perjumpaan Penerangan bertemakan 'Pemimpin Menyusuri Mukim' bagi Mukim Bukit Sawat seterusnya berharap semangat muhibah dan persefahaman yang sedia wujud dan telah terjalin begitu erat di majlis tersebut akan membuahkan hasil dan tindakan positif bagi kepentingan dan faedah bersama.

Oleh
Dayangku Hajah
Saidah PHOA

Majlis anjuran Jabatan Penerangan dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim Bukit Sawat itu telah diadakan di Dewan Serbaguna Kampong Merangkang antara lain bertujuan sebagai wadah interaksi dua hala di antara rakyat dan penduduk negara ini dengan agensi-agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan juga sebagai salah satu pemudah cara untuk menghuraikan kemusykilan dan permasalahan di peringkat akar umbi.

Melalui majlis seumpama itu peluang tersebut akan dapat dimanfaatkan semaksimal mungkin oleh para penduduk mukim dan kampung dalam usaha permufakatan, keterbukaan dan saling faham-memahami di antara kedua belah pihak demi keharmonian dan kesejahteraan bersama.

Tetamu kehormat di majlis itu, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair juga telah menyampaikan ucapan beliau. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah dan

Doa Selamat oleh Imam Masjid Kampong Bukit Sawat, Awang Ahmad bin Haji Othman diikuti ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Penerangan.

Majlis disusuli dengan Sesi Dialog antara Setiausaha-setiausaha Tetap di beberapa buah kementerian, ketua-ketua dan pegawai-pegawai kanan jabatan-jabatan kerajaan dengan wakil-wakil dari Kampong Merangkang dan Kampong Bukit Sawat yang terdiri daripada penghulu mukim, ketua kampung dan penduduk di kedua-dua kampung berkenaan yang dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan.

Semasa Sesi Dialog itu wakil-wakil dari kedua-dua buah kampung tersebut telah mengemukakan permasalahan dan kemusykilan yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk kampung masing-masing.

Dengan adanya sesi dialog seumpama itu menunjukkan sikap prihatin dan pemedulian pihak kerajaan mahupun penduduk mukim dan kampung sebagai ciri-ciri murni dan luhur yang dimiliki oleh bangsa negara ini sejak dari dahulu lagi yang menjadi amalan hidup berbangsa dan beragama.



DATO Paduka Haji Hazair, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri ketika beramah mesra bersama para penduduk Kampong Merangkang dan Kampong Bukit Sawat sejurus merasmikan Majlis Perjumpaan Penerangan bagi Mukim Bukit Sawat yang berlangsung di Kampong Merangkang. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

BENDERA-BENDERA KECIL DIAGIHKAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN

Oleh Abdullah Asgar

GADONG, 10 Februari. - Jawatankuasa Tajaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-19 tahun ini terus mengagihkan bendera-bendera kepada beberapa jabatan kerajaan di negara ini.

Sehubungan itu di Ibu pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei, Majlis Penyerahan Bendera-bendera Kecil juga diadakan bagi sama-sama memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan tahun ini.

Menerima bagi pihak Pasukan Polis Diraja Brunei ialah Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman Haji Johan.

Bendera-bendera kecil itu nanti akan dipasangkan pada kenderaan-kenderaan Pasukan Polis Diraja Brunei untuk memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan tahun ini yang membawa tema "Bangsa Berilmu Negara Maju".

Sambutan Hari Kebangsaan terus giat disusun



AHLI-AHLI muzik tempatan juga tidak ketinggalan membuat persediaan untuk Sambutan Hari Kebangsaan. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Februari. - Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Kerja Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-19 terus mempergiatkan usaha bagi memastikan sambutan tahun ini berjalan dengan lebih teratur dan sempurna seperti yang diharapkan.

Setiasa Tetaap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani ketika mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa berkenaan yakin jawatankuasa yang terlibat telah membuat tindakan-tindakan yang perlu seperti yang ditugaskan.

Beliau juga berharap agar segala permasalahan yang timbul perlu dike-

Oleh Samle HJ

mukakan bagi penyelesaian sesama ahli yang terlibat.

Mesyuarat yang berlangsung di Dewan Bahasa dan Pustaka telah mendengar laporan mutakhir oleh Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Kerja yang dilantik.

Hari Kebangsaan tahun ini akan dimulai dengan bacaan Surah Yaasin dan Doa Kesyukuran serta Sembahyang Maghrib dan Isyak Berjemaah di seluruh masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai ibadat di negara ini pada petang 22 Februari.



PASUKAN Polis Diraja Brunei dan lain-lain pasukan giat membuat persiapan perbarisan dan persembahan padang bagi sambutan Hari Kebangsaan tahun ini.



Persatuan belia diseru supaya sentiasa bergiat aktif

Oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 8 Februari. - Jabatan Belia dan Sukan sentiasa prihatin terhadap persatuan-persatuan yang ada di Daerah Belait supaya bergerak aktif dalam projek yang melibatkan masya-

rakat khususnya para belia di Negara Brunei Darussalam.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengerusi Persatuan PERTIWI, Dayang Fatimah binti

Tanji di Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Bengkel Kecantikan dan Tatarias Wanita bagi Daerah Belait yang diadakan di Dewan Mini Pusat Belia, Jabatan Belia dan Sukan di sini.

Katanya, menerusi bengkel itu para peserta pelbagai peringkat umur dapat bertukar pendapat dan fikiran dan berharap bengkel seumpama itu akan dapat diteruskan dari masa ke semasa kerana ternyata dapat menarik minat khususnya kaum wanita dari pelbagai golongan dan peringkat umur.

Seramai 33 peserta mengikuti bengkel tiga hari anjuran Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Belait dengan kerjasama Persatuan PERTIWI Cawangan Belait, antara lain bertujuan memberikan asas pengetahuan dan kemahiran secara konsisten di bidang kecantikan

serta berpeluang untuk mendapatkan panduan dalam menerokai di bidang mengandam sebagai kerjaya sampingan.

Tetamu kehormat, isteri Pegawai Daerah Belait, Dayang Rogayah binti Haji Mat Daud telah menyampaikan sijil kepada para peserta. Bengkel dikendalikan oleh pence-ramah undangan, Dayang Rashidah Haji Abdul Rahman, wakil dari produk Marsha dan Cikgu Senamrobik, Dayang Haryatun.

Sepanjang bengkel para peserta didedahkan cara penggunaan kosmetik mengikut kesesuaian kulit dan bentuk muka, teknik cara mendandan rambut, penggunaan syampu dan cara penjagaan rambut, teknik dan cara memakai tudung, penggunaan pacar atau inai, senamrobik serta petua dan 'tips' kecantikan.

Salah seorang peserta bengkel, Dayang Isah binti

Timbang berpendapat bengkel tersebut telah dapat mengeratkan tali silaturahmi antara mereka dan menyentuh mengenai kecantikan pula, katanya kaum wanita memang berminat mengenainya kerana ianya penting dan perlu diambil perhatian

bagi mewujudkan kesejahteraan pada diri dan keluarga.

"Perlu diketahui kecantikan bukan hanya pada solekan wajah seseorang tetapi ianya meliputi keseluruhan anggota tubuh badan kita," ujarnya.



ISTERI Pegawai Daerah Belait, Dayang Rogayah binti Haji Mat Daud menyaksikan alat-alat solek sejouras merasmikan Bengkel Kecantikan dan Tatarias Wanita bagi Daerah Belait. - Gambar oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA.



DAYANG Isah binti Timbang berpendapat Bengkel Kecantikan dan Tatarias Wanita dapat mengeratkan tali silaturahmi. - Gambar oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima derma bagi Dana Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim yang disumbangkan oleh Pengerusi JPCC, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman dan Pengerusi Lim Teck Hoo Holdings Sdn. Bhd., Awang Lim Beng Tai. - Gambar oleh Masri Osman.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Majlis Ulang Tahun Kemenangan Revolusi Islam Iran Ke-24 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Dana Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim terima sumbangan lebih \$23,000.00

JERUDONG, 16 Februari.

- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima sumbangan derma berjumlah \$23,800.00 bagi Dana Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim.

Dari jumlah itu,

Oleh
Haji Ahat HI

sebanyak \$11,300.00 disumbangkan oleh Jerudong Park Polo and Country Club (JPCC) Sdn. Bhd. hasil dari kutipan Kejujutan Golf Amal yang disumbangkan oleh Pengerusi JPCC, Dato Paduka Awang

Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin dan sejumlah \$12,500.00 lagi disumbangkan oleh Lim Teck Hoo Holdings Sdn. Bhd. yang disumbangkan oleh Awang Lim Beng Tai.

Selepas itu Duli Yang Teramat Mulia kemudian mengurniakan sumbangan derma tersebut kepada Pengerusi Dana Pengiran

Muda Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani buku lawatan.

Brunei Darussalam – Republik Islam Iran saling hormat-menghormati

BERAKAS, 11 Februari.

- Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman berkata, Negara Brunei Darussalam dan Republik Islam Iran mempunyai hubungan yang kuat dan rapat yang berasaskan persamaan hormat-menghormati dan percaya-mempercayai.

Tambah Yang Berhormat, persahabatan kedua-dua buah negara mencerminkan kerjasama yang rapat di peringkat antarabangsa selain melalui usaha sama yang rapat dan dalam lawatan pegawai-pegawai dan ahli-

ahli perniagaan sektor swasta.

Kedutaan Republik Islam Iran di negara ini menyambut ulang tahun kemenangan Revolusi Islam Iran Ke-24, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini hari ini.

Yang Berhormat mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menurut Yang Berhormat, walaupun hubungan dua hala dalam perdagangan masih dianggap kecil namun semakin meningkat dalam beberapa tahun yang lalu dan

Oleh
Haji Ahmad HS

percaya melalui interaksi yang semakin bertambah dan jalinan antara rakyat bersama rakyat kedua-dua negara bilangannya pasti akan meningkat.

"Kita juga membentuk satu Suruhanjaya Bersama dan Jawatankuasa Teknikal Bersama, yang mana akan memberikan mekanisme yang berguna ke arah menggalakkan kerjasama yang lebih antara kedua negara," jelasnya.

Sebahagian daripada hubungan kita yang rapat,

Negara Brunei Darussalam dan Republik Islam Iran juga mempunyai hubungan sangat menggembirakan di peringkat antarabangsa termasuk sebagai ahli kepada OIC, NAM dan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sementara itu Duta Besar Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Abolfazi Mohammad Alikhani berkata, penubuhan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara dalam tahun 1993 telah mempromosikan hubungan kerjasama dalam pelbagai bidang.

Ini termasuklah dalam pertukaran lawatan peringkat tertinggi iaitu lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Iran dalam tahun 1994 dan lawatan Presiden Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Hashim Rafsanjani ke Negara Brunei Darussalam dalam tahun 1995, yang mana memberikan dorongan yang baru dalam hubungan kedua-dua buah negara.

Di samping itu juga pertukaran para menteri dan pegawai peringkat tertinggi dari kedua-dua negara dan juga penandatanganan Memorandum Persefahaman dan Perjanjian Suruhanjaya Kerjasama Ekonomi yang mencerminkan hasrat dan azam hubungan kedua kerajaan serta persaudaraan yang sangat memberangsangkan.

Republik Islam Iran kini telah menjalin hubungan diplomatik bersama 140 buah negara seluruh dunia.

Jangan terpengaruh dengan dakyah melalui IT

Dari muka I

"Terutama sekali dengan adanya kemudahan-kemudahan teknologi infokomunikasi yang sudah sampai ke rumah-rumah di setiap ceruk dan kawasan-kawasan pedalaman di Negara Brunei Darussalam, kita sebagai pengguna perlu berhati-hati dan tidak mudah terpengaruh dengan dakyah mereka yang tidak bertanggungjawab ini yang dilakukan melalui fitnah dan tohmahan yang mereka taburkan ke atas kerajaan dan pemimpin-pemimpin kita," tegas Dato Paduka.

Rakyat dan penduduk negara ini perlu terus memberikan sokongan kepada kerajaan dan menghormati pemimpin serta terus berpegang kepada kehidupan saling hormat-menghormati, bertatasusila, bersopan san-

tun dan berpegang kepada kehidupan saling hormat-menghormati, bertatasusila, bersopan santun dan berpegang kepada adat dan budaya murni masyarakat negara ini.

Semasa berucap Dato Paduka juga mengimbas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat ke Daerah Belait pada tahun 1991 yang menitikberatkan pentingnya amalan hidup berasaskan permuafakatan dan jalinan muhibah antara satu sama lain bagi mengekalkan perpaduan rakyat dan keharmonian seluruh penduduk negara ini.

Menurut Dato Paduka, baginda menambah titah bahawa terdapat negara-negara yang mengalami keadaan huru-hara dan kacau-bilau disebabkan oleh rakyat dan penduduknya yang ber-

pecah belah dan tidak bersatu padu kerana mereka hanya memikirkan kepentingan sendiri semata-mata tanpa mengambil berat kepentingan nasional.

Oleh itu jelas Dato Paduka, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengingatkan rakyat dan penduduk negara ini supaya akan sentiasa meningkatkan perpaduan, hubungan muhibah dan sikap saling hormat-menghormati dengan berlandaskan ajaran-ajaran agama Islam.

Pada masa yang sama jelas Dato Paduka, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga sangat menghargai sikap orang ramai yang memberikan kerjasama dan maklumat mengenai kegiatan-kegiatan subversif, jenayah, antisosial dan gejala-gejala buruk yang berlaku di kampung dan mu-

kim masing-masing kepada pihak berwajib dalam ke-

rajaan.

Terdahulu Dato Paduka menyentuh keadaan di sesetengah negara sama ada di rantau ini atau dunia antarabangsa yang menghadapi ancaman seperti ketegangan politik dan keganasan yang diwarnai dengan rusuhan, mogok, peperangan, pengeboman, dan kegiatan-kegiatan subversif.

Rakyat dan penduduk negara ini adalah sangat beruntung kerana secara berterusan dapat menjalankan kehidupan seharian tanpa sebarang perasaan ketakutan dan kekhawatiran daripada sebarang ancaman keganasan dan masih berasa tenteram tidur di rumah dan berasa aman apabila keluar rumah.

Jelas Dato Paduka, kesedaran mengenai mustahaknya keamanan dan kestabilan di kalangan setiap rak-

yat dan penduduk adalah merupakan kunci utama dalam memastikan survival bangsa dan ketenteraman negara kerana jika diabaikan akan mengganggu pertumbuhan dan pembangunan negara yang sedang pesat pada masa ini.

Asas-asas penting dalam mengekalkan perpaduan ialah dengan cara mengekal dan mengamalkan sikap harmoni, saling hormat-menghormati, bertoleransi, muhibah dan sentiasa berbaik-baik di kalangan masyarakat dalam pelbagai peringkat.

Pada masa yang sama ujar Dato Paduka, rakyat dan penduduk perlu memberikan sokongan dan kerjasama serta taat setia yang padu kepada kerajaan dan pemerintahan di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Tegas Dato Paduka, jika

sesebuah negara dilanda masalah keselamatan dan berada dalam keadaan kucar-kacir maka adalah sukar untuk memulihkannya malah ia bukan saja menyukarkan kerajaan dalam usaha-usa-hanya melaksanakan pembangunan sosioekonomi tetapi juga menyukarkan rakyat dan penduduk dalam meneruskan mata pencarian dengan selesa dan terjamin.

Oleh itu tegas Dato Paduka, tanggungjawab menjaga keamanan dan keselamatan itu sepatutnya bukanlah teresah kepada agensi-agensi kerajaan semata-mata tetapi hendaklah dipikul sama oleh semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini supaya kemantapan dan kestabilan negara akan dapat dinikmati dalam jangka masa panjang sekali gus akan menjamin pertumbuhan ekonomi yang berterusan.



BANGSA BERILMU NEGARA MAJU

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

BENDERA LAMBANG KEDAULATAN NEGARA



Kibarkan bendera kita!

Sastera & Budaya

Sistem sapaan/panggilan dalam persanakan dan beberapa istilah yang digunakan dalam masyarakat di Brunei

PENDAHULUAN

BAHASA merupakan sesuatu yang penting dalam perhubungan seharian. Ianya merupakan cara yang paling kerap digunakan untuk menyampaikan maksud atau keinginan yang ditujukan kepada seseorang atau individu yang tertentu. Untuk menyampaikan apa yang ingin dikatakan, percakapan yang digunakan sudah setentunya menggunakan satu sistem panggilan untuk menentukan arah siapa atau apa yang ditujukan. Ini akan dapat memberikan pengetahuan kepada si pendengar kepada siapakah percakapan itu ditujukan. Panggilan atau sapaan ini berfungsi dalam beberapa keadaan yang tertentu.

Dalam masyarakat Melayu, satu hal yang paling diutamakan ialah menunjukkan rasa hormat dan sikap berlemah lembut. Ini dapat digambarkan melalui panggilan atau sapaan yang digunakan tadi. Ianya juga menentukan status seseorang dalam masyarakat tertakluk kepada beberapa faktor seperti :

1. Kedudukan faktor geografi tempat masyarakat atau keluarga itu tinggal;
2. Sosiobudaya/warisan/adat;
3. Undang-undang/peraturan;
4. Corak pentadbiran/pemerintahan;
5. Amalan kehidupan seharian.

Di Negara Brunei Darussalam seperti yang kita maklum mempunyai beberapa puak yang tersenarai sebagai rakyat jati negara iaitu puak Melayu Brunei, puak Melayu Tutong, puak Melayu Kedayan, puak Melayu Dusun, puak Melayu Murut dan puak Melayu Bisaya. Yang jelas setiap masyarakat ini masih mempunyai rasa hormat yang tebal terhadap orang-orang tua yang boleh dibuktikan melalui beberapa sapaan dan panggilan sebagai tanda hormat, kasih sayang, sopan santun yang mencerminkan nilai murni masyarakat Brunei.

Selalunya orang yang lebih rendah taraf umurnya tidak dengan sewenang-wenangnya menyapa orang yang lebih tua dengan hanya panggilan nama orang tersebut kerana dalam masyarakat Melayu, orang yang lebih tua dianggap lebih tinggi daripada orang-orang muda, justeru orang-orang muda menggunakan panggilan hormat apabila menyapa orang tua.

Walaupun bagaimanapun, tidak semua sapaan dan panggilan itu sama bentuk atau bunyinya. Dalam masyarakat Melayu orang kebanyakan/golongan biasa atau bawahan masih lagi menebal dengan sifat-sifat mulia, bahasa yang digunakan untuk menyampaikan fikiran secara halus, hormat dan seni. Ini boleh dilihat melalui gerak-geri seperti senyuman dan memberikan tangan untuk bersalaman atau lambaian tangan untuk tanda memberikan salam. Perasaan hormat ini akan lebih menebal terutama dengan adanya tali persaudaraan atau kekeluargaan. Panggilan seperti Tua, Amit, Acai, Tangah, Iring, Uda dan Bungsu merupakan panggilan yang masih lagi digunakan. Jenis sapaan juga akan berbeza. Contohnya di tempat kerja, status sosial dan sebagainya. Di dalam sesebuah jabatan seseorang akan menyapa dengan panggilan Tuan dan Puan, atau ahli-ahli akademik akan dipanggil Profesor, Doktor atau Cikgu.

SISTEM PERSANAKAN

Sapaan atau panggilan ini menentukan hubungan kekeluargaan dalam sistem persanakan. Persanakan ialah perhubungan atau pertalian sanak saudara. Dalam bahasa Brunei ianya dikenali sebagai 'Dang(an) Sanak'. Ianya wujud bagi melihat perkaitannya dalam hak dan tanggungjawab terutama dari segi harta dan waris dan akan memperlihatkan unsur-unsur lain seperti siapa yang boleh

OLEH SUTRA UNGU

dan tidak boleh dikahwini. Yang jelas ialah dari segi hubungan kekeluargaan ianya akan memperlihatkan sikap menghormati dan mentaati, contohnya antara hubungan pertalian darah cucu dan nenek atau adik-beradik kandung atau adik-beradik berlainan bapa atau berlainan ibu. Hubungan ini juga berdasarkan hubungan perkahwinan selain daripada hubungan darah. Persanakan ini mempunyai tujuan penting untuk memperlihatkan :

1. Menyediakan cara untuk memancarkan atau menghantar status dan harta benda dari satu status ke satu status;
2. Dalam beberapa masyarakat ianya berguna untuk mewujudkan dan memelihara hubungan sosial. Contohnya hubungan bapa dan anak, hubungan sepupu sekali atau beripar. Ini ialah untuk memperlihatkan hubungan dan tanggungjawab antara satu dengan yang lainnya. Ianya juga dapat memperlihatkan status dalam keluarga terutama sekali daripada sistem panggilan;
3. Untuk melihat siapa yang dapat dikahwini menurut pandangan sesebuah masyarakat.

Dalam masyarakat Brunei Kampong Ayer, satu sistem panggilan yang masih wujud ialah panggilan untuk adik-beradik sebelah bapa yang menggunakan panggilan seperti berikut:


1. Tua
2. Angah atau Tangah
3. Uda
4. Acai
5. Iring
6. Amit
7. Unchu

Dalam masyarakat Kedayan pula, mereka cuma menggunakan tiga peringkat panggilan iaitu :

1. Tua
2. Tangah
4. Bungsu

Contohnya :

1. Panggilan masyarakat Brunei Kampong Ayer




Dalam rajah di atas Ego dan A adalah anak kepada B, maka Ego akan memanggil atau menyapa adik-beradik sebelah bapanya dengan panggilan seperti di atas. Keadaan ini akan juga terjadi kepada anak kepada C yang akan memanggil adik-beradiknya mengikut sistem seperti di atas.

Dalam kebanyakan masyarakat adik-beradik lelaki dan membentuk kerjasama yang lebih penting sepanjang kehidupan mereka terutama setelah mereka berkahwin. Ini menunjukkan satu unsur kuasa yang memperlihatkan kedudukan ketua kepada adik-adiknya yang lain.

Rajah di atas juga memperlihatkan B akan setentunya lebih dihormati dan diikuti segala pandangan dan nasihatnya. Sementara adik-beradik perempuan selalunya akan lebih menyerahkan keputusan dan tanggungjawab kepada adik-beradiknya lelaki

walaupun ianya merupakan anak yang tertua. Sungguhpun demikian ini tidak pula bermakna anak perempuan diketepikan sama sekali akan tetapi ianya kurang berperanan berbanding anak lelaki disebabkan anak perempuan akan mengikut suaminya setelah ia berkahwin. Maksudnya di sini ialah anak perempuan tidak akan menurunkan zuriat sebelah bapanya melainkan untuk keluarga sebelah suaminya. Contohnya :



Rajah di atas memperlihatkan keturunan daripada pasangan Muhamad dan Fatimah diteruskan melalui anak lelakinya iaitu Yahya dan isterinya Faridah. Tetapi Munirah anak perempuan Muhamad pula meneruskan keturunan daripada keluarga sebelah suaminya iaitu pasangan Ahmad dan Salmah melalui hubungan perkahwinan Munirah dan anak mereka Roslan.

Dalam hubungan kekeluargaan di atas juga menunjukkan Azhar dan Ridwan merupakan sepupu sekali. Azhar akan memanggil atau menyapa Yahya dan Faridah sebagai 'Tangah/Angah', manakala Ridwan pula akan memanggil atau menyapa Roslan dan Munirah sebagai 'Tua'. Ianya juga memperlihatkan hubungan yang terjadi melalui perkahwinan. Faridah merupakan adik ipar kepada Munirah, manakala Roslan pula merupakan abang ipar kepada Yahya. Melalui perkahwinan ini juga menghubungkan tali persaudaraan antara pasangan Ahmad dan Salmah kepada pasangan Muhamad dan Fatimah. Begitu juga pasangan Yusuf dan Sarah kepada Muhamad dan Fatimah.

Melalui rajah di atas juga dapat memperlihatkan aspek lain seperti siapa yang selalunya mendapat bahagian dalam peninggalan harta pusaka. Melalui rajah di atas, walaupun Ridwan dan Azhar merupakan cucu lelaki kepada Muhamad, akan tetapi oleh kerana faktor hubungan darah, maka Ridwan merupakan cucunya yang berhak menerima bahagian harta waris berbanding daripada Azhar. Ini kerana Azhar merupakan cucunya daripada anak perempuannya berbanding Ridwan yang merupakan cucunya daripada anak lelakinya. Hubungan darah antara Azhar dan Ridwan juga tidak begitu kuat kerana mereka dihubungkan oleh pertalian darah antara Munirah dan Yahya iaitu adik-beradik lelaki dan perempuan.

Hubungan darah dikatakan kuat jika ianya daripada adik-beradik lelaki. Maka timbullah kepercayaan bahawa 'sepupu sekali' melalui hubungan darah daripada adik-beradik lelaki ini tidak dibolehkan atau digalakkan untuk berkahwin. Kepercayaan ini masih lagi diamalkan terutama dalam masyarakat Dusun Kampong Bebuluh yang tidak membolehkan perkahwinan seumpamanya.

Ada beberapa faktor yang dianggap penye-

bab kepada masalah ini antaranya ialah :

1. Dikatakan akan mempunyai mental atau I.Q yang rendah.
2. Zuriat tidak berkembang kerana masih lagi dari keturunan yang sama.
3. Penyakit keturunan akan berterusan.
4. Kurang pendapatan atau rezeki yang dikatakan 'panas'.
5. Wali
6. Anggapan seperti adik-beradik kerana hubungan darah yang hampir.

Akan tetapi harus diingat bahawa ini hanyalah pendapat atau kepercayaan sahaja. Dalam agama Islam tidak pula ada mengatakan bahawa sepupu yang dihubungkan melalui adik-beradik lelaki tidak boleh berkahwin. Kecuali ibu, nenek, adik-beradik kandung, seibu atau sebapa atau ibu tiri yang telah digauli oleh bapanya. Begitu juga dengan adik-beradik sesusuan yang juga diharamkan untuk berkahwin.

BEBERAPA ISTILAH YANG DIGUNAKAN DALAM MASYARAKAT BRUNEI


Keterangan di atas merupakan satu keterangan yang ringkas untuk menggambarkan satu bentuk hubungan yang asas. Di dalam masyarakat hubungan kekeluargaan juga terjadi oleh sebab-sebab yang lain. Contohnya perkahwinan kedua yang mana pasangan masing-masing telah mempunyai anak daripada hasil perkahwinan yang pertama. Maka perkahwinan yang kedua akan menghubungkan anak-anak mereka sebagai adik-beradik tiri. Melalui sebab-sebab seperti inilah maka timbul beberapa istilah yang digunakan untuk menggambarkan hubungan antara individu tertentu.

Di dalam masyarakat Brunei terdapat beberapa istilah yang digunakan untuk menggambarkan situasi seperti ini. Antaranya ialah :

1. Anak Banar
2. Seperadian Kuyuk/ Separadian Asu (Dusun).
3. Anak Asuh/anak itik
4. Anak Akun
5. Anak Angkat
6. Anak Sesusuan
7. Biras
8. Anak Buah
9. Ganti Tikar (Masyarakat Brunei)/Ganti Kain (Kedayan).

Untuk lebih jelas lagi maka istilah-istilah yang digunakan di atas diuraikan melalui rajah di bawah ini :

1. ISTILAH ANAK BANAR



Melalui rajah di atas memperlihatkan bahawa Baharudin dan Jamilah ialah 'anak banar' kepada Hanafi dan Ramlah. Ini kerana kedua-duanya berbin dan berbintikan kepada Hanafi. Malah Hanafi dan Ramlah ialah ibu bapa kandung kepada kedua-dua anak tadi. Dalam istilah bahasa Melayu 'anak banar' dikenali sebagai anak kandung.

Sifat amanah kunci kejayaan

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah Subhanahu Wataala dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Sesungguhnya Islam amat menitikberatkan peranan akhlak yang mulia dalam pembentukan kehidupan manusia, tidak kira sama ada akhlak seorang Muslim tersebut terhadap Allah Subhanahu Wataala ataupun terhadap sesama manusia itu sendiri, bahkan termasuklah juga terhadap haiwan serta makhluk yang lain. Adapun sifat yang mendapat kedudukan yang tinggi dalam akhlak Islam ialah amanah.

Islam amat menganjurkan umatnya agar menghayati diri dengan sifat amanah dan apa yang paling menarik ialah sifat tersebut juga dianggap sebagai titik atau garisan pemisah kepada tahap keimanan dan agama seseorang insan. Ini

bersesuaian sebagaimana hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:


"Tiada iman bagi orang yang tidak memegang amanah dan tiada agama bagi orang yang tidak dapat dipegang janjinya." (Riwayat Al-Imam Ahmad).

Sifat amanah mempunyai pengertian yang amat luas dan mendalam kerana ia bukan sekadar membawa makna bersikap jujur dan benar dalam apa-apa jua urusan dan tanggungjawab yang berkaitan dengan manusia dan kehidupan seperti bersifat amanah dalam menepati janji, menjaga atau menunaikan pesanan, suruhan atau wasiat sama ada ianya berkaitan dengan hak penjagaan atau pengurusan terhadap harta benda, wang ringgit, binatang ternakan, sawah ladang, mahupun manusia itu sendiri seperti memelihara kebajikan anak yatim, orang-orang tua bahkan anak serta isteri pun adalah amanah yang mesti kita laksanakan dengan sempurna.

Persoalan amanah merangkumi setiap aspek kehidupan dan yang paling penting ialah persoalan kenegaraan. Termasuk juga rangkaian amanah itu ialah pentadbiran rumah tangga, mukim dan kampung dan lain-lain lagi.

Oleh itu setiap mereka yang memegang apa-apa jua tugas atau tanggungjawab hendaklah menunaikan apa yang telah diamanahkan dan jangan sekali-kali mengkhianatinya, seperti mana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Anfal ayat 27 yang tafsirannya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati ama-



nah Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui salahnya."

Dalam hal ini kita lihat contoh amanah yang wajib dipikul oleh seseorang pemimpin. Kita perlu memahami bahawa pemimpin itu bukan hanya terbatas kepada pemerintah atau ketua negara sahaja,

tetapi juga merangkumi kepada pemimpin atau ketua sesebuah jabatan, organisasi, pertubuhan, kumpulan atau ketua kampung dan sebagainya. Amanah atau tanggungjawab yang terpaksa dilaksanakan adalah supaya sentiasa bersikap jujur, adil,

bijaksana serta tidak bersikap pilih kasih ketika menjalankan tugas terhadap pekerja atau orang di bawah kuasanya. Manakala jika kita sebagai orang yang dipimpin pula mestilah melaksanakan apa-apa tugas yang diberi dan diarah dengan senang hati dan ikhlas

serta melakukannya dengan sebaik-baiknya.

Setiap orang yang menerima tugas dan tanggungjawab pula hendaklah mempunyai sifat-sifat yang terpuji seperti jujur, amanah dan bijaksana. Sifat-sifat tersebut boleh menghidupkan kesedaran dan sikap sentiasa mentaati undang-undang serta boleh diberi kepercayaan sepenuhnya atau melaksanakan sesuatu tugas atau kewajipan walau bagaimana sulit dan rahsiannya sekalipun.

Begitu juga amanah kita sebagai seorang pegawai atau kakitangan kerajaan atau sektor swasta, wahai kaum Muslimin marilah kita tanya pada diri kita apakah selama ini kita amanah pada kerja yang diberi, amanah pada kerajaan sebagai majikan kita, amanah pada menggunakan harta benda kerajaan seperti penggunaan alat-alat pejabat, penggunaan masa, penggunaan barang-barang keperluan pejabat iaitu elektrik, kertas-kertas, mesin-mesin, pengangkutan-pengangkutan kerajaan dan sebagainya. Kesemua ini merupakan amanah dari kerajaan dan telah menjadi kewajipan kita untuk memelihara serta mempergunakannya pada jalan yang betul. Janganlah kita selewengkan semua amanah dan kemudahan serta mensia-siakan pada jalan yang salah.

Sifat amanah jika telah tertanam subur di dalam diri individu itu, insya-Allah tidak akan timbul masalah rasuah, penyelewengan, curi masa ataupun perlaksanaan kerja yang kurang kualiti, dibuat endah tak endah secara leka dan cuai. Maka

jelaslah bahawa sifat amanah itu diibaratkan sebagai anak kunci kejayaan kepada sesebuah organisasi.

Begitu juga menyebarkan tanggungjawab kepada seseorang tanpa keahlian atau kelayakan adalah punca kerosakan umat Islam. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sering memberi amaran mengenai kemusnahan manusia yang menjadi tanda akan berlakunya Kiamat ialah apabila amanah tidak diserahkan kepada yang berkeelayakan. Ini telah dijelaskan dalam sebuah hadis riwayat Al-Imam Al-Bukhari bermaksud:

"Daripada Abu Hurairah dia berkata: Di dalam satu majlis ketika Rasulullah Subhanahu Wataala berbicara dengan orang ramai datang seorang Arab Badwi lalu berkata: "Bilakah Hari Kiamat?" Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam meneruskan ucapannya. Ada yang berkata: Baginda mendengar pertanyaan tetapi tidak suka apa yang ditanyakan. Manakala yang lain pula berkata: "Bahkan Baginda tidak mendengar. Apabila selesai bercakap Baginda bersabda: "Di manakah orang yang bertanya tadi?" Jawab Badwi itu: "Saya di sini wahai Rasulullah." Lalu Baginda bersabda: "Apabila dihilangkan amanah maka tunggulah Hari Kiamat." Badwi itu lantas bertanya: "Bagaimanakah menghilangkan amanah itu?" Baginda bersabda: "Apabila diserahkan urusan kepada yang bukan ahlinya maka tunggulah Kiamat."

Oleh itu sifat amanah itu sangat penting dan berpe-

ranan besar dalam mengatur kehidupan manusia ke arah lebih sempurna, teratur serta terhindar dari kerosakan-kerosakan akibat dari sikap tidak boleh dipercayai, maka sewajarnya kita didik diri kita serta keluarga kita untuk mengamalkan sifat amanah dalam perjalanan hidup kita. Sifat amanah dapat memantapkan lagi hubungan mesra antara keluarga, kawan, jiran, teman sekerja dan organisasi seterusnya akan membuah rasa kasih sayang, hormat-menghormati, saling percaya-mempercayai serta akan sentiasa merasa selamat dari perbuatan khianat dan dengki.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisaa' ayat 58 yang tafsirannya:-

"Sesungguhnya Allah menyuruh supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya yang berhak menerimanya dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, Allah menyuruh kamu mengemukakan dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan suruhan-Nya itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar lagi sentiasa melihat."

Ralat

SERUAN SUCI di muka 3 ANEKA keluaran 12 Februari 2003 perenggan 12 baris ke-25 hendaklah di baca: "... golongan fakir dan miskin" - Penyunting.

وقت سبهيخ، امساك، شوروق دان ضحي

وقت 2 سبهيخ، امساك، شوروق دان ضحي باكي دائره بروني دان مولاي دري هاري رايو، 17 ذوالحجه، 1423 برسمان دغن 19 فيبروري، 2003 هيغك كهاري ثلاث، 23 ذوالحجه، 1423 برسمان دغن 25 فيبروري، 2003 اداله سمرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحي	مسيحي
ذوالحجه									فيبروري
17	12.36	3.55	6.34	7.44	5.07	5.17	6.34	6.58	19
18	12.36	3.54	6.34	7.44	5.07	5.17	6.34	6.58	20
19	12.36	3.54	6.34	7.44	5.07	5.17	6.34	6.58	21
20	12.36	3.54	6.34	7.44	5.07	5.17	6.34	6.57	22
21	12.35	3.53	6.34	7.44	5.07	5.17	6.34	6.57	23
22	12.35	3.53	6.34	7.44	5.06	5.16	6.33	6.57	24
23	12.35	3.53	6.34	7.44	5.06	5.16	6.33	6.57	25

وقت 2 سبهيخ باكي دائره توتوغ دغه ساتو مينيت دان دائره بلايت دغه تيگ مينيت، سبهيخ فرض جمعة دسلورو نكارا بروني دارالسلام مولاي دري فولك 12.45 تهماري.

AMANA atau tanggungjawab yang terpaksa dilaksanakannya ialah supaya sentiasa bersikap jujur, adil, bijaksana serta tidak bersikap pilih kasih ketika menjalankan tugas terhadap pekerja atau orang di bawah kuasanya. Manakala jika kita sebagai orang yang dipimpin pula mestilah melaksanakan apa-apa tugas yang diberi dan diarah dengan senang hati dan ikhlas serta melakukannya dengan sebaik-baiknya.

MENGINGATI DAN MENGHADAPI MATI

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'alaa Aalihie Wasahbihiie Waman Walah.

SESUNGGUHNYA kehidupan di dunia ini merupakan jambatan untuk kita menuju ke negeri akhirat iaitu suatu penghidupan yang kekal abadi. Maka sudah tentu setiap diri kita akan menemui ajal. Dalam keghairahan kita melayari kehidupan ini, mencari harta, mencari rezeki untuk hidup, mengurus hal-ehwal keluarga, anak-anak, hal-ehwal pekerjaan dan apa jua hal-hal keduniaan kadang-kadang membuatkan kita lalai dan lupa dari mengingat mati. Fenomena ini memang tidak dapat dinafikan lagi sering terjadi kepada sebahagian orang, walaupun usia semakin meningkat, keadaan fizikalnya semakin lemah namun kepentingan dunia tetap menjadi prioriti teratas. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah menjelaskan fenomena ini melalui sabda Baginda yang maksudnya:

"Manusia itu lemah tetapi kuat terhadap dua perkara iaitu: tamak kepada harta dan tamak kepada umur." (Hadis riwayat Muslim dan At-Tirmizi).

HUKUM MENGINGATI MATI

Walhal mengingat mati itu juga sebahagian daripada tuntutan syarak di mana setiap individu disunatkan mengingat mati pada setiap ketika. Ini jelas

Bilangan 153 Bahagian Pertama

sebagaimana diterangkan di dalam hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Mas'ud beliau berkata yang maksudnya:

"Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Malulah kamu kepada Allah dengan sebenar-benarnya."

Ibnu Mas'ud berkata: "Kami berkata: Wahai Rasulullah sesungguhnya kami benar-benar malu dan segala pujian bagi Allah."

Baginda menjawab: "Bukan itu akan tetapi malu kepada Allah de-



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

ngan sebenar-benarnya ialah kamu menjaga kepala dan apa yang ada padanya (telinga, mata dan lidah), menjaga perut dan apa yang terkandung padanya (hati dan kemaluan) dan ingat akan mati dan kesusahan. Dan sesiapa menghendaki akhirat maka dia meninggalkan kesenangan dunia. Sesiapa berbuat demikian itu (perkara yang tersebut di atas), maka dialah orang malu kepada Allah dengan sebenar-benar malu." (Hadis riwayat At-Tirmizi).

Di dalam riwayat yang lain daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Banyakkanlah ingat-

an kepada pemutus kenikmatan, yakni mati." (Hadis riwayat At-Tirmizi).

FAEDAH MENGINGATI MATI

Bila kita sebut mengingat mati, 'mengingati' itu di dalam bahasa Arab disebut sebagai Az-zikr dan perkataan ini biasa dipakai di dalam bahasa Melayu yang disebut dengan 'zikir'. Dalam konteks ini, zikir boleh saja dilakukan melalui lidah, melalui hati dan amal perbuatan. Begitu juga dengan mengingat mati ianya boleh saja dilakukan dengan melalui lidah, misalnya dengan membaca ayat-ayat Al-Quran atau hadis-hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang menceritakan

tentang mati. Selain faedah membaca Al-Quran itu untuk mengingat mati ianya juga berguna sebagai bekalan persediaan menghadapi kematian, umpamanya membaca Surah Al-Mulk di mana surah ini mempunyai kelebihan yang hebat. Sebagaimana tersebut di dalam hadis bahawa Surah Al-Mulk itu disifatkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai penyelamat dan pendinding pembaca-nya daripada azab kubur.

Diriwayatkan daripada Abdullah bin Abbas Radiallahuanhuma beliau menceritakan bahawa seseorang daripada sahabat Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam mendirikan khemah di atas kubur dengan tidak menyangka bahawa tapak kawasan itu adalah kubur. Lalu dia terdengar ada orang membaca surah (Surah Al-Mulk) di dalam kubur sehingga akhir surah tersebut. Kemudian dia pun pergi berjumpa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dengan memberitahu apa yang telah didengarnya: "Wahai Rasulullah, saya telah mendirikan khemah di atas tapak perkuburan, dan saya tidak menyangka bahawa tem-

pat itu adalah kubur, lalu saya terdengar ada orang membaca surah (Surah Al-Mulk) di dalam kubur sehingga akhir surah tersebut." Lalu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Dialah penghalang, dialah penyelamat yang menyelamatkannya dari siksa kubur." (Hadis riwayat At-Tirmizi).

Ataupun mengingat mati itu melalui hati, misalnya dengan membayangkan di hadapan matanya keadaan ketika dia dikafankan, disembahyangkan dan dikebumikan. Ataupun dengan amal perbuatan, misalnya dengan menziarahi kubur, turut serta menguruskan jenazah, menziarahi orang yang sedang sakit terutama orang yang dalam keadaan nazak.

Perkara seperti ini boleh saja mencuit kalbu dan membibitkan dalam diri sanubari seseorang suatu perasaan keinsafan bahawa hidup ini tidak kekal, hidup ini tidak selamanya dalam keadaan sihat di mana saat kematian tetap akan kunjung tiba pada bila-bila masa. Dan semua ini sebenarnya secara tidak langsung

akan membawa seseorang itu akan sentiasa ingat kepada Yang Maha Berkuasa Menghidup dan Mematikan setiap makhluk; Allah Azzawajalla. Apabila seseorang itu sentiasa ingat kepada Allah maka Allah akan sentiasa membalasnya dengan kebaikan. Firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Oleh itu, ingallah kamu kepada Aku (dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan." (Surah Al-Baqarah, ayat 152).

Selain itu, seseorang yang sentiasa ingat kepada kematian akan mencetuskan dorongan dan gesaan yang menggerakkan dirinya agar sentiasa waspada dan memastikan dirinya sentiasa berada di dalam sempadan-sempadan yang ditentukan oleh Allah Subhanahu Wataala tanpa melewatinya walau sejenkal iaitu dengan menjunjung perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

BERSAMBUNG

VALentine's Day atau 'Hari Kekasih' adalah hari di mana sepasang kekasih merayakan percintaan mereka, disambut pada setiap tahun pada 14 Februari.

Meraikan Hari Kekasih ini tidak ada dalam agama Islam. Orang-orang Islam tidak boleh terikut-ikut merayakan hari tersebut kerana ia adalah hari perayaan bagi orang-orang Kristian.

Valentine bagi mereka adalah lambang kasih sayang sejati di antara seorang hamba dengan tuhan dan dengan sesama manusia. Maka orang-orang Kristian mengambil sempena 14 Februari itu untuk merayakan hari kasih sayang demi memperingati hari kematian paderi mereka Valentine yang dipenjarakan hingga mati oleh Raja Rom.

Islam sememangnya sangat menggalakkan umatnya supaya berkasih sayang di antara satu sama lain. Berkasih sayang dalam Islam tidak



Menuju Keredaan Allah

ada masa yang tertentu, malah berkasih sayang dalam Islam adalah setiap hari tidak ada batas waktu. Tetapi untuk meluahkan kasih sayang di antara lelaki dan perempuan hendaklah mengikut apa yang dibenarkan hukum syarak, bukan yang mendorong kepada perkara-perkara maksiat.

Hakikatnya Islam adalah agama yang praktikal bukan mengongkong. Islam adalah agama yang mengatur kehidupan kita agar lebih sempurna. Dalam Islam 'kasih sayang' ada tiga kategori. Kasih Pencipta (Allah Subhanahu Wataala) kepada hamba-Nya, kasih hamba kepada Pencipta dan kasih makhluk sesama makhluk.

luk.

Kasih sayang paling utama dan tertinggi sekali untuk Allah Taala, ia adalah kasih sayang yang bersifat kekal. Manakala kasih sayang sesama makhluk adalah bersifat sementara. Hal ini dijelaskan sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam surah Ali 'Imran ayat 31 tafsiran-nya:

"Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingallah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

Kasih sayang sesama

makhluk adalah kasih sayang yang menyatukan hati umat Islam seluruhnya dalam hubungan kekeluargaan dengan cara tolong-menolong antara satu dengan yang lain. Ini bersesuaian dengan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Al-Tirmizi dari Abdullah bin Amr Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu

Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

"Sebaik-baik sahabat di sisi Allah ialah orang yang paling baik kepada tetangganya."

Oleh yang demikian hendaklah setiap orang Islam khasnya golongan remaja tidak terikut-ikut dengan budaya 'Hari Kekasih' yang diamalkan

oleh orang-orang Kristian yang sentiasa berusaha untuk memperdayakan umat Islam supaya mengikut kehendak mereka. Masa yang terluang sepatutnya diisi dengan melakukan amal-amal kebajikan untuk mendapatkan keredaan Allah Taala demi kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat kelak.

HAKIKATNYA Islam adalah agama yang praktikal bukan mengongkong. Islam adalah agama yang mengatur kehidupan kita agar lebih sempurna. Dalam Islam 'kasih sayang' ada tiga kategori. Kasih Pencipta (Allah Subhanahu Wataala) kepada hamba-Nya, kasih hamba kepada Pencipta dan kasih makhluk sesama makhluk.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi ketika berucap merasmikan Majlis Memulakan Kursus-kursus Diploma Kejururawatan Lanjutan dan Pelancaran Kursus Diploma Kesejahteraan Jiwa bagi Maktab Jururawat PAPRSB. - Gambar oleh Hamadi HM.

Maktab Jururawat sediakan kursus dan latihan bersesuaian

GADONG, 8 Februari. - Tenaga kerja yang terlatih dan berkualiti adalah aset negara yang tidak patut disia-siakan, apa lagi ketika negara berharap untuk menghasilkan tenaga belia yang berkualiti sebagai pemangkin kepada pembangunan dalam semua aspek.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi ketika menyatakan perkara itu menjelaskan, tenaga kerja yang terlatih

dan kalangan belia sangat diperlukan di negara apa lagi dalam arena global yang penuh dengan persaingan.

"Matlamat dan hala tuju yang ingin kita capai ialah untuk terus mengeluarkan lebih banyak lagi tenaga kerja terlatih dari kalangan belia tempatan sebagai asas ke arah pembangunan untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan bangsa dan negara," jelasnya di Majlis Memulakan Kursus-kursus Diploma Kejururawatan Lanjutan dan Pelancaran Kursus Diploma Kesejahteraan Jiwa bagi Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkihah (PAPRSB).

Bagaimanapun, katanya, program-program latihan dan bimbingan hendaklah sentiasa relevan dan sesuai dengan perkembangan masa dan keperluan masyarakat.

Menurutnya, sebagai sebuah institusi pengajian yang terlibat di dalam pembangunan dan perkemba-

Oleh
Samle HJ

ngan sumber tenaga manusia di negara ini, Maktab Jururawat PAPRSB tidak dapat lari daripada memikirkan dan merancang program-program akademik untuk memberikan peluang kepada pelajar-pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kejururawatan.

Sejak mula ditubuhkan 16 tahun yang lalu, maktab tersebut telah pun berusaha dalam memberikan kursus-kursus dan latihan-latihan yang bersesuaian bagi memenuhi kehendak perkhidmatan yang kian bertambah.

Sebanyak sebelas 'Post Basic Course' di peringkat Diploma telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan melalui Lembaga Pengurusan Maktab Jururawat PAPRSB, bagaimanapun ketika ini hanya tujuh kursus yang dija-

lankan.

Maktab berkenaan maju setapak lagi dengan memperkenalkan kursus tambahan iaitu 'Diploma In Mental Health' yang baru sahaja dimulakan pada awal tahun 2003.

Pihak maktab juga menawarkan skim Kursus Diploma Lanjutan Kejururawatan bagi graduan lepasan Maktab Jururawat PAPRSB yang juga dipanggil sebagai 'Double Diploma' bagi memberikan peluang kepada para graduan berkenaan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam pengajian kejururawatan.

"Inisiatif seperti ini adalah langkah proaktif pihak pentadbiran maktab dalam mengembangkan program akademik yang mana manfaatnya berguna kepada para pelajar tetapi juga kepada masyarakat dan negara," jelas Timbalan Menteri Pendidikan.

Beliau turut berbangga dengan kemajuan yang telah dicapai oleh maktab berkenaan sehingga terkenal sebagai sebuah institusi kejururawatan yang mampu menawarkan program-program akademik yang 'up-to-date' dan 'advances' yang sebanding dengan negara-negara yang lain.

Menurutnya, maktab berkenaan telah berupaya menonjolkan imej kepada mata dunia kerana berjaya menjalin hubungan dengan institusi-institusi dan badan-badan antarabangsa ternama dalam bidang kejururawatan.

Beliau percaya usaha yang berterusan dan kewibawaan serta kepimpinan pihak pengurusan, pentadbiran dan kerjasama daripada seluruh tenaga pengajar dan kakitangannya, maktab akan terus berperanan untuk sentiasa proaktif dalam membuat perubahan ke arah mengembangkannya misinya untuk menjadikan maktab sebagai sebuah institusi kejururawatan yang unggul.

Maktab Jururawat PAPRSB perkenal Kursus Diploma Kejururawatan Kesejahteraan Jiwa

GADONG, 8 Februari. - Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkihah (PAPRSB) telah menawarkan Kursus Diploma Kejururawatan Kesejahteraan Jiwa (Diploma in Mental Health Nursing) Peringkat Diploma Lanjutan sejajar dengan misinya untuk memberikan ilmu pengetahuan dan kemahiran pengkhususan di dalam menangani isu-isu didalam perawat dan penjagaan pesakit.

Kursus itu juga bertujuan bagi memberikan ilmu dan pengetahuan khusus di dalam penjagaan pesakit yang menghadapi keadaan kesihatan mental.

Perkara itu dijelaskan oleh Pengetua Maktab Jururawat PAPRSB, Dayang Hajah Suraya Noraidah di Majlis Perasmian Memulakan Kursus-kursus Diploma Kejururawatan Lanjutan dan Pelancaran Kursus Diploma Kesejahteraan Mental di Dewan Auditorium maktab berkenaan.

Katanya, arus kehidupan yang serba moden dan canggih banyak memberikan manfaat kepada manusia tetapi juga memberi tekanan kepada sebilangan individu sehingga memberi kesan buruk kepada kesihatan dan ketidakstabilan di dalam menghadapi hidup seharian.

"Pesakit yang menghadapi gangguan kepada kesihatan mental tidak akan mendapat perawat yang sempurna jika perawat diberikan oleh yang tidak mempunyai pengetahuan yang tertentu," jelas Dayang Hajah Suraya.

Menurutnya, matlamat perawat yang dikehendaki oleh pesakit tidak akan dapat dicapai sehingga, jururawat yang memberikan perawat mempunyai pengetahuan yang mendalam serta mahir di dalam memberikan peme-

Oleh
Samle HJ

dulian seperti yang dikehendaki.

Sebelum ini, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menyarankan bahawa kesihatan individu akan dapat dipertingkatkan melalui kesedaran dan kefahaman di dalam memberikan penjagaan dari aspek kesihatan psikososial.

Maktab Jururawat PAPRSB buat julung kalinya telah memilih enam orang graduan lepasan maktab tersebut mengikuti kursus berkenaan bermula pada Januari lalu.

Sementara itu, satu skim baru juga telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan melalui Pengerusi Lembaga Kejururawatan Maktab Jururawat PAPRSB bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang berpotensi mengikuti kursus-kursus di peringkat Diploma Lanjutan selepas menamatkan Kursus Diploma Kejururawatan.

Kursus berkenaan juga

bagi memberi laluan setiap pelajar lepasan maktab akan mengikuti kursus asas dan lanjutan bagi mereka mendapat dua kelulusan selepas menamatkan pengajian. Program itu juga selaras dibuat di banyak negara.

Sehingga kini maktab tersebut itu telah mengukuhkan lapan jenis Kursus Diploma Kejururawatan Lanjutan. Segala kemudahan yang terdapat di Kementerian Kesihatan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang dilengkapi dengan alat teknologi yang moden dan canggih akan membolehkan Maktab Jururawat PAPRSB membuat perancangan rapi bersama pegawai-pegawai dari Kementerian Kesihatan di dalam semua aspek termasuk pembentukan garis pandu kurikulum yang akan diselenggarakan.

Kursus-kursus pengkhususan akan terus giat dirancang mengikut perkembangan dan kehendak perkhidmatan ke arah memberikan perkhidmatan dan memenuhi citarasa pelanggan di negara ini.



PARA peserta Kursus Diploma Kejururawatan Lanjutan Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkihah. - Gambar oleh Hamadi HM.

ORANG RAMAI DIINGATKAN TIDAK MELAKUKAN PEMBAKARAN TERBUKA

BERAKAS, 8 Februari. - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi Kementerian Pembangunan mengingatkan orang ramai agar tidak melakukan pembakaran terbuka belukar dan tanah gambut.

Ingatan itu dikeluarkan oleh jabatan berkenaan melalui siaran akhbar yang menyatakan mengenai kebakaran belukar dan tanah gambut yang semakin meningkat sejak

kebelakangan ini.

Siaran itu menjelaskan, kebakaran-kebakaran itu berlaku serentak dengan keadaan cuaca kering ketika ini dan telah menyebabkan belukar dan tanah gambut mudah terbakar dan api merebak.

Disebabkan kebakaran itu, siaran itu, telah menjejaskan kualiti udara dan jarak pandangan, terutama bagi kawasan-kawasan yang berdekatan

dengan tempat kejadian.

"Kebakaran yang berlaku di kawasan tanah gambut adalah lebih sukar untuk dipadamkan dan selalunya akan mengeluarkan lebih banyak pencemaran asap," jelas siaran itu.

Siaran itu menambah, jarak pandangan yang rendah juga akan membahayakan keselamatan terutamanya bagi pengguna-pengguna jalan raya.

"Disebabkan inilah, terdapat jalan raya yang ditutup sebagai langkah berjaga-jaga dan untuk memudahkan pergerakan anggota Bomba ke kawasan tersebut.

Cuaca kering yang melanda ini dijangka akan berpanjangan hingga bulan depan dan orang ramai dinasihatkan supaya melaporkan setiap kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba melalui talian 995.

PERADUAN MENCIPTA LOGO BELIA

JABATAN Belia dan Sukan menganjurkan Peraduan Mencipta Logo Belia yang terbuka kepada orang ramai yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Borang penyertaan dan keterangan lanjut mengenai peraduan itu boleh didapati daripada Urusetia Mencipta Logo Belia, Jabatan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam BC 3915, telefon 381903/381381904/382911 dan faks 381524.

Selain menghubungi alamat di atas, orang ramai juga boleh menghubungi cawangan-cawangan Bahagian Belia dan Sukan di Daerah Tutong melalui nombor telefon 04-2211551, Daerah Belait 03-340958, Daerah Temburong 05-221718 dan Daerah Brunei-Muara 02-222900/223936.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

BANGSA Berilmu Negara Maju merupakan tema sambutan Hari Kebangsaan negara kita yang ke-19 pada tahun ini, di mana dalam kita mengharungi dan melayari era globalisasi yang penuh dengan cabaran bidang sains, teknologi dan maklumat perlunya rakyat dan penduduk, masyarakat serta bangsa kita mempunyai ilmu pengetahuan bagi kejayaan dan kemajuan bagi sesebuah negara.

Bangsa yang berilmu sedikit sebanyak dapatlah mencerminkan kemajuan dan kejayaan yang negara kecapai. Negara mampu mengendalikannya beberapa mesyuarat yang melibatkan negara-negara dunia antarabangsa, perkembangan pembangunan dalam bidang IT, melahirkan cendekiawan yang

Bangsa berilmu mencerminkan kemajuan dan kejayaan negara

berpendidikan, peningkatan dari segi agama, politik dan sosial yang antara lain juga merupakan jambatan negara ke arah mencapai kemajuan.

Walaupun bagaimanapun kemajuan yang kita nikmati pada masa ini, tidak bererti bahawa bangsa kita tidak perlu lagi mengendahkan dan menghayati kehendak dasar negara. Rakyat dan penduduk negara ini perlu bersyukur kepada kemajuan yang kita nikmati pada hari ini adalah hasil kejayaan negara yang perlu kita imbas kembali.

Kejayaan dan kemajuan bangsa dalam pendidikan telah menyerlah sekali terutamanya jika kita imbas kembali sejarah

Arkitek 'Brunei Modern' Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin III di mana sejak pemerintahannya negara mengalami pelbagai kemajuan, perubahan dan pemodenan sehingga kita sudah berani memikul tanggungjawab yang berat ke arah pembangunan dan kemajuan negara.

Oleh sebab itu melalui bangsa berilmu sudah pasti kemajuan dapat negara kecapai kerana ia merupakan faktor yang amat penting. Peranan yang kita mainkan dalam memajukan negara serba sedikit dapat dijadikan bahan menimba ilmu pengetahuan untuk negara terus maju ke hadapan.

Kita juga perlu bersyukur dan beruntung kerana kedamaian dan keamanan yang negara kecapai telah dapat membantu menambahkan ilmu selama 19 tahun kemerdekaan. Pada masa ini pihak kerajaan juga telah menyediakan pelbagai kemudahan dalam pembelajaran yang bertujuan agar bangsa berilmu dengan kemajuan yang negara nikmati hari ini.

Langkah-langkah awal seperti memberikan ilmu pengetahuan kepada bangsa kita terutamanya generasi muda hari ini perlulah dipupuk dan disemai sedari awal, di samping mempunyai sifat keterbukaan minda, bersifat positif dan menerima

serta berkebolehan adalah di antara kecergasan ke arah membina moral, akhlak dan fizikal mereka dalam sama-sama menikmati kemajuan negara.

Tidak semestinya kejayaan yang bangsa dan negara kecapai itu keseluruhannya bergantung kepada sebilangan rakyat dan penduduk negara ini sahaja, tetapi sama-samalah kita mempunyai iltizam, semangat dan wawasan ke arah memantapkan lagi masyarakat dan bangsa berilmu serta kemajuan negara kerana tanggungjawab ini perlu kita pikul dan tanai bersama yang bukan sahaja menjadikan negara ini sebagai sebuah negara 'Melayu Islam Berjaya' yang

kekal berilmu dan maju malahan dapat membuktikannya ke seluruh dunia antarabangsa.

Selain dari falsafah negara 'Melayu Islam Berjaya' yang berhubung kait dengan tema Hari Kebangsaan kita pada tahun ini, dapatlah kiranya lagi dijadikan satu jalan atau usaha kita bersama ke arah mengecapai kemajuan negara dan bangsa berilmu iaitu jambatan yang memudahkankan lagi bagi mempertahankan keupayaan negara.

Marhadzelawati binti Mohd. Daud,
No. 35 'D' Kampong Tamoi Tengah, BL 2112.
No. k/p : 266775

Masyarakat harapan negara

NEGARA Brunei Darussalam sekali lagi merayakan sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini yang bertepatan 'Bangsa Berilmu Negara Maju'. Kemerdekaan setentunya menjadi impian setiap warga kerana setiap negara mahu berdiri sendiri dan tidak mahu di-naungi oleh kuasa-kuasa asing. Justeru itu kemerdekaan wajar disanjung dan tidak boleh dipandang ringan kerana ia merupakan simbolik keharmonian bermasyarakat dan keamanan sesebuah negara.

Menyinkap detik sejarah Hari Kemerdekaan pada 1 Januari 1984, pengisytiharan kemerdekaan negara kita yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin merakamkan hari kegemilangan bagi bangsa serta masyarakat kita, malah ia juga merupakan sebagai kesinambungan perpaduan dan kesejahteraan negara kita.

Jika dilihat pada tema Hari Kebangsaan tahun ini menekankan bahawa ilmu pengetahuan amat penting bagi setiap lapisan masya-

rakat terutama belia-belie kita kerana belia merupakan aset dan pewaris negara dalam menerajui kemajuan pembangunan negara di masa akan datang.

'Bangsa Berilmu' memfokus kepada kepentingan ilmu pengetahuan. Dari segi pandangan Islam, menuntut ilmu adalah wajib bagi setiap lelaki dan juga perempuan. Di era globalisasi yang sangat mencabar ini, masyarakat global berlumba-lumba menimba ilmu terutama mempelajari bidang-bidang teknologi maklumat (IT) mengendalikannya menguasai sistem komputer sepenuhnya semata-mata agar tidak ketinggalan jauh di belakang dan mampu menandingi bangsa lain seperti bangsa Inggeris, Jepun dan sebagainya.

Alhamdulillah masyarakat di negara ini sememangnya peka bahawa dalam era yang sangat mencabar ini tanpa ilmu penge-

tahuan pembangunan negara akan menjadi mundur. Masyarakat berilmu adalah harapan negara, termasuk masyarakat harus memiliki sifat-sifat yang luhur yang berkonsepkan keagamaan bersesuaian dengan falsafah negara kita Melayu Islam Beraja. Masyarakat yang memiliki sifat sebegini sememangnya mampu membantu diri mereka menghadapi dunia luar termasuk mengelakkan diri dari pelbagai corak atau bentuk gangguan dari anasir-anasir yang tidak sihat seperti penyalahgunaan dadah.

Manakala 'Negara Maju' pula merupakan kemajuan pembangunan negara yang berlandaskan kepada nilai-nilai hasanah bersesuaian dengan konsep keagamaan dan ciri-ciri kebruneian. Masyarakat perlu komited dalam memiliki sifat-sifat rajin berusaha, tekun di dalam melaksanakan tugas dan jujur serta amanah di dalam memiliki

tanggungjawab yang diamanahkan.

Di sini nampak jelas bahawa tema Hari Kebangsaan tahun ini, 'Bangsa Berilmu Negara Maju', memfokuskan kepentingan ilmu pengetahuan perlu dititikberatkan kerana di abad ke-21 ini cabaran kian meningkat dari setiap pelusuk dunia, termasuk peningkatan dari segi sains dan teknologi.

Bagi mengekalkan dan meningkatkan kemajuan dan saingan bagi pembangunan negara kita, masyarakat perlu memiliki sifat-sifat hasanah dan juga nilai-nilai moral yang tinggi termasuk bergerak aktif menampilkan kualiti yang berkesan.

Abdul Wahab bin Haji Abdullah,
No. 21 'G' Kampong Burong Pingai Ayer, BM 1126.
No. k/p : 058132

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Ibadat Korban. Huraikan Kebaikan dan Keberuntungan Dari Sudut Kemasyarakatan'. Tarikh tutup 22 Februari 2003.
2. 'Peristiwa Hijrah. Kenapa Umat Islam Digalakkan Menghayatinya'. Tarikh tutup 1 Mac 2003.
3. *. Tarikh tutup 1 Mac 2003.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Huraikan Tema Sambutan Hari Kebangsaan Tahun Ini - Bangsa Berilmu Negara Maju'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Bangsa berilmu boleh memimpin dan memajukan negara

KEMERDEKAAN Negara Brunei Darussalam kini menjangkau usia ke-19 tahun. Dalam jangka masa itu kita dapat melihat kemajuan dan kejayaan yang telah negara kita peroleh sama ada di dalam mahupun di luar negara. Tema Hari Kebangsaan negara kita pada tahun ini iaitu 'Bangsa Berilmu Negara Maju' adalah bersesuaian, apatah lagi negara kita sedang berada dalam era globalisasi.

Bangsa yang berilmu boleh menjadikan sesebuah negara itu maju, kerana bangsa yang berilmu adalah bangsa yang boleh memimpin dan menggerakkan kemajuan negara dengan ilmu yang ada. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah bagi mendukung dan memelihara perkembangan negara dalam segala bidang maka Negara Brunei

Darussalam sangat-sangat berkehendakkan orang-orang yang berilmu pengetahuan dan pakar dalam segala bidang.

"Beta akan meneruskan cita-cita dan asas-asas yang telah diletakkan oleh paduka ayahanda beta dan seterusnya berseru kepada rakyat beta sekalian, khususnya penuntut-penuntut yang masih di bangku sekolah supaya menyedari akan proses kemajuan dan perkembangan negeri ini serta menanamkan semangat yang tidak kendur-kendurnya untuk mencapai ilmu pengetahuan yang tinggi," titah baginda di Majlis Pembukaan Rasmi Sambutan Nurul Al-Quran pada 18 Disember 1967.

Di sini baginda menekankan sekiranya ramai rakyat di negara ini mempunyai kelulusan-kelulusan yang tinggi yang mempunyai akhlak yang mulia dan terpuji setentunya kita akan dapat berdiri di atas kaki kita sendiri dan betapa penting dan perlunya bangsa yang berilmu pengetahuan itu.

Walaupun titah baginda itu sudah lama dan belum lagi negara kita merdeka, titah itu tetap berguna sehingga kini. Oleh itu kita perlulah menghayati dan mengambil berat mengenainya untuk kepentingan dan kemajuan negara kita pada masa ini dan akan datang.

Dalam agama Islam kita sebagai umatnya diseru dan diwajibkan untuk menuntut ilmu pengetahuan. Menuntut ilmu yang berlandaskan dan menurut agama Islam adalah dituntut kerana ia bukan sahaja untuk kesenangan di dunia bahkan juga di akhirat.

Menuntut ilmu itu bermula dari rumah kemudian di sekolah dan seterusnya ke peringkat yang lebih tinggi iaitu universiti. Oleh kerana ilmu itu sangat penting maka banyak tertubuhnya sekolah-sekolah di negara kita bagi pendidikan rakyat dan penduduk di negara ini.

Kesimpulannya, ilmu itu adalah sangat penting, kerana ilmu pengetahuan adalah anak kunci kepada kejayaan hidup. Ini bermakna dengan adanya ilmu kita boleh berjaya hidup di dunia dan di akhirat. Negara yang maju adalah disebabkan oleh kepimpinan bangsanya yang berilmu, kerana bangsa yang berilmulah dia akan memberikan segala yang telah dipelajarinya bukan sahaja untuk kepentingan dirinya sendiri bahkan juga untuk kepentingan dan keperluan negara. Dengan adanya bangsa berilmu negara akan maju dan tidak ketinggalan dengan negara yang sudah maju. Apatah lagi negara di dunia masa kini sedang bersaing dalam kemajuan teknologi dan ekonomi.

Suhaibul bin Awang Ahmad,
No. 662, Simpang 660
Kampong Lumapas 'B', BJ 3524.
No. k/p : 296033

KHUTBAH HARI RAYA AIDILADHA 1423 ... KHUTBAH HARI RAYA AIDILADHA 1423 ...

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar Walillahi Hamd,

HARI ini kita sebagai umat Islam di mana jua berada bersama-sama dengan saudara Muslimin kita yang sedang menunaikan ibadah haji, di Kota Suci Mekah, menyambut Aidiladha atau Hari Raya Korban, dengan menunaikan syiarnya seperti bertakbir, bersembahyang dan menyembelih korban sebagai bukti melahirkan keimanan kepada Allah, di samping memperingati sunnah Nabi Ibrahim Alaihissalam dan keluarganya, yang telah melakukan pengorbanan demi menjunjung terhadap perintah Allah Taala. Pengorbanan menjadi ujian kepada umat manusia, sejauh manakah mereka itu beriman dan mengabdikan diri kepada Allah yang menjadikan, yang memberi rezeki dan segala kurnia yang tidak terkira banyaknya.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ibrahim ayat 34 yang tafsirnya: "Dan Dia telah memberikan kepadamu (keperluanmu) dari segala apa yang kamu pohonkan kepada-Nya, dan jika kamu menginginkan nikmat Allah, nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar) sangat suka menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya dan sangat mengingkar (tidak menghargai) nikmat Allah."

Salah satu ibadah yang sangat dianjurkan kita melaksanakannya di Hari Raya Adha ini ialah berkorban sebab itu Aidiladha lebih tepat kita sebut Hari Raya Korban, iaitu menyembelih haiwan seperti kambing, lembu atau kerbau, seekor kambing untuk seorang, seekor lembu atau kerbau atau unta untuk tujuh orang. Menyembelih korban dilakukan setelah selesai Salat Aidiladha

Islam menggalakkan umatnya meningkatkan kedudukan ekonominya

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar Walillahi Hamd.

IBADAT korban warisan Nabi Ibrahim ini, mempunyai hikmah yang besar. Di dalamnya tersimpan rahsia-rahsia saikologi, sosial, ekonomi, perjuangan dan sejarah yang agung.

Zahirnya berkorban memerlukan kelebihan rezeki sama ada memiliki binatang atau wang. Mereka yang berkorban adalah orang yang mampu dari segi ekonomi. Dengan adanya korban, Islam menggalakkan umatnya meningkatkan kedudukan ekonomi masing-masing ke taraf mampu tadi.

Ibadat korban tidak sahaja menuntut pengorbanan wang ringgit atau binatang-binatang ternakan tetapi juga menuntut pengorbanan sepenuh hati, iaitu ikhlas melakukannya semata-mata kerana Allah Taala.

Hari Raya Korban mengembalikan ingatan kita kepada sejarah pengorbanan besar Nabi Ibrahim dalam perjuangannya. Nabi Ibrahim sepanjang menjalankan tugas sucinya, telah menempuh berbagai-bagai dugaan. Baginda pernah dicampakkan ke dalam api yang bernyala-nyala oleh kaum Namrud. Puncak pengorbanan besar baginda ialah diperintahkan mengorbankan puteranya sendiri Sayidina Ismail Alaihissalam.

Sejarah pengorbanan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail Alaihissalam menjadi sejarah pengorbanan yang tidak ada tolok bandingnya. Pengorbanan kedua-dua orang Rasul tersebut bukan sahaja mengharukan sifatnya tetapi juga penuh dengan semangat. Dan terdapat padanya

Umat Islam hendaklah sentiasa berkorban dan berjihad

KHUTBAH PERTAMA

dan masih dapat dilakukan pada Hari-hari Tasyriq iaitu 11,12,13 Zulhijjah.

Korban disyariatkan dalam Islam pada tahun Kedua Hijrah, ianya mempunyai tujuan tertentu bagi mengingati pengorbanan teragung Nabi Ibrahim Alaihissalam terhadap satu-satu puteranya Nabi Ismail Alaihissalam, Baginda bermimpi, bahawa Allah Subhanahu Wataala memerintahkannya untuk menyembelih puteranya Ismail, yang pada waktu itu sudah berusia 13 tahun dan telah dapat membantu dalam pekerjaan dan perjuangan.

Sebagai manusia biasa, langkah beratnya bagi

Nabi Ibrahim Alaihissalam untuk mengorbankan jiwa belahan hatinya sendiri, lebih-lebih lagi, setelah berusia lebih daripada 60 tahun, barulah baginda mendapat seorang anak laki-laki, hasil perkahwinan dengan Siti Hajar.

Nabi Ibrahim menyampaikan kepada puteranya, Ismail mengenai mimpinya itu, seperti yang disebutkan di dalam Al-Quran sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ash-Shaaffat ayat 102 yang tafsirannya: "Wahai anak kesayangan-ku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi, bahawa aku (diperintahkan) untuk menyembelihmu,

maka fikirkanlah apa pendapatmu."

Sebagai seorang putera yang menumpukan ke-taatan kepada Allah Subhanahu Wataala, maka Nabi Ismail memberikan jawapan yang tidak bergoncang.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ash-Shaaffat ayat 102 yang tafsirannya: "Wahai ayahku! Jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu, insya-Allah, ayah akan mendapati (menyaksikan sendiri) daku dari orang-orang yang sabar."

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar.

Dalam suasana yang mengharukan yang diliputi oleh semangat iman, Nabi Ismail meminta supaya ayahnya melaksanakan

perintah Ilahi iaitu menyembelih lehernya. Nabi Ibrahim mencium kening puteranya itu, diletakkan di atas pangkuannya, kemudian pisau yang tajam itu mulailah menari di atas leher anak yang tabah itu.

Pada saat yang mengharukan itu Allah Taala menunjukkan kekuasaan-Nya, melakukan apa yang dikehendaki-Nya. Putera yang disembelih pada waktu itu bukanlah Nabi Ismail, tetapi seekor kibas (kambing biri-biri) yang muncul secara tiba-tiba menggantikan leher Nabi Ismail. Dengan demikian, Nabi Ismail Alaihissalam terlepas dari rangutan maut.

Sejak waktu itulah Nabi Ibrahim melakukan ibadah korban dengan menyembelih haiwan secara tertib dan

teratur. Kemudian Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam meneruskan ibadah korban menjadi satu amalan Islam yang kita laksanakan setiap Hari Raya Adha atau Hari-hari Tasyriq. Dalam Al-Quran Al-Karim Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Kautsar ayat 1-2 tafsirnya: "Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan akhirat). Oleh itu sembahyanglah kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelillah korban (sebagai tanda bersyukur)".

Hadis dari Aisyah Radiallahuanha yang diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tarmizi dan Al-Imam Al-Hakim, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya;

"Tidak melakukan seorang anak Adam sesuatu amalan pada Hari Raya Adha yang lebih disukai oleh Allah Taala daripada menumpahkan darah (menyembelih korban). Sesungguhnya binatang korban itu akan datang pada Hari Kiamat nanti dengan tanduk, bulu dan kukunya. Dan sesungguhnya darahnya jatuh di sisi Allah pada satu tempat kemudian lebih dahulu dari jatuh ke bumi. Maka berkirlah diri kamu dengan korban."

Ibadat korban pada Hari Raya Adha ini dilakukan bukan sahaja semata-mata untuk memenuhi kehendak syariat Islam dalam menghidupkan dan meneruskan sunnah Nabi Ibrahim Khalilullah dan sebagai ikutan dari perbuatan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping dapat menghulurkan bantuan kepada golongan fakir miskin, tetapi lebih dari itu ialah sebagai simbolik dari pengajaran Islam, agar umat Islam hendaklah sentiasa berkorban dan berjihad dalam hidup mereka, pengorbanan itu sesuatu yang utama kepada penyaksian akidah untuk kebahagiaan dan keselamatan hidup di dunia dan di akhirat.

Orang-orang yang berjaya dan maju, hidup dengan menjunjung titah perintah Allah Subhanahu Wataala ialah mereka yang sanggup berkorban, berkorban masa, berkorban wang ringgit, berkorban jiwa raga, tenaga, fikiran, perasaan, mengorbankan kepentingan diri dan lain-lain pengorbanan lagi. Mereka inilah orang yang benar-benar berjihad untuk memperolehi keredaan Allah Subhanahu Wataala.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar.

Tanpa semangat berkorban, orang akan rasa sayang untuk mengeluarkan perbelanjaan ke Mekah, tanpa semangat berkorban, orang tidak akan sanggup berpuasa di Arafah, di tengah-tengah sinaran panas matahari, demikian juga tanpa semangat berkorban orang akan sayang untuk mengeluarkan belanja bagi menyembelih haiwan dan sebagainya.

Musuh utama kepada pengorbanan itu ialah syaitan dan hawa nafsu, ia berusaha supaya manusia sayang kepada wang ringgit, takut rugi atau membuang masa dan bermacam-macam godaan dan pujukan lagi.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Faathir ayat 6 tafsirnya: "Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh bagimu, maka anggaplah ia musuh. Kerana sesungguhnya syaitan-syaitan itu hanya mengajak golongannya supaya menjadi penghuni Neraka yang menyala-nyala."

Marilah kita menepati janji pada setiap Hari Raya maksudnya: "Tidak ada Tuhan yang sebenar melainkan Allah, kami tidak sembah melainkan Dia, dengan penuh ikhlas baginya sahaja agama, meskipun dibenci oleh orang-orang kafir, tidak ada tuhan yang sebenar melainkan Allah yang disembah, benarlah janji-janji untuk memberikan pertolongan kepada hambah-Nya, dan memberikan kemuliaan serta kemenangan kepada tentera-Nya, membinasakan tentera Ahzab dengan keesaan-Nya."

KHUTBAH KEDUA

sifat patuh dan taat terhadap perintah Allah Subhanahu Wataala.

Sepanjang sejarah kehidupan manusia, betapa ramai orang-orang yang telah berkorban kerana Allah semata-mata. Umpamanya di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, ramai para sahabat berkorban untuk menegakkan Islam. Mereka bukan sahaja berkorban harta tetapi juga jiwa raga. Sayidina Ali Karamallahu Wajhah mempertaruhkan nyawanya sewaktu Rasulullah berhijrah ke Madinah. Sayidina Abu Bakar As-Siddiq dan Sayidina Othman Radiallahuanhuma banyak mengorbankan harta untuk menegakkan Islam. Bilal bin Rabah dan Yasir mengorbankan nyawanya kerana Islam. Demikianlah pengorbanan umat Islam yang terdahulu.

Melaksanakan korban dengan menyembelih binatang di hari raya ini dan di Hari-hari Tasyriq (11/12/13) Zulhijjah ini, bukan sahaja sebagai tanda bersyukur nikmat Allah yang telah melebihi rezeki kepada kita, tetapi di dalamnya ada rahsia hidup bermasyarakat. Daging korban itu akan menghubungkan tali kasih sayang yang sangat rapat antara si pemberi dengan si penerima, khususnya yang mempunyai kemampuan dan kurang mampu.

Di samping itu orang-orang yang hidupnya kurang beruntung akan merasa gembira dan bahagia apabila merasa hidup mereka mendapat simpati daripada orang-orang yang berada. Keadaan ini akan menimbulkan rasa belas

kasihan, hormat-menghormati dalam diri penerima dan pemberi.

Selain daripada mengeratkan silaturahmi sesama Muslim, ibadah korban dapat merapatkan jurang antara yang kaya dengan yang miskin. Ibadat korban dapat mengikis sifat bakhil dan terlalu sayangkan harta. Sifat-sifat yang buruk ini boleh menjerumuskan manusia untuk melakukan perbuatan keji seperti penindasan, rasuah, penipuan dan lain-lain sifat keji yang patut kita hindarkan.

Jelas kepada kita ibadah korban dapat membersihkan jiwa manusia dari sifat keji di samping menggilap kembali sifat kemanusiaan yang murni, kerana berkorban benar-benar berkehendakkan keikhlasan dan kemurahan hati, bukan senang untuk mengorbankan harta, kalau hati tidak bersih daripada sifat bakhil atau sayangkan harta. Dan boleh juga menyemaikan benih kasih sayang dan timbang rasa sesama manusia di mana ia boleh merapatkan yang jauh dan mengeratkan yang dekat.

Inilah asas kemasyarakatan yang menjadi hasrat kita bersama, erat berpadu sesama umat dalam masyarakat yang membawa kepada kekukuhan umat dan perpaduan negara, insya-Allah.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisaa' ayat 175 tafsirnya: "Adapun orang-orang yang beriman kepada Allah dan berpegang teguh kepada agamanya, maka Allah akan memasukkannya ke dalam rahmat yang besar darinya (Syurga). Dan limpah kurnia yang tidak terkira, dan Allah akan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus (agama Islam) untuk sampai kepada-Nya (Allah)."

Rahsia 9 kunci kecil membuka 9 pintu besar isu pengangguran

Syarikat kukuh + sistem teguh ibarat pohon besar menumpu badai!

**SIRI
MOTIVASI:
"Ubah Sikap
Awda dan Awda
Merubah Hidup
Awda"**

Oleh Anak Kedayan, UBD

DALAM Kerjaya MLM: Bagaimana caranya anda mengatur langkah merealisasikan impian anda? - Amalkan sistem Perniagaan yang berkesan!

Gunakan Kaedah: F * R * E * E

1. FOKUS: Membulatkan tekad, menjejaki langkah 123:

PERKARA	1	2	3
MENENTUKAN MATLAMAT	Membantu menambah pendapatan keluarga	Meningkatkan pendapatan	Merealisasikan impian
PENDAPATAN BULANAN JANGKAAN	RM 200- RM 100	RM 4,000 ke atas	RM 30,000 dar atas
ANGGARAN JANGKA MASA	2 - 4 bulan	4 bulan ke atas	2 - 5 tahun
PERLAKSANAAN	Berusaha secara sambilan	Dari berusaha secara sambilan kepada sepenuh masa	Sepenuh masa
MASA BEKARJA	2 jam sehari	8 jam sehari	Anda Jadualkan masa dan berusaha sepenuh masa


2. **RELAX:** Bersiap sedia menangani rintangan yang bakal dihadapi:
- 2.1 Pasangan hidup tidak menyokong
- 2.2 Ibu bapa tidak bertimbang rasa
- 2.3 Sanak saudara cuba melemahkan semangat
- 2.4 Sahabat handai tidak mahu menyertai
- 2.5 Jiran tetangga tidak menerima

3. **ENTHUSIASTIC (BERSEMANGAT):** Rintangan-rintangan ini timbul kerana:
- 3.1 Mereka bukan tidak memahami tetapi mempunyai anggapan yang salah terhadap perniagaan jualan langsung.
- 3.2 Bimbang awda benar-benar berjaya; kejayaan awda bermakna kegagalan pada diri mereka.
- 3.3 Bimbang awda tidak mempunyai masa lagi untuk bersama mereka.
- 3.4 Bimbang awda akan memujuk mereka menyertai atau membeli produk.

4. **ENGAGED (TETAP PENDIRIAN):** Jangan berganjak daripada keputusan anda!
- 4.1 Kerana aspirasi awda akan mendorong awda mencapai impian
- 4.2 Kerana kejayaan MLM adalah perniagaan awda sendiri
- 4.3 Kerana kejayaan adalah pasti, kecuali awda putus asa.

"HADAPI SEMUA RINTANGAN KERANA SETIAP USAHAWAN YANG BERJAYA PERLU MENEMPUHI RINTANGAN-RINTANGAN INI!"

KEPESATAN PERTUMBUHAN PEMASARAN BERANGKAI



Inilah 'Rahsia Penajaan' bagaimana 1 orang sebulan, boleh meningkat 4,096 orang dalam masa 12 bulan (1 tahun)!

Semasa 'menaja' awda akan mendapati 3 jenis prospek, iaitu:

1. Pelanggan: Pelanggan adalah 'Raja'. Layanilah mereka dengan penuh dedikasi dan toleransi. Dengan memiliki 20 - 50 pelanggan tetap, awda adalah calon 'Intan Jutawan' bila tiba waktunya. Mereka adalah 'sumber PV' awda tanpa awda berhempas-pulas mengeluarkan 'modal besar' untuk bertarung mengembangkan pencapaian dan perkembangan perniagaan.
2. Ahli: Orang yang hanya ingin menjadi 'ahli' adalah orang yang agak pintar, kerana ingin mendapatkan 'keistimewaan' dan 'potongan harga' ataupun 'harga pengedar', bukan 'harga pelanggan'.
3. IBO (Independent Business Owner): Untuk menjayakan dan mengembangkan Perusahaan ini, kita mestilah mendapatkan 'rakan kongsi' dan menjadi rangkaian kita. Dengan kata lain, pastikan awda 'menghasilkan tajaan' seramai mungkin. Iaitu secara 'eksponen - mendalam' bukan 'Linear - mendatar atau melebar'.

5. 100 PERATUS PENGGUNA:

Dalam industri MLM terkini, dengan hanya menjadi pengguna 100% produk syarikat awda boleh mencipta kejayaan dan

kekayaan. Iaitu dengan cara membina rangkaian dan meniru (menduplikasi) cara awda dengan menukar jenama produk kepada produk syarikat sendiri. Kuasa peniruan dan duplikasi ini akan membina rangkaian secara eksponen (meledak). Sudah pasti pendapatan awda akan turut meledak.

Ramai orang gagal untuk memahami kehebatan dan manfaat menggunakan produk mereka sendiri. Jika awda sudah 'sign-up' untuk menjadi IBO, produk syarikat bukan lagi menjadi produk syarikat semata-mata: kini juga menjadi produk awda secara tidak mutlak. Awda tidak akan dapat meyakinkan orang lain dengan hanya melaporkan 'testimoni' kebaikan produk atau 'teori' kebakkannya, kecuali awda sendiri yang mahir dan sepenuhnya menggunakan produk tersebut. Apa yang lebih penting sebelum anda membuka mulut untuk berkongsi kebaikan produk, awda hendaklah menjadi 'juri' dahulu. Awda mestilah menggunakan produk yang akan dikongsikan itu sepenuhnya terlebih dahulu. Ini amat penting sekali kerana produk memainkan peranan yang terpenting di dalam MLM. Kenapa? Sebab produk itulah yang akan diperniagakan. Jika awda sendiri telah mengguna dan mengakui kebaikan, mutu dan diperlukan umum, barulah awda boleh membuka mulut untuk berkongsi kebaikan dengan orang lain.

Tetapi nampaknya tidak ramai yang suka menjadi 'juri' menggunakan produk terlebih dahulu sebelum berkongsi kebaikan-nya dengan orang lain. Inilah kesilapan besar yang akhirnya akan merugikan dan memecah tembelang para pengedar. Mereka hanya berpandukan laporan, testimoni, iklan, kata-kata dan risalah yang sedia ada. Kadang-kadang ada pemimpin atau upline yang terjerat oleh ahli baru (yang pernah menggunakan produk), semasa memperkatakan mengenai 'kehebatan' produk. Inilah bahaya 'sistem' atau 'strategi' yang diamalkan oleh 'pengedar': iaitu 'marketing plan', tetapi mengabaikan 'demo produk' atau sebaliknya... Sedangkan kedua-duanya adalah 'kekuasaan' dan 'kekuatan' bagi menjamin kejayaan perniagaan MLM. Sebab itulah perniagaan ini digelar 'perniagaan suami isteri'. Ada konsep Sinergisme: Perkahwinan impian!

Ada penganut MLM yang mementingkan 'STP: Show The Plan semata-mata untuk mendapatkan IBO. Tidak pernah prihatin untuk 'demo' kebaikan dan kelebihan produk. Dan pada pihak lain, ada penganut MLM lain, lebih fokus kepada 'demo' kebaikan dan kehebatan produk, tetapi mereka 'jahil' pelan pemasaran ('marketing plan') secara 'komprehensif'. Di sinilah saya melihat keperluan 'Sinergisme: Perkahwinan Impian Kehebatan' untuk melahirkan 'kesempurnaan' dalam perniagaan MLM.

Oleh itu, setiap IBO sesuatu MLM mestilah pakar, mahir dan menguasai sepenuhnya ilmu dan kemahiran pelan pemasaran, produk dan konsep 3 S (selling, sponsoring and servicing). Mengetahui dan mahir akan senarai 'harga pengedar' dan 'harga pelanggan' adalah suatu kelebihan dan keutamaan. Tidak tahu atau terpaksa merujuk list harga akan merendahkan 'kredibiliti' awda yang akan mencetuskan 'keraguan' pada prospek atau 'downline'.


KELEBIHAN SEBAGAI PENGGUNA 100 PERATUS

Selagi awda tidak menikmati, akrab atau sehati dengan produk, selagi itu awda tidak akan berjaya meyakinkan orang lain bagaimana hebatnya produk perniagaan awda. Di samping itu konsep 'seeing is believing', akan memberikan bukti kukuh dan mendukung penerangan awda mengenai kebaikan dan manfaat yang dapat diperolehi secara maksimum terhadap produk.

Berikut ini ialah perbandingan model di antara membeli di kedai runcit atau di kedai awda sendiri.

PEKEDAI RUNCIT:	B\$ 300/bulan x 12	Jumlah perbelanjaan 1 bulan (dalam 1 tahun)
Awda,		
* boleh menyimpan sedikit wang (jualan murah)		
* tidak boleh menyimpan wang lebih banyak	B\$ 3,600/tahun x 40	Perbelanjaan keperluan hari- an (dalam 40 tahun; Umur pembeli: 20-60)
* tidak boleh menghasilkan wang tidak ada 'money back guarantee'		
PERNIAGAAN SENDIRI	B\$ 144,000	Jumlah yang dibelanjakan selama itu (Jika harga tidak naik: selalunya naik)
* Boleh menyimpan 20 peratus - 25 peratus (bila-bila masa).		
* Boleh menyimpan lebih wang (bonus bulanan; 18 peratus, 14 peratus, 2 peratus, 3 peratus)		
* Boleh memperolehi wang yang banyak.		
* Car Incentive Fund, House Incentive Fund, Insentif Pendidikan Anak-anak Pengedar, Insentif Pelan- congan dan lain-lain		
* 100 peratus money back guarantee		
* Insurans produk		

PRINSIP ASAS 3S YANG UTAMA UNTUK BERJAYA DALAM MLM



Simbol 'Y' terbalik adalah simbol kemegahan kereta Mercedes seperti S series! Demikian, apabila mendapat insentif kereta berupa kereta Mercedes S Series akan mengangkat prestasi usahawan MLM dan kata menjadi kota: Seeing is believing!

Lihat muka 9

Syarikat kukuh + sistem teguh ibarat pohon besar menumpu

Dari muka 8

1. Jualan (Selling)

Jualan adalah satu-satunya cara untuk usahawan MLM meraih keuntungan tunai. Konsep amnya ialah untuk memastikan setiap ahli organisasi membeli beberapa produk untuk kegunaan peribadi dan selebihnya dijual kepada kawan-kawan dan saudara-mara setiap bulan. Ini akan memastikan pendapatan yang tetap untuk para usahawan. Namun demikian, untuk meraih keuntungan yang lebih besar, pada usahawan perlu mencapai jualan yang lebih besar yang memerlukan pengalaman prinsip asas kejayaan yang berikut.

2. Penajaan (Sponsoring)

Mungkin tidak ramai yang gemar menjual, tetapi ramai yang gemar berkongsi pengalaman yang baik. Contohnya, setelah makan nasi katuk yang enak di restoran berkenaan, kita biasanya akan berkongsi pengalaman ini bersama teman-teman. Begitu juga dengan penajaan. Sebaik sahaja awda dapati kebaikan dalam produk atau peluang perniagaannya, awda biasanya akan berkongsi pengalaman baik ini bersama teman-teman atau saudara-mara. Ini akan meluaskan pasaran dan meningkatkan jualan awda. Untuk mengekalkan pertumbuhan atau peningkatan jualan dan penajaan, prinsip asas ketiga memainkan peranan yang penting.

3. Perkhidmatan (Service)

Aktiviti ini memastikan yang downline anda sentiasa termotivasi dan lebih mustahak lagi, ia dapat meningkatkan pengetahuan produk dan ilmu kemahiran perniagaan yang dapat membantu pelaksanaan dua prinsip asas kejayaan yang disebutkan terdahulu, iaitu jualan dan penajaan. Perkhidmatan merangkumi bimbingan tetap, latihan dan pembentukan pemimpin-pemimpin cemerlang di kalangan ahli organisasi awda, di samping mengekalkan hubungan dan komunikasi dengan pelanggan tetap awda.

Selaras dengan 3 prinsip asas kejayaan MLM ini, syarikat akan memperkalkan BGP (Business Growth Program) = Program Peningkatan Perniagaan untuk memastikan duplikasi rancangan tindakan yang jelas dan ringkas untuk semua usahawan membina kejayaan MLM yang cemerlang. Iaitu konsep 'KISS' (Keep It Short and Simple).

6. ALAT BANTU/LATIHAN:

Untuk lebih berjaya lagi dalam perniagaan MLM para pedagang dan pemimpin mestilah memiliki ilmu, pengalaman, kepimpinan, ketrampilan dan kepakaran dalam semua aspek MLM yang diceburi secara global dan komprehensif. Iaitu dengan mengguna pakai 'Alat Bantu' dan 'Latihan'.

Sejak awal lagi syarikat MLM telah menyediakan alat bantu, sokongan dan latihan bagi pedagang dan para pemimpinnya agar dapat menguasai sistem, strategi dan wawasan ke arah merealisasikan impian dan visi syarikat MLM. Di samping itu usahawan MLM yang bergelar pemimpin dan Juara MLM mempunyai formula dan pengalaman serta ilmu yang mapan untuk mendidik downline dan organisasi. Untuk menjadi pemimpin yang baik, awda mestilah menjadi pengikut yang baik terlebih dahulu.

PANTANG LARANG DALAM MLM!

Orang tua-tua memang mempunyai pantang larang kehidupan yang begitu banyak. Ada yang logik dan ada yang tidak logik. Kata mereka untuk kebaikan awda juga. Tidak semua kan? - kalau hendak cepat pandai berenang kanak-kanak hendaklah makan pokok 'gelagah' (tebu) yang di hujung (bahagian yang rasanya tawar) bukan yang sebelah bawah (pangkal - bahagian yang manis). Dengan keyakinan 100% kanak-kanak yang begitu ghairah hendak cepat pandai berenang di sungai akan akur dan melakukannya. Bila tiba mandi di sungai mereka akan cuba untuk berlabuh di sungai, berpogang pada batang atau tunggul, cuba menimbun badan, berakut-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian... (sekali-sekala air masuk mulut dan hidung menyebabkan mata merah berair - lemas pun ada) akhirnya terbinas dan berkembang rasa keyakinan, sehingga berjaya berenang seperti abangnya yang lain. Logikinya ialah kanak-kanak dinasihati untuk makan sebelah hujung batang tebu (sebelah yang tawar rasanya) kerana jika tidak demikian, orang tua-tua tidak akan 'hampir' (kebahagian) bahagian pangkal yang manis itu. Demikian juga dalam soal mencari rezeki dan harta.

Menurut Robert Kiyosaki dalam bukunya Rich Dad Poor Dad, ayah miskin akan mengatakan "cinta akan wang adalah akar segala kejahatan" dan ayah kaya akan mengatakan kekurangan wang adalah akar segala kejahatan" dan hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam mengatakan: "Kefakiran hampir-hampir membawa kepada kekufuran."

Ramai orang tua tidak mau anak-anaknya melebihi kewibawaannya sebab mereka yang dahulu 'makan garam' dan sering meludahkan perkataan 'nanti ketulahan'. Salah satu alasan kenapa yang kaya semakin kaya, yang miskin semakin miskin, dan kelas menengah terjatuh turun adalah kerana masalah wang diajarkan di rumah, dan tidak di sekolah. Kita kebanyakannya belajar soal kewangan dari orang tua kita. Maksudnya apa yang dapat diajarkan oleh orang tua yang miskin kepada anak-anak mengenai wang? Mereka berulang-ulang kali mengatakan, "Belajar rajin-rajin sampai universiti, dapat kerja 'selamat', gaji lumayan...". Si anak mungkin akan lulus dengan peringkat yang mengagumkan (mungkin sampai tahap Ph.D.) Tetapi dengan sikap mental dan program kewangan orang miskin, maka mereka puas hati dengan pendapatan makan gaji berbanding kepakaran mereka dengan gaji tetap sekitar \$ 4,000.00 ke \$5,000.00 sebulan. Sedangkan kepakaran mereka itu jika dikembangkan dan di tempat posisi 'kepakaran' yang lebih baik, mereka akan mendapat lebih \$4,000.00 (satu hari) jika mereka berwawasan seperti William Henry Gates III (Bill Gates) kini merupakan individu persendirian terkaya di dunia, harta peribadi Bill Gates pada tahun 90-an dianggarkan bernilai AS\$39.8 billion). Selepas tercirir dari maktab, beliau memulakan syarikat Microsoft bersama seorang rakan pada tahun 1975. Sebagai Pengerusi Microsoft, beliau memperoleh pendapatan sebanyak kira-kira AS\$400 juta) semingggu. Bukan seorang pemegang Ph.D. Bukan seorang pakar. Tetapi seorang yang 'gagal' dan 'drop-out' dari maktab.

Ilmu wang tidak diajarkan di sekolah. Sekolah berfokus pada ketrampilan di bidang pelajaran dan ketrampilan profesional, bukan pada ketrampilan kewangan. Ini membuatkan bankir, doktor, dan akuntan yang pandai dan memperoleh ranking yang tinggi di sekolah masih perlu berjuang secara kewangan seumur hidup mereka. Gali lubang tutup lubang. Stress kerja. Mangsa 'JOB' (Just Obey Bosses), akhirnya meninggal dunia dan meninggalkan hutang-piutang untuk diwariskan sebagai bakiannya kepada anak cucu. Hutang atau defisit negara yang mengungut sebagai bakiannya disebabkan oleh 'manipulator', para lanun di kalangan ahli politik, pemimpin negara, pejabat pemerintahan yang berpendidikan tinggi yang menangi dan membuat keputusan kewangan dengan sedikit atau bahkan sama sekali jahlil tanpa ilmu dan latihan dalam menangani masalah kewangan.

Saya selalu memandang jauh ke hadapan, milenium ke-21 ini, dan bertanya-tanya apa yang akan terjadi kepada bangsa dan negara tercinta ini apabila kita memiliki ratusan ribu masyarakat yang memerlukan bantuan kewangan dan perubatan. Sudah tentu mereka akan bergantung kepada keluarga dan pemerintah. Apa akan terjadi jika keistimewaan pelajaran percuma, perubatan percuma, subsidi makanan asas, dibekukan atau dimansuhkan, kerana ciri-ciri ke arah itu sudah nampak. Bagaimana nasib bangsa kita jika mengajar anak-anak soal kewangan terus diserahkan pada orang tua saja - yang kebanyakannya akan menjadi, atau sudah, miskin? Lihat saja mangsa tragedi kebakaran besar di Kampung Ayer? Mereka pasrah dan gelabah seperti 'anak ayam kehilangan ibu', seperti 'belang patah sayap'. Apa lagi kalau negara menjadi mufis (Wali'ya zubillahi minn'zaaliqu), dikanal sumber ekonomi negara yang satu-satunya 'minyak dan gas' akan 'kering telaganya' dan strategi 'mempelbagai ekonomi negara' melalui SME's dan Industri gagal? Maka sudah sampai masanya bangsa Brunei diajari 'kepintaran kewangan' sejak di bangku sekolah, tidak semata-mata suapan dan longkongan mata pelajaran yang 1001 macam yang tidak relevan dengan bakat, jiwa dan masa hadapan kehidupan mereka. Dengan kata lain, bukan sekadar teori, tetapi pengalaman dan praktikalnya. Interpersonal skill itu lebih wajar diajarkan sejak awal persekolahan kerana 'memberikan ikan pada mereka akan habis dimakan, tetapi memberikan atau

mengajarkan mereka pengalaman memancing/mencari ikan akan membuat mereka makan ikan selamanya'.

Sistem jualan langsung (Dari rumah ke rumah), dan dicanggihkan lagi dengan sistem MLM yang lebih profesional, pada pendapat saya ini sebenarnya amalan datuk-nenek-moyang kita dalam jualan kuih-muih pada waktu pagi dan petang keliling kampung, sistem perniagaan tradisional Padian dan Pengalu adalah akar umbi Direct Selling dan MLM. Kenapa ini tidak diajarkan di sekolah sebagai keperluan 'fardu 'ain' atau 'setiap individu' masyarakat. Sementara usaha ke arah memberigakan masyarakat menuju dunia SME's, keusahawanan, korporat dan konglomerat sebagai usaha 'fardu kifayah'. Budaya usahawan ini wajar dipupuk sejak kecil lagi seperti hendak melerut buluh, biar sejak dari berbunga. Ini adalah kerana set minda keusahawanan akan lebih kreatif ke arah membasmi kemiskinan secara global dan komprehensif. Di samping itu menerapkan nilai-nilai murni dan keislaman dengan mencepat sistem 'muamalah Islam'.

MLM YANG HEBAT UNTUK MEMPERKASA INDIVIDU BIASA MERUBAH NASIB DAN MENCIPTA KEKAYAAN LUAR BIASA

Di sinilah kehebatan MLM, mendidik ahlinya untuk berkari, membuat perniagaan sendiri, menjadi usahawan profesional, mendidik ahli interpersonal skill dan kemahiran kewangan, mengukuhkan jati diri, self-esteem, semangat perjuangan, ketahanan diri, dan fokus kepada kejayaan dan kekayaan dalam semua aspek kewangan dan personaliti.

* Syarikat mantap: Profil dan sejarah syarikat yang bersih dan cemerlang tanpa ada titik-noda sebagaimana sejarah hitam Skim Cepat Kaya (Skim Piramid) atau beberapa MLM lain. Mempunyai sistem perniagaan yang 'simple and short'. Mudah difahami dan telus. Rangkaian 'DC' (Distributor and Centre) atau Warehouse (Gudang) atau SSP (Single Service Provider) di lokasi yang strategik.

* Produk Biasa dan Luar Biasa: Produk yang diperkenalkan tidak terlalu 'mahal' dan 'affordable' bagi semua lapisan masyarakat. Pelbagai jenis dan menepati citarasa masyarakat umum. Produk 'Halal' lebih selamat dan digemari ramai. Keistimewaan dan kehebatan produk menarik pelanggan dan pengguna.

* Penampilan: 'First Impression' itu yang paling penting. Penampilan bukan saja terletak pada pakaian. Penampilan adalah gabungan jenis pakaian, cara berpakaian, cakap dan cara bercakap, suara, tingkah laku, mendengar dan cara mendengar, melihat dan cara melihat, bahasa tubuh (body language), mimik muka dan bibir, persiapan peralatan dan seumpamanya.

* Mengguna Produk: Jika awda tidak mahu menggunakan produk atau tidak mengetahui latar belakang produk jangan sertai syarikat MLM tersebut.

* Menetapkan matlamat: Menetapkan jumlah jualan dan tarikh-tarikh yang tepat untuk mencapai peringkat-peringkat yang diimpikan.

* Merancang untuk mencapai matlamat: Menetapkan matlamat berasaskan: Apa? Dan merancang untuk mencapai matlamat berasaskan kepada: Bagaimana?

* Menjual: Menjual adalah suatu kemestian. Disarankan awda mempunyai tidak kurang 20 ke 40 orang 'pelanggan tetap'.

* Penajaan: Semasa menaja awda akan memperoleh 4 ragam manusia. 1. Menolak terus 2. Menjadi Pelanggan Sahaja: Mengguna dan membeli produk dengan 'harga customer' 3. Menjadi Ahli sahaja: mengguna dan membeli produk dengan diskaun dan 'harga pedagang'. 4. Menjadi IBO (Independent Business Owner): menjadi pengguna, pedagang, penjual, penaja dan mempunyai peluang mendapatkan pelbagai keistimewaan yang disediakan oleh MLM. Tujuan utama menaja ialah mengembangkan perniagaan. IBO inilah yang kita cari untuk rakan kongsi dan rangkaian perniagaan awda.

* Mesyuarat: Mesyuarat mesti ada disiplin. Ruang mesyuarat yang selesa dan mampu menampung peserta. Selesa dan profesional. Alat Bantu dan kelengkapan tersedia. (Gangguan semasa mesyuarat dimaksimumkan ke aras sifar. Tiada penggunaan telefon bimbit. Tiada percakapan selain 'MC dan Speaker'. Tidak membawa anak-anak damit. Dan seumpamanya. Menghadiri mesyuarat adalah untuk menimba ilmu dan mendapatkan maklumat terkini. Mengendalikan mesyuarat ialah untuk menyampaikan ilmu dan maklumat, bukan untuk menunjuk pandai, bercakap kosong, atau 'mengulang-ulang perkara sama setiap minggu', tampikan berlainan pemimpin atau penceramah jika mampu.

* Memimpin: Memimpin dengan mengarah adalah dua perkara yang berbeza. Memimpin adalah budaya ala-Jepun iaitu mengantikan 'saya' dengan 'kita' atau 'kami', bukan ala-Nazi iaitu 'aku', mengarahkan, menyuruh, memaksa dan 'menang sendiri'. Memimpin adalah bermatlamat, iaitu mencipta setiap tajaan akan menjadi pemimpin.

* Mengurus kumpulan: Memastikan setiap tajaan hidup dan membina kumpulan sendiri.

* Komitmen: Tanpa komitmen, awda tidak akan berjaya. Komitmen adalah ibarat 'tali pengikat'. Mengikat dan menarik awda ke arah mencapai matlamat. Kerana itu dikatakan bahawa lebih baik 1 orang yang mempunyai komitmen jauh lebih baik dari 100 orang yang hanya mempunyai minat.

* Bergaul dengan orang positif: Jika awda bergaul dengan orang berjaya awda akan berjaya, demikian sebaliknya. Awda mestilah 'meniru upline' yang berjaya dan awda 'ditiru oleh downline' awda kerana kejayaan awda.

* Istiqamah: Istiqamah dan terus-menerus melakukan perniagaan MLM tanpa berhenti pasti mencapai kejayaan. Lambat atau cepat bukan ukuran. Yang penting fokus, impian kukuh, tawakul, uju, berterusan, menikmati puncak kejayaan dan mencipta kekayaan. Jika awda berhenti, tamatlah riwayat segala impian dan matlamat anda untuk sampai ke garis penamat.

* Bersedia menghadapi risiko: Tanpa bersedia menghadapi risiko, kita tidak akan ke mana-mana. Sedangkan kita sudah perkara untuk menghadapi risiko untuk menjadi 'juara' sewaktu sperma ayah terpancar dalam rahim ibu, kita menjadi juara mengalahkan berjuta-juta sperma lain. Dan kita sekali menangi kejayaan kerana menjadi juara lahir ke dunia. Dan kita menjadi juara dengan menghadapi risiko hidup di dunia semata-mata 'menuju' mauit atau ajal. Inilah risiko manusia hidup. Mana lebih besar risiko memabisi kemiskinan atau hidup untuk mati (pada bila-bila masa pula tu...) Nah! Tidak ada manusia hidup tanpa risiko. Miskin pun risiko! Kaya pun ada risiko! Tetapi risiko kaya lebih enak, dari risiko miskin! Benar kan? Buat apa takut untuk menjadi kaya?

* Mencapai matlamat dan kejayaan: Yang paling bermakna ialah setelah melakukan langkah pertama ialah menjejakan kaki di garisan penamat atau puncak kejayaan. Jika matlamat awda ialah kekayaan, maka insya-Allah, kekayaanlah yang akan awda capai.

KONSEP 3 K : KESIHATAN, KECANTIKAN, KEKAYAAN

Kesihatan: Dalam kehidupan harian, kita akan dapati orang di sekeliling kita ada yang berwajah sihat, ada pula berwajah pucat, cangkung, ada pula kelihatan tua, ada yang tubuhnya langsing, ada pula gemuk seperti badak, ada yang memiliki rambut lebat dan ada pula rambutnya kian hari kian nipis. Kenapa semua ini berlaku? Jawapannya cara hidup kita yang 'tidak seimbang', sikap dan tabiat 'negatif' serta 'tidak bijak' menguruskan kehidupan. Khusus bidang 'pemakanan', yang membahayakan kehidupan kita.

Menurut pakar pemakanan, prinsip-prinsip penjagaan kesihatan merangkumi:

- 1) Memperolehi pemakanan yang cukup dan seimbang.
- 2) Melakukan senaman dan berehat dengan secukupnya.
- 3) Berfikir positif dan sentiasa riang gembira dan
- 4) Tinggal di persekitaran yang nyaman dan selesa.

Pemakanan ialah faktor utama untuk mengekalkan kesihatan tubuh manusia. Pengambilan pemakanan yang mencukupi dan seimbang membuat seseorang kelihatan sihat dan bertenaga. Sebaliknya kekurangan pemakanan akan menyebabkan badan merasa lemah dan tidak bertenaga. Akan tetapi, dari mana datangnya pemakanan? Jawapannya ialah makanan semula jadi. Pakar-pakar pemakanan berpendapat bahawa pemakanan yang seimbang boleh didapati daripada makanan harian yang sembang. Makanan yang seimbang itu termasuklah susu, telur, ikan, daging, mentega, padi-padian, bijirin, sayur-sayuran, buah-buahan, air dan segala tanaman.

Masalahnya ialah semua pemakanan ini hanya dapat diperolehi daripada makanan semulajadi yang berlainan. Tambahan lagi, khasiat pemakanan ini mudah hilang jika disimpan lama, dimasak dan diproses. Selain daripada itu, kerana kesibukan kerja harian, kebanyakan orang mempunyai masa yang terhad untuk menyediakan makanan yang seimbang untuk seisi keluarga. Oleh itu, ramai yang terpaksa makan di luar dan lumrahnya masakan luar adalah kurang bermutu dari segi khasiat. Di samping itu, udara tercemar, tidur tak lena, tekanan, stress, merokok, pengambilan arak dan sebagainya juga akan kehilangan pemakanan yang diserap oleh badan. Jelas kelihatan, keinginan untuk memperoleh pemakanan yang mencukupi, justeru itu, manusia telah menghasilkan makanan yang berkhasiat kepada tubuh badan.

Kelebihan Makanan Kesihatan

1. Murah - Pemakanan yang ada dalam makanan harian dengan kuantiti yang sama adalah 10 kali ganda lebih mahal.

2. Mudah - Tidak perlu dimasak dan senang dibawa.

3. Pengambilan - Sama ada dalam bentuk tablet, kapsul, serbuk atau cecair, arahan pengambilan telah dicetak pada label pembungkusan.

Pendek kata, pengetahuan tentang pengambilan makanan berkhasiat adalah amat penting dalam kehidupan harian kita demi hidup yang lebih sihat, selesa dan bahagia.

Perbezaan antara makanan kesihatan dan ubat:

	Ubat	Makanan Kesihatan
Pengambilan	Kuantiti ditetapkan tidak boleh diambil dengan berlebihan.	Kualiti ditetapkan boleh diambil dengan berlebihan.
Penggunaan	Tidak boleh diambil bersama dengan ubat lain dalam waktu yang sama.	Boleh diambil bersama ubat lain dalam waktu yang sama.
Tempoh Pengambilan	Jika kerap mengambil, unsur ubat akan terkumpul dan kemungkin besar akan berubah menjadi racun.	Lebih kerap mengambil, badan menjadi lebih sihat.
Kesan Sampingan	Teruk tetapi perlahan.	Tiada.
Kesan	Sementara.	Boleh membantu dalam jangka masa.

Kecantikan: Terdapat 4 rahsia utama untuk kelihatan muda jelita; ia merangkumi penjagaan diri dari segi fizikal dan mental seperti diet, emosi, tidur, senaman dan penjagaan kulit.

1) Diet yang seimbang: Makanan yang sihat dan semula jadi dapat membantu meningkatkan daya ketahanan diri seseorang. Di zaman sains dan teknologi ini semakin ramai di antara kita yang lebih gemar dengan cara hidup serba mudah dan ringkas. Begitu juga dengan gaya pemakanan. Makanan segera mendapat tempat di hati masyarakat masa kini. Namun demikian, kita lupa bahawa makanan tersebut mengandungi pelbagai bahan tiruan yang membahayakan kepada badan. Oleh itu kita mesti sentiasa mengambil makanan yang sihat.

2) Emosi Yang Stabil: Kestabilan emosi seseorang itu sebenarnya bergantung kepada tahap seseorang itu mampu untuk mengekalkan perwatakan yang ceria. Sememangnya bukan mudah untuk mengawal emosi diri. Emosi yang tidak stabil berpunca daripada pelbagai faktor, antaranya tekanan beban kerja, kesibukan atau kesesakan lalu lintas, kegawatan ekonomi, stress atau musibah, yang kesemuanya akan mengakibatkan seseorang itu mengalami sakit kepala yang berpanjangan. Senaman, yoga, berkongsi masalah dengan orang lain, mengingat Yang Maha Kuasa (Allah Taala) dan mendengar muzik yang ringan adalah beberapa cara mengekalkan emosi yang stabil.

3) Tidur dan senaman yang mencukupi: Seseorang individu perlu mempunyai rehat yang mencukupi. Setiap individu sekurang-kurangnya memerlukan tidur di antara 7 hingga 8 jam sehari. Cara tidur yang betul juga mampu untuk mengekalkan 'awet muda' seseorang. Pastikan cara tidur anda betul iaitu tidur dalam keadaan menelentang (pakar kesihatan), atau mengiringkan badan dengan lembung kanan di posisi bawah (Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam). Jangan sekali-kali tidur dalam keadaan meniarap kerana cara ini mampu mempercepatkan proses penuaan. Bersenam sekurang-kurangnya 20 minit sehari. Jika tidak, paling kurang anda perlu melakukan gerakan badan bagi mengekalkan tahap kesihatan yang baik.

4) Penjagaan kulit: Jangan sewenang-wenangnya menggunakan produk kecantikan yang tidak dikenali. Di zaman sains dan teknologi ini, pelbagai masalah boleh berlaku disebabkan salah guna produk. Oleh itu pastikan setiap produk kecantikan yang awda gunakan mampu untuk menajuhkan ancaman pengoksidaan terhadap kulit wajah. Selain itu, ia juga perlulah mampu memberikan kelembapan yang sewajarnya kepada kulit muka dan mampu untuk meningkatkan daya ketahanan semula jadi kulit.

Sesetengah MLM hanya mengedar 1 produk yang 'hebat', manakala yang lain menampilkan pelbagai produk yang juga hebat dan berkonsepkan 'ala-runcit' dan 'pek kesihatan'. Majoritinya menampilkan produk berkualiti untuk kesihatan, kecantikan, peralatan rumah, kenderaan, makanan minuman, perhiasan dan seumpamanya. Ketelusan dan pengurusan syarikat yang sistematik, telus dan profesional akan menentukan kualiti dan umur seseorang syarikat MLM. Menurut kajian, jika sekiranya umur syarikat MLM itu mencecah satu dekad, atau 10 tahun ke atas, maka dapat dipastikan bahawa syarikat itu merupakan sebuah syarikat MLM yang kukuh dan mempunyai hayat masa hadapan yang lebih panjang. Sebab itulah berbuat peluang 'pertama' yang ditawarkan oleh seseorang syarikat MLM, kerana jika awda bergiat awal atau bermula awal, jika awda istiqamah, tidak berhenti, sudah pasti anda akan sampai ke matlamat yang awda impikan. Walaupun syarikat MLM mempunyai falsafah: Awal atau lewat masuk MLM bukan petanda awal akhir awda mencapai kejayaan. Dalam MLM, sungguh praktikal. Jika awda buat dengan keyakinan, kesabaran, keberanian dan tidak berhenti ditengah jalan, pasti awda akan mencapai impian awda. Memandangkan ahli atau pedagang MLM selalunya menerima ahli berumur 18 tahun ke atas tiada had, bangsa dan agama, maka setiap orang ada peluang untuk berjaya. Khusus para penganggur dan graduan yang menganggur, peluang mereka terbentang luas, kenapa tidak mencuba dan kemudiannya menjadi yakin dan berjaya. Rugikah awda mencuba? Atau lebih rugikah awda menganggur dan membazir masa? Keputusan bijak ada di tangan awda!

Jangan sekali-kali kita lupa bahawa setiap impian bermula dengan harapan. Setiap kisah kejayaan dengan kegembiraan pada akhirnya bermula dengan perkataan-perkataan: "Pada suatu masa dahulu terdapat seorang lelaki atau wanita yang mengharapka bahawa suatu hari nanti..." Seperti Thomas Edison, Abraham Lincoln, Henry Ford, Nelson Mandela, dan kita juga mestilah bermula dengan cara yang sama untuk mencipta 'Sejarah Hidup'.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani menyampaikan piala kemenangan kepada johan Pertandingan Tausyeh, Kumpulan Nurraihaan. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Nurraihaan juara Pertandingan Tausyeh

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 Februari. - Kumpulan Nurraihaan muncul sebagai johan di Pertandingan Tausyeh sekali gus

Oleh
Abu Bakar HAR

Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani.

Pertandingan buat pertama kali dianjurkan oleh Perkhidmatan Radio, Rangkaian Nur Islam merupakan satu wadah seni yang menyumbang kepada pembentukan nilai-nilai murni yang mempunyai kesan yang mendalam dalam kehidupan.

Tausyeh merupakan satu keindahan seni yang dialunkan melalui lagu-lagu yang dibawakan dari sebahagian lagu-lagu Al-Quran, sementara senikatanya diadun dengan mengandungi pujian-pujian, munajat atau cerita-cerita yang menggambarkan kebesaran, keagungan atau kemuliaan yang berhubung kait dengan kemanusiaan, kenegaraan dan hari-hari kebesaran Islam.

merebut piala rebutan yang disumbangkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani.

Johan di pertandingan itu selain menerima piala iringan, juga menerima wang tunai sejumlah \$2,000.00.

Sementara naib johan dan tempat ketiga masing-masing telah dimenangi oleh Pasukan Qutrun Nadaa dan Syababul Islam dengan menerima piala iringan dan wang tunai \$1,500.00 dan \$1,000.00.

Hadir menyaksikan dan menyempurnakan penyampaian hadiah kemenangan ialah Setiausaha



PASUKAN Qutrun Nadaa menerima piala kemenangan dari Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani setelah berjaya menjadi naib juara dalam Pertandingan Tausyeh. - Gambar oleh Abdullah HAD.

STRATEGI BEDB TUMPUKAN PELABURAN LANGSUNG ASING

GADONG, 3 Februari. - Lembaga Pembangunan Ekonomi Brunei (BEDB) menumpukan pelaburan langsung asing sebagai strategi untuk mempelbagaikan ekonomi negara, di samping memberi keyakinan dan kesejahteraan penduduk kepada negara ini.

"BEDB bekerja rapat dengan sektor kerajaan dan melaksanakan rancangan-rancangan yang perlu," jelas Pengerusi BEDB, Dato Paduka Haji Yusof bin Haji Hamid di Majlis Perasmian Bengkel Pelaburan Langsung Asing dan Seminar Pembangunan Kapasiti.

Katanya, BEDB akan membuat kajian untuk mengenal pasti dan memberi keutamaan kelompok industri yang mempunyai potensi untuk berkembang maju.

Bagi mencapai matlamat berkenaan, katanya, BEDB menarik pelaburan langsung asing untuk membangunkan industri hiliran dan prasarana di Sungai Liang serta Pulau Muara Besar.

Menurutnya, sasaran keseluruhan jumlah pelaburan langsung asing yang masuk ke rantau ini berjumlah AS\$4.5 bilion dan menghasilkan enam ribu pekerjaan tetap, sekali gus melibatkan penggunaan simpanan gas bagi menyokong

Oleh Samle HJ

kong perkembangan industri hiliran.

Katanya, perkara itu memerlukan pihaknya menyediakan kawasan strategik untuk pelabur asing menjalankan operasi dalam tempoh bersesuaian dengan jumlah pelaburan mereka.

Bagaimanapun, kejayaan pelaburan langsung asing di negara ini bergantung kepada kejayaan dan hubungan antara kerajaan dengan institusi, ahli perniagaan Brunei serta peranan seluruh penduduk negara ini.

Bengkel dua hari anjuran Pusat ASEAN-Jepun dengan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama itu disertai oleh lebih 30 peserta yang mewakili sektor kerajaan, dewan perniagaan dan institusi perbankan.

Bengkel itu dihasratkan bagi memajukan, meningkatkan keupayaan dan pengetahuan serta kepakaran para peserta.

Sepanjang bengkel, para peserta didedahkan perkara yang menjadi kepentingan mengenai pelaburan asing, promosi pelaburan serta rangkai kerja dan hubungan serantau.

GADONG, 6 Februari. - Sekarang para pelanggan lebih bijak memilih dan lebih banyak memerlukan maklumat mengenai produk dan perkhidmatan yang menghendaki organisasi, pertubuhan, syarikat dan perniagaan untuk memenuhi kehendak mereka.

Dengan demikian, pimpinan atasan sesebuah organisasi atau syarikat perniagaan harus memiliki cita rasa pelanggan atau mempunyai perkhidmatan yang lebih mementingkan kehendak pelanggan.

Pengarah Pusat Pengurusan ASEAN-EC (AMEC), Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin berucap demikian di Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Bengkel 'Mencapai Kualiti Perkhidmatan Pelanggan' yang dianjurkan oleh pusat tersebut selama dua hari bermula 5 Februari lalu.

Katanya, kualiti perkhidmatan bukan saja satu set bagi dasar perkhid-

Oleh
Abdullah Asgar

matan pelanggan, tetapi ia juga satu cara kehidupan yang menyentuh pelanggan, majikan dan operasi keseluruhan sesebuah organisasi.

Ini kerana perkhidmatan pelanggan sebenarnya adalah tanggungjawab semua termasuk dari peringkat atasan hingga yang paling bawah, jelasnya.

Tambahnya, perkhidmatan kualiti pelanggan merupakan asas atau dasar bagi sesebuah kejayaan dan keuntungan mana-mana organisasi atau perniagaan.

Oleh itu, katanya, dengan terlaksananya bengkel itu maka terdedahlah mereka yang menyertai bengkel itu atau betapa pentingnya pelanggan kerana intan yang mahal

tetapi kasar harus memerlukan pengilapan.

Jelasnya, bengkel itu merupakan kali kelapan diadakan oleh Pusat Pengurusan ASEAN-EC dan

pusat itu akan terus mengadakan bengkel serupa di masa-masa yang akan datang.

Seramai 45 peserta menerima sijil masing-masing

dari Pengarah AMEC setelah menamatkan bengkel yang dikendalikan oleh seorang penceramah dari Kuala Lumpur, Malaysia, Dayang Siti Kamesh Bhee.



PENGARAH Pusat Pengurusan ASEAN-EC (AMEC), Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin menyampaikan sijil kepada seorang peserta bengkel 'Mencapai Kualiti Perkhidmatan Pelanggan' di majlis penutup kursus. - Gambar oleh Ramli Tengah.



PENGARAH Urusan YSHHB, Dato Paduka Haji Abdul Ghani menyampaikan sumbangan YSHHB kepada seorang mangsa kebakaran di Skim Kurnia Rakyat Jati, Lambak Kiri dan Kampung Lambak. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

11 keluarga menerima wang sumbangan YSHHB

JALAN KUMBANG PASANG, 7 Februari. - 11 buah keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Lambak Kiri dan di Kampung Lambak baru-baru ini menerima wang sumbangan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (YSHHB).

Kebakaran pada 4 Februari 2003 telah meranapkan rumah kepunyaan Awang Muslim bin Chuchu di Kampung Lambak Kiri, sementara Awang Gharib bin Awang Tusin pula kehilangan tempat berteduh apabila rumahnya di Kampung Subok dijilat api pada 2 Februari lalu.

Sumbangan sejumlah \$11,200.00 dan alat-alat persekolahan kepada 44 orang yang terlibat telah disampaikan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim di majlis yang diadakan di Ibu Pejabat YSHHB.

Sumbangan itu yang menjadi aktiviti berterusan pihak yayasan diharapkan akan dapat meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa berkenaan. Sebelum ini yayasan telah membuat sumbangan berupa makanan harian sebagai sumbangan awal.

Pihak YSHHB sentiasa giat menghulurkan sumbangan kebajikan dan prihatin terhadap mereka yang kurang bernasib baik dan ditimpa musibah selaras dengan matlamat penubuhannya.



PEMANGKU Pengarah Jabatan Latihan dan Tugasturus Doktrin, Leftenan Kolonel (U) Haji Sarifuddin menyampaikan sijil kepada anggota ATLDB yang menamatkan Kursus Teknikal (atas). Sementara gambar bawah, anggota-anggota ATLDB yang telah lulus pelbagai bidang teknikal. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.



Tugas Pegawai Imigresen dalam menguatkuasakan undang-undang mencabar

Oleh
Abu Bakar HAR

BERAKAS, 3 Februari. - Tugas sebagai Pegawai Imigresen adalah sangat mencabar lebih-lebih lagi Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan merupakan salah sebuah agensi kerajaan yang menguatkuasakan undang-undang dan peraturan tertentu.

Oleh itu, tugas Pegawai Imigresen yang dilantik terkandung di bawah Bab 3, Akta Imigresen Penggal 17 bagi menguatkuasakan Undang-undang Imigresen Penggal 17 dan Peraturan-peraturannya serta Akta Pasport Penggal 146 dan Peraturan-peraturannya.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Awang Sa Bali bin Abas di Pelancaran Kursus Asas Pegawai-pegawai Imigresen yang baru berkhidmat bagi tahun 2002 yang berlangsung di jabatan berkenaan di Jalan Menteri Besar di sini.

Sehubungan dengan itu, 24 orang Pegawai Imigresen baru diingatkan



PENGARAH Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Awang Sa Bali bin Abas menyampaikan sijil kepada Pegawai Imigresen yang menamatkan Kursus Asas Pegawai-pegawai Imigresen. - Gambar oleh Ramli Tengah.

agar mematuhi melaksanakan undang-undang serta peraturan yang telah ditetapkan kerana menurut Awang Sa Bali keberkesanan undang-undang dan peraturan di bawah jabatan berkenaan adalah bergantung sepenuhnya kepada pegawai dan kakitangannya.

Menurutnya lagi, undang-undang dan peraturan dalam konteks jabatan itu adalah Undang-undang dan Peraturan Imigresen/Pasport yang digubal dan

diwujudkan dengan tujuan dan maksud tertentu.

Majlis petang itu bermula dengan menaikkan bendera negara dan diikuti dengan Lagu Kebangsaan beramai-ramai seterusnya penyampaian folder kepada Pegawai-pegawai Imigresen yang baru berkhidmat oleh Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Majlis berakhir dengan bacaan ikrar oleh pegawai-pegawai baru dikepalai oleh Awang Fadillah Bahri dan seterusnya menandatangani ikrar berkenaan di hadapan Awang Sa Bali.

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan yang berslogankan 'Mesra, Tegak dan Berwibawa' berusaha menjadikan pegawai dan kakitangannya sentiasa melayani dan menepati cita rasa orang ramai sesuai sebagai sebuah jabatan yang berorientasikan perkhidmatan kepada orang ramai.



PEGAUAI-PEGAUAI Imigresen yang baru berkhidmat ketika membaca ikrar. - Gambar oleh Ramli Tengah.

121 anggota ATLDB lulus Kursus Teknikal

MUARA, 30 Januari. - Seramai 121 orang anggota Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB) telah lulus dalam pelbagai bidang teknikal setelah menjalani kursus penuh di Sekolah Latihan Teknikal Laut, ATLDB Peringkat Diploma yang diiktiraf.

Mereka yang lulus terdiri dari 41 orang yang mengambil Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Sargent, 11 orang lulus dalam BDTVEC National Diploma Elektronik dan Kejuruteraan Komunikasi, 13 orang lulus dalam bidang BDTVEC National

Oleh
Abdullah Asgar

Diploma dalam Kejuruteraan Marin.

Sementara itu, 11 orang lulus dalam Kursus Kejuruteraan Senjata M2, 12 lulus dalam Kejuruteraan Marin M2, 18 lulus dalam Kursus Mekanik Am M3, 15 orang juga lulus dalam Kursus Mekanik Am M3 dan 17 lagi lulus dalam M3.

Menurut Timbalan Pegawai Memerintah Sekolah Latihan Teknikal ATLDB,

Leftenan (L) Ali Rahman bin Haji Gapar, mereka semuanya menamatkan kursus masing-masing dari Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal selama tiga tahun dan di Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait.

Sebahagian anggota juga menjalani kursus selama lapan bulan di Sekolah Latihan Teknikal ATLDB khasnya dalam Kejuruteraan Senjata dan Mekanikal.

Menyampaikan sijil kepada anggota-anggota ATLDB ialah Pemangku Pengarah Jabatan Latihan dan Tugasturus/ Dok-

trin, Leftenan Kolonel (U) Haji Sarifuddin yang diadakan di Kelab Mariner ATLDB.

Dengan pengiktirafan itu anggota-anggota ATLDB maju setapak lagi bagi memenuhi keperluan kemahiran dan kebolehan khasnya dalam bidang kejuruteraan elektronik dan mekanikal yang sememangnya berguna dalam perkhidmatan sebagai seorang tentera laut.

Malah itu juga sebagai persiapan awal sebelum ATLDB dilengkapi dengan kapal-kapal perang yang lebih canggih di masa akan datang.


SETELAH beberapa lama berjalan, Bi Inah sampai juga di Kampung Baru itu. Suasana kelihatannya tenang dan cukup aman damai. Penduduknya tidak pula terlalu ramai seperti yang disangkanya. Segala kemudahan, seperti sudah ada di kampung itu. Bi Inah yakin di kampung itu dia akan dapat bekerja lebih tekun dan jauh dari segala cubaan yang bukan-bukan.

Rasanya sudah terlalu jauh perjalanan yang Bi Inah pernah tempuhi. Dulu, dia pernah bekerja di Singapura, Kuala Lumpur, Sarawak, Sabah dan kini dia sudah sampai di Kampung Baru, Brunei.

Bi Inah ingin melupakan kisah-kisah lama di tempat-tempat yang pernah dia bekerja dulu. Bi Inah ingin mengubur segala penderitaan di kampung halamannya dulu. Bi Inah ingin memusnahkan segala ingatan dan kerinduannya pada Mas Joko yang curang. Bi Inah juga ingin membuang jauh-jauh segala janji-janji manis yang pernah Bung Kosim taburkan dulu. Bi Inah ingin melempar ke laut dalam segala sandiwara yang pernah Tuan Topeng lakukan ke atas dirinya. Bi Inah teringin hidup tenang dan beramal sambil mengumpul wang sebanyak mungkin untuk bekalan hari tua.

Bi Inah tahu, dirinya kini sudah lewat 45 tahun. Bi Inah mahu menghabiskan sisa-sisa tenaganya untuk menumpul wang sebanyak mungkin sebelum kembali ke tanah airnya, Indonesia. Bi Inah mahu beli rumah dan kebun. Walaupun akan hidup sendirian, Bi Inah ingin mempersiapkan diri. Apa yang penting sekarang selagi khidmatnya diperlukan, selagi kuotanya disambung, selagi itulah dia akan terus bekerja sebagai orang gaji. Cuaca itu yang Bi Inah tahu. Cuma itu yang Bi Inah cita-citakan.

Berpanduan alamat yang ada, rumah yang hendak dituju dapat Bi Inah temukan. Pelbagai soalan diajukan padanya di hari pertama itu. Perkara itu sudah biasa Bi Inah tempuhi. Oleh itu segala soalan dengan mudah dapat dijawabnya. Cuma ada lima orang dalam rumah itu. Bi Inah rasa tugasnya tidaklah terlalu berat. Apa lagi sebelum ini pun Bi Inah sudah berpengalaman



OLEH
SUTERA KALBU

bekerja sebagai orang gaji.

Pagi-pagi sebelum Subuh Bi Inah sudah bangun. Selesai salat, Bi Inah terus memulakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan padanya. Mula-mula Bi Inah menjerang air dan menyediakan sarapan pagi. Setelah semua seisi rumah siap bersarapan, Bi Inah mengemas meja. Selepas itu Bi Inah membasuh pakaian dan menyidai kain di belakang rumah. Bi Inah akan naik ke rumah menyapu dan mencuci tandas. Lebih kurang jam 10.00 pagi Bi Inah mulai menanak nasi, menyang ikan, daging atau ayam dan membuat gulai. Siap menyediakan hidangan tengah hari Bi Inah segera mengambil wuduk dan salat Zuhur. Setelah semua ahli keluarga rumah itu siap makan, barulah Bi Inah makan.

Setelah mengemas meja makan dan mencuci pinggan mangkuk Bi Inah akan mengangkat kain di jemuran. Mana-mana yang perlu dilipat akan dilipat. Mana-mana yang perlu diseterika akan diseterika pada sebelah petang atau malam.

Setelah salat Asar Bi Inah akan menyediakan minuman petang sebelum turun ke laman dan menyiram pohon-pohon bunga. Setelah menyiram pohon-pohon bunga Bi Inah akan mencuci kereta jika dikehendaki oleh majikannya. Selesai salat Maghrib, Bi Inah di dapur

BI INAH

pula memasak dan membuat apa-apa yang patut untuk makan malam. Sekitar jam 9.30 malam tugas-tugas Bi Inah di dapur selesai. Bi Inah segera mandi, makan dan salat Isyak. Paling akhir, lewat jam 11.00 malam Bi Inah akan tidur jika tidak ada apa-apa lagi tugas dari



majikannya. Begitulah rutin pekerjaan Bi Inah selama kira-kira tiga bulan pertama di Kampung Baru.

Bi Inah memang jarang berbual-bual dengan majikannya kecuali jika perlu. Bagi Bi Inah selagi majikannya tidak marah-marah, tidak menegur apa-apa, itu bermakna semua tugasnya o.k! Bi Inah memang begitu. Asal saja tugasnya siap dan wang

gaji diterima setiap bulan, itu sudah cukup membuatnya senang. Asal dapat menyimpan sedikit wang, selebihnya akan Bi Inah gunakan untuk membeli keperluan dirinya sendiri. Bi Inah suka beli baju yang baru dan cantik. Bi Inah juga suka membeli gincu, bedak, alas bedak, minyak wangi, maskara, celak, pensel kening, beg tangan, losyen, shampoo, cermin mata dan pakaian-pakaian

dalam. Bagi Bi Inah walaupun dia tidak pernah kahwin, tapi dia juga masih teringin untuk sentiasa kelihatan cantik jelita.

Seminggu sekali, Bi Inah diberi cuti. Kesempatan seperti itu selalu dipergunakannya untuk berdandan secantik mungkin sebelum bertemu kawan-kawan seperti di pekan. Kawan-kawan Bi Inah juga berdandan cantik seperti. Rata-rata lelaki

dan perempuan yang senegara dan bekerja setaraf dengannya berdandan cantik dan kemas. Mereka sering berkumpul di tempat-tempat tertentu seperti di perhentian bas, di kedai-kedai atau di warung-warung kopi. Kadang-kadang mereka juga gemar berkelah, ke taman bunga atau menonton wayang bersama-sama.

Bagi Bi Inah cuti seminggu sekali dan dapat berkumpul bersama kawan-kawannya seperti itu sangat memberi erti dalam hidupnya. Bi Inah merasa bahagia meski usikan kawan-kawan lelaki bukan sungguh-sungguh ingin merebut bunga dalam hatinya! Bi Inah sadar, bahawa apa yang dilakukannya hanyalah sekadar untuk menghiburkan dirinya. Selain itu Bi Inah juga sadar bahawa hidup perlu berkawan, perlu berjuang dan perlu merasa riang ria meski sebenarnya lebih banyak kemelut di sebalik semua itu.

Tapi semenjak enam tujuh bulan setelah itu Bi Inah merasa ada yang

.....
Bi Inah memang jarang berbual-bual dengan majikannya kecuali jika perlu. Bagi Bi Inah selagi majikannya tidak marah-marah, tidak menegur apa-apa, itu bermakna semua tugasnya o.k! Bi Inah memang begitu. Asal saja tugasnya siap dan wang gaji diterima setiap bulan, itu sudah cukup membuatnya senang. Asal dapat menyimpan sedikit wang, selebihnya akan Bi Inah gunakan untuk membeli keperluan dirinya sendiri. Bi Inah suka beli baju yang baru dan cantik. Bi Inah juga suka membeli gincu, bedak, alas bedak, minyak wangi, maskara, celak, pensel kening, beg tangan, losyen, shampoo, cermin mata dan pakaian-pakaian dalam. Bagi Bi Inah walaupun dia tidak pernah kahwin, tapi dia juga masih teringin untuk sentiasa kelihatan cantik jelita.
.....

PUISI

SELAMAT ULANG TAHUN NEGARAKU

Terjangkau lagi setahun usia negaraku
Negara Brunei Darussalam nan tercinta
menambahkan matang hidup kedewasaan
19 tahun satu perjalanan semakin jauh
dulit berbagai putaran dunia
ke mercu jaya harapan negara.

23 Februari ulang tahun negaraku
berkibar megah lagi benderaku
berkibar panji-panjimu
diapit dua belah tangan menongkat dagu
berkumandang trima lagu
lagu kebangsaan Negara Brunei
Darussalamku.

Bangsa Berilmu Negara Maju
tema kutanai
kujunjung atas bahu
ayah kita berlari, teruskan berlari
kejariah ilmu itu
yang tua bertongkat
yang kecil merangkak
yang muda penuh semangat
mencari ilmu jangan tersekat
biar sampai ke mana
isikan ilmu ke dalam dada.

Ilmu pelita hidup
tanpa ilmu mata dan hati akan buta
tanpa ilmu
akan miskin dan derita
tanpa ilmu
terhempit dengan kemajuan dunia
beringalah
bangsa berilmu negara maju
negara kan maju andai bangsa berilmu.

Amas Brunei

PERJALANAN KEMERDEKAAN (Sempena Hari Kebangsaan Ke-19)

23 Februari datang lagi
perjalanan memberi kesedaran
ketika di ambang merdeka
19 tahun berlalu
kerana kesibukan
tidak dirasakan
langkah usiamu kini.

Namun hari itu
hingga ke saat ini
kau terus melangkah
tanpa menoleh ke belakang
mengingat sisa-sisa derita
demi menagih janji
erti sebuah kemerdekaan
kesanggupan yang semakin pupus
buat janji semalam.

Negara Darussalam
seharum haruman di taman firdaus
marhain wargamu tidak
lari ke mana setia taat
patah menunggu sampai
ke akhir hayat
kerana di sini bumi kami
dilahirkan
dibersihkan
diberikan pelajaran
mungkin juga di sini
kami disemadikan
hak kita bersama.

Mercu tanda
kegagahan
kejayaan
menjulung
segagah nama
Darussalam
tetap memberikan ilham
yang segar
tersemai di minda sanubari
keranam Darussalam
aku tiada mungkir lagi.

Warisan sejarah silam
membangkitkan nostalgia kerinduan
perjalanan kemerdekaan
baru semalam.

TAMAN SIR MUDA OMAR
ALI SAIFUDDIEN
(Banyak sejarah tertit di sini)

Bermula segala di sini
dulu Padang Besar Brunei
kiri kanan depan belakang
di keliling bangunan penladbiran
bahkan permulaan kiraan batu
juga di sini tengah-tengah pusat
bandar ibu negara.

Di sini nadi kemasyarakatan
bersatu wajah ceria kita
menyemai harapan
membina kerukunan
ketaatan
ikhlas
jujur.

Mematang
menghimpun khazanah
warisan amugerah
tidak patut dilupa
bermula semua di sini.

31 Mei 65 amugerah
panji-panji diraja juga di sini
Askar Melayu Brunei.

Setiap perbarisan hari keputeraan
15 Julai juga di sini
begitu jua perbarisan maahud
hari kebangsaan kemerdekaan
semua di sini.

4 Oktober 70 pertukaran
Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan
juga di sini.

1 Januari 84 pengisytiharan
kemerdekaan diberitakan juga di sini
tak perlu diperjelaskan
semua mengetahui
semua bermula di sini.

Sebuah nama yang indah
satu nama yang gagah
menyinar ke setiap penjuru
kejayaan
kegemilangan
persada dunia
berlabuh panjang
sampai bila-bila.

Sabda Putera, Brunei

JENDELA KOTAKU (Sempena Sambutan Kemerdekaan Brunei Darussalam Ke-19)

Sembilan belas lapan empat
dengan lafaz menuji kebesaran-Mu
ya Allah
terbukalah jendela kotaku
yang tertutup sepanjang abad
maksud burung-burung pun berterbangan
menghirup udara kebebasan
tiada lagi rantai yang membelenggunya
membelenggu akal fikir
dan jiwa hamba yang terpenjara
ke mana atau di mana pun berdirinya
miliknya harga diri
mulianya zat nurani.

Anugerah ini suatu nikmat
kurnia Allah kepada umat
yang arif erti kemerdekaan
bukannya slogan dan gema jeritan
bukannya bunga api dan mercon buatan
ia adalah milik rabbani
dengannya kita mengenal jati diri.

Dari saat terbuka jendela
kotaku melihat alam
lebarinya lautan luasnya daratan
bergunung-ganang berlurah lembah
dan malahnya bergemerlapan
indahannya cakerawala ciptaan
pastinya dari tangan Maha Perkasa
maka kita pun tunduk rela
melihat diri di cermin semesta.

Mengenal diri itulah merdeka
mengenal Allah itulah merdeka
Allahu Akbar!
Allahu Akbar!!
Allahu Akbar!!!

Lalu kita pun bergerak menyusun tapak
kita berlari mengejar waktu berlalu
dengan nafas terengah-engap
kita bangga kerana rupanya kita pun mara
berdiri sama tegak duduk sama bersila.

Melalui jendela kotaku
cahaya dari cahaya berpancaran
membawa salam murni persahabatan
dengan harum nafas cinta persaudaraan
Nusantara dan sejagat
menolak debu pencemar sekitar
tasik jernih selamanya jernih
di sini betapa orang salih
musafir dari manapun datanglah
menghirup udara yang merenguk airnya
pasti lazat dan bening mesra.

Kita punya segalanya
milik kita bumi subur tanaman
menyimpan khazanah mahal harganya
di perunya emas hitam samudera
yang memberi kita kekuatan hidup
memberi tenaga bersuara
memberi wajah kemilau warnanya
tanpanya siapakah mengenalmu
dan engkau pasti tersungkur
hanyut dibawa arus.

Meremungi demikian ucap syukur
kerana yang bersyukur bertambah makmur
yang bersyukur khusus tafakkur
amar makruf nahi munkar
jambatan bahagia dunigawi ukhrawi.

Dari jendela kotaku
menilai debu dan debu
dari jendela kotaku
sebuah rindu impian bangsaku.

Pg. Mohammad Abd. Rahman

NEGARAKU

Terbentang di antara dua samudera raya
alam makmur
buminya subur
rahmat melimpah ruah
sebuah anugerah dari Allah
menjunjung tinggi adat budaya
kaya budi bahasa
negaraku
berkonsepkan Melayu Islam Beraja
tanah airku Brunei Darussalam nan tercinta
mutiara teruntai di khatulistiwa.

Hutan menghijau paru-paru dunia
aneka flora fauna ragam nan tiada duanya
perut bumi mengandungi hasil pusaka
gas, minyak dan batubara
dasar laut bermutiara.

Keharuman negaraku melebar luas
dunia menerima
bendera negara berkibar sama
sebaris, sejajar
bersama negara jaya jua.

Kesetiaan
ketaatan rakyat tertumpah
pada ketua
pada pemimpin negara
pada agama dan
pada bangsa nan tercinta
tiada berbelah rasa
bertekad mempertahankan negara.

Kukuh dan tegak negaraku
di bawah seorang pemimpin
yang bijaksana
di bawah pemerintah
raja yang adil saksama lagi berdaulat.

Syanti Kasih

Dari muka 12

tidak kena dengan keluar-
ga majikannya. Mereka
seolah-olah kurang
senang padanya. Anak-
anak majikannya juga
seperti sudah tidak
menyukainya seperti
mula-mula dulu.
Sedangkan majikannya
sendiri lebih banyak
bermasam muka ketika
melihatnya.

Bi Inah menjadi bi-
ngung dan runsing. Bi
Inah cuba mencari-cari di
mana kesilapannya. Bi
Inah menilai kembali
kerja-kerja yang setiap
hari dilakukannya. Tapi
semuanya dirasakan tidak
ada yang cuai atau tidak
beres. Sehingga pada satu
hari Bi Inah terkejut besar
melihat pakaiannya ber-
taburan di dalam long-
kang belakang rumah.
Berlelehan air mata Bi
Inah mengutip pakaiannya
yang sudah berlumur
lumpur dan bau hapak
longkang. Bi Inah tidak
berani bertanya siapa
yang melakukan semua
itu. Bi Inah takut nanti dia
sendiri yang akan dituduh
membuat-buat cerita.

Hujung minggu seperti
biasa Bi Inah keluar
berjumpa dengan kawan-
kawannya di pantai.
Setelah mendengar cerita
Bi Inah macam-macam
pendapat yang diteri-
manya. Ada yang menyu-
ruh Bi Inah berhenti saja,
ada yang menyuruh
bertanya dulu dan ada
juga yang mengajak Bi
Inah lari saja! Bi Inah
bertambah bingung.

Malam itu selesai salat
Isyak, Bi Inah mem-
beranikan diri bertanya
pada Jojo, anak bongsu
kelurga itu.

"Bibi selalu dandan
dan bersolek seperti bin-
tang filem ketika keluar
rumah. Mama tidak suka.
Papa juga tidak suka.
Mama sama papa bilang
Bibi mengada-ngada
bergaya macam orang
muda yang tidak sedarkan
diri...." Jojo yang masih
kanak-kanak tentu tidak
berbohong, detak hati Bi
Inah.

Bi Inah diam. Bi Inah terus merenung
jauh kata-kata ibu majikannya tadi. Kini
Bi Inah sedar segalanya sudah harus
sampai ke penghujungnya. Matahari
yang cuba digapainya sudah tergelincir
di ufuk barat. Bi Inah harus akur pada
hukum alam, bahawa dia dilahirkan
di dunia ini hanya sebagai orang
gaji tidak lebih dari itu!!

Bi Inah betul-betul
terkejut dengan penjelasan
Jojo. Sama sekali Bi Inah
tidak menduga bahawa
perkara-perkara yang
dianggap biasa dan wajar
begitu rupanya telah me-
ngundang keburukan pada
dirinya.

Kini Bi Inah semakin
bingung. Pada setiap tem-
pat dia bekerja ada saja
yang tidak betul, ada saja
yang serba salah.
Bukankah dia berhak
berdandan dan bersolek?
Bukankah kerja-kerjanya
di rumah itu semua baik
dan sempurna? Kenapa
soal dirinya yang suka
berdandan turut menjadi
persoalan pada majikan-
nya?

Rupa-rupanya perta-
nyaan Bi Inah pada Jojo
tidak tamat di situ saja.
Jojo telah menceritakan hal
itu kepada mamanya.

"Kamu orang gaji, Bi
Inah! Jika kamu sering
keluar dengan pakaian dan
dandan dan berpakaian
cantik-cantik seperti itu,
saya dan keluarga akan
mendapat malu.
Masyarakat sekeliling akan
menganggap kamu serong
atau perempuan yang tidak
baik."

"Tapi saya tidak
melakukan apa-apa keja-
hatan di luar, bu. Lagi pun
memang dari dulu saya
suka dandan dan
berpakaian cantik-cantik
seperti itu. Saya bahagia
ketika ada kawan-kawan
saya yang mengatakan
saya masih caintik. Tapi
kini saya merasa amat
kecewa, kerana ternyata
ibu dan keluarga tidak te-
nang melihat saya dengan
kebahagiaan saya."

"Itu pendapat peribadi

kamu yang cetek!! Tapi
bagaimana dengan panda-
ngan umum? Kamu pernah
terfikir tentang itu?
Sebagai orang gaji di sini,
kamu seharusnya tahu
menjaga nama dengan
bersopan santun. Kalau
kamu disangka berbuat
perkara-perkara buruk,
keluarga ibu juga ikut
malu. Ibu harap kamu
faham dan mahu berubah
dari sekarang!"

Bi Inah diam. Bi Inah
terus merenung jauh kata-
kata ibu majikannya tadi.
Kini Bi Inah sedar
segalanya sudah harus
sampai ke penghujungnya.
Matahari yang cuba digapainya sudah tergelincir di
ufuk barat. Bi Inah harus
akur pada hukum alam,
bahawa dia dilahirkan di
dunia ini hanya sebagai
orang gaji tidak lebih
dari itu!!





سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تيليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

R A B U 19 FEB	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.15	ANIMATION - 'Space Goofs'	MALAM		Menyimpul Harapan'	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	5.00	Juara	7.00	LIPUTAN SEMASA	9.25	MERENTAS KENANGAN
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.35	FILLER	7.20	SKOP - Siri Baru	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.44	AZAN ISYAK	10.30	COSBY SHOW SR 2- 'Older And Out'
			4.02	MUTIARA FIRMAN	6.00	CAFE DIGITAL	8.00	BERITA NASIONAL		
	9.00	BERITA	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.34	AZAN MAGHRIB	8.50	DRAMA CO	11.00	BEYOND CHANCES
					6.45	SIRAH NABAWIYAH		PRODUCTION	11.50	DOA DAN SIARAN TAMAT

K H A M I S 20 FEB	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.10	SUSUNAN RANCANGAN		TAKBIR MUQAIYAT	8.00	BERITA NASIONAL	
				4.15	ANIMATION HOUR:	6.45	FIQHUL MIRATS	8.50	AN-NUUR - Siaran Langsung	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT						
							MALAM	10.00	NEWS AT 10	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.00	ON THE BALL		11.00	DRAMA - 'Melarik Kasih'	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung			5.30	THE ULTIMATE GUIDE	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	11.30	WAYANG PILIHAN - 'Swept From The Sea'
			4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.25	WARTA ISLAM		
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.34	AZAN MAGHRIB	7.44	AZAN ISYAK	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

J U M A A T 21 FEB	PAGI	11.15	HERBA	2.30	DINAMIK - Siaran	SONTORIAN	7.20	GAYA		
		11.30	BERITA		Langsung	5.15	TOMORROW'S WORLD	7.44	AZAN ISYAK	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.40	AUSTRALIA'S WILD	3.00	TAYANGAN GAMBAR	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL
		KEBANGSAAN		SECRETS		- 'Bruce Lee, We Miss	6.00	SYIAR MASJID - 'Masjid	9.00	FIKIR-FIKIR
	6.02	MUTIARA FIRMAN	12.15	DISCOVER ISLAM		You'		Kampung Limau Manis'		
	6.12	RAMPAI PAGI -	12.30	SEMBAHYANG FARDU	3.54	AZAN ASAR	6.34	AZAN MAGHRIB	9.30	MEDICAL DIARY-
		Siaran Langsung		JUMAAT- Siaran Langsung	4.01	TAYANGAN GAMBAR	6.45	AN NAZHAFAH	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA				- Sambungan			10.40	KHUTBAH JUMAAT
	9.15	RAMPAI PAGI -	PETANG		4.30	ANIMATION HOUR :	MALAM		10.55	TELEDRAMA
		Sambungan				VOLTRON : DEFENDER				
10.00	SUSUNAN RANCANGAN	1.30	VISI SUCI		OF THE UNIVERSE/USOP	7.00	LIPUTAN SEMASA	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT	
10.15	SESAME STREET	2.00	SUKAN ANTARABANGSA							

S A B T U 22 FEB	PAGI	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	'Pelancongan Ecology'		3.54	AZAN ASAR	KEBANGSAAN NEGARA	
		10.10	ANIMATION HOUR: SAGWA : 'The Chinese Siamese Cat/Street Sharks'	PETANG		4.15	BEYOND 2000	BRUNEI DARUSSALAM KALI KE-19	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN		1.00	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Pure Luck'	4.45	ANIMATION HOUR : DOU- BLE DRAGON	MALAM	
	6.02	MUTIARA FIRMAN		2.30	KAMPUNG KITA	5.45	MY BEST FRIEND IS AN ALIEN	8.15	BERITA NASIONAL
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.00	3.00	SPORT PAGE	5.55	FILLER	9.15	DOKUMENTARI HARI KEBANGSAAN
			11.30	3.30	GENE RODDEN BERRY'S ANDROMEDA - 'Force Perspective'	6.15	MAJLIS KESYUKURAN SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI	10.00	NEWS AT 10
			12.10					10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'The Dead Zone'
			12.36					12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT
			12.40						


A H A D 23 FEB	PAGI		KEBANGSAAN - Siaran		PETANG		5.45	BERITA	7.44	AZAN ISYAK
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	Langsung	1.00	TELETON HARI	6.00	SCIENCE INSIGHT	8.00	BERITA NASIONAL
		KEBANGSAAN		SUSUNAN			6.34	AZAN MAGHRIB	8.50	SIMFONI MERDEKA
	6.02	MUTIARA FIRMAN		RANCANGAN			6.45	AT TIBBUL ISLAM	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI -		TAMAN ABC					10.30	TIRAI KELUARGA -
	Siaran Langsung		11.15	3.53	AZAN ASAR	MALAM			'Pakis'	
	SAMBUTAN HARI		11.30	5.00	JUARA					
			11.40	5.35	SALAM NUSANTARA	7.00	DOKURIMA	11.50	DOA DAN SIARAN TAMAT	
			12.35							

I S N I N 24 FEB	PAGI	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG		THE STREET/BOB		7.25	SAJIAN ORIENTAL
		10.15	REAL LIFE ADVENTURES OF PROFESSOR THOMP SON	1.30	DOKUMENTARI HARI KEBANGSAAN - Ulangan	5.15	MORANE	7.44	AZAN ISYAK
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN		2.00	SIMFONI MERDEKA - Ulangan	5.45	SUKAN GLOBAL	8.00	BERITA NASIONAL
	6.02	MUTIARA FIRMAN	10.45	3.00	TAYANGAN GAMBAR ARAB - 'Gate To Mercy'	6.00	AFRICA FROM THE GROUND UP	8.50	DRAMA - 'Musim Cinta Kembali Berbunga'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.45	4.15	ANIMATION HOUR : CARTOUCHE PRINCE OF	6.34	AZAN MAGHRIB	9.25	RITMA
						6.45	BIMBINGAN KELUARGA	10.00	NEWS AT 10
						MALAM		10.30	COURAGE
								11.00	BIZARRE
								11.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

S E L A S A 25 FEB	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI -	4.10	SUSUNAN	Ulangan	7.44	AZAN ISYAK		
			Sambungan		RANCANGAN	6.34	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	SIARAN TAMAT	4.15	ANIMATION HOUR -	6.45	BIMBINGAN MUKMIN	8.50	KAMPUNG KITA
		KEBANGSAAN			'Totally Spies'			9.25	CERMIN	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG	5.00	WILD DISCOVERY -	MALAM		10.00	NEWS AT 10	
	6.12	RAMPAI PAGI -			'Future Sharks'	7.00	DRAMA SAYEMBARA	10.30	E.R. - 'How The Price Stole	
		Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.30	DOKUMENTARI -	11.30	LADY COP
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.05	DRAMA - 'Pintu' -	'Islam Di Brunei'	12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT	

Dari muka 2

2. ISTILAH SEPERADIAN KUYUK/ SEPERADIAN ASU



Rajah di atas memperlihatkan bagaimana hubungan 'seperadian kuyuk' wujud. Istilah ini digunakan oleh masyarakat Brunei dan Kedayan. Masyarakat Dusun pula menggunakan istilah 'seperadian asu'. Untuk jelasnya, Hanim dan Ramli merupakan adik-beradik seibu berlainan bapa. Hasil perkahwinan Jamilah dengan suaminya pertama iaitu Roslan maka mereka telah menghasilkan anak iaitu Hanim. Apabila terjadi perceraian atau kematian, Jamilah telah berkahwin untuk kali kedua bersama Bakar. Hasil perkahwinannya ini melahirkan Ramli. Maka hubungan antara Hanim dan Ramli adalah adik-beradik tetapi mempunyai bin dan binti yang berlainan. dalam istilah bahasa Inggeris ianya dikenali sebagai 'half-sibling'.

3. ISTILAH ANAK ASUH/ANAK ITIK

Istilah ini memperlihatkan situasi di mana anak yang dipelihara bukan anak kandung sendiri. Ini mungkin terjadi kerana adanya sesetengah pasangan yang belum mempunyai anak, mengambil keputusan untuk memelihara dan mengasuh anak daripada pasangan lain. Di dalam masyarakat Brunei, hal seperti ini terjadi dengan mengambil anak asuh yang masih lagi mempunyai hubungan darah antara keluarga. Contohnya, anak yang diasuh daripada anak adik-beradik sendiri. Menurut kepercayaan bahawa anak yang diasuh tadi akan membawa tuah kepada pasangan keluarga yang belum mempunyai anak.

Dalam erti kata lain adalah dipercayai bahawa dengan mengasuh maka peluang untuk mendapatkan anak akan lebih baik lagi. Dalam hubungan sehaluan selalunya anak yang diasuh tersebut dijaga sama seperti anak mereka sendiri. Ini selalunya dilakukan dengan persetujuan antara keluarga yang terlibat. Untuk tujuan menunjukkan bahawa anak tersebut anak asuh melalui percakapan, mereka mempunyai beberapa cara untuk menyuarakannya. Contohnya :

"Salamah atu anak asuh Jamil sama si Piah bah tu. Ia atu banarnya anak adi si Jamil."

Dalam hal ini selalunya percakapan yang dilakukan bukan di hadapan anak yang diasuh tadi. Ianya lebih merupakan keterangan antara dua pihak untuk menjelaskan kedudukan sebenar anak tersebut di dalam keluarga Jamil dan Piah. Akan tetapi jika yang menerangkan ini adalah Jamil atau Piah maka ianya akan lebih kurang berbunyi seperti ini :

"Salamah atu anak itikku tu, ia atu banarnya anak iparku/adikku".

Ini mungkin terjadi untuk tidak melakukan hati anak tadi. Akan tetapi hal seperti ini merupakan sesuatu hal urusan yang diketahui oleh keluarga terdekat sahaja. Maka untuk mengelakkan terjadinya masalah terutama bagi anak asuh perempuan yang ingin bernikah selalunya hal ini akan diketahui secara perlahan-lahan untuk mengelakkan 'salah hati' dan juga masalah wali bagi anak tadi. Kerana dahulunya anak yang diasuh ini berbincang kepada orang yang mengasuhnya.

4. ISTILAH ANAK AKUN

Istilah anak akun berbeza dengan anak asuh. Anak akun lebih merupakan anak yang diakun oleh sepasang suami isteri lain atas sebab kepercayaan yang tertentu. Yang lazimnya ialah kerana anak yang diakun itu mempunyai penyakit seperti kuat menangis dan selalu demam terutama anak kecil. Mengikut petuannya jika anak ini diakun oleh orang lain sebagai anaknya maka penyakitnya itu akan berkurangan. Bezanya 'anak akun' dengan 'anak asuh' ialah anak akun tidak tinggal bersama dengan keluarga yang mengasuhnya sebagai anak tadi berbanding dengan anak asuh yang tinggal dan dijaga oleh pasangan yang mengasuhnya tadi.

5. ISTILAH ANAK ANGKAT

Istilah ini lebih berupa istilah yang baru kerana ianya merupakan satu proses mengambil anak yang diasuh dengan mengikut peraturan undang-undang. Anak yang diasuh tadi didaftarkan di mahkamah secara berdaftar dengan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditentukan. Tetapi sebenarnya anak angkat dan anak asuh merupakan satu istilah yang hampir sama cuma bezanya anak asuh akan diambil melalui perundingan keluarga secara perundingan 'dalam' keluarga yang terlibat sahaja. Anak angkat pula merupakan satu cara mengangkat anak yang kadang-kadang melibatkan dua buah keluarga yang tidak mempunyai pertalian darah. Ianya dibuat melalui proses mahkamah secara sah kerana kekhawatiran anak tersebut akan diambil balik oleh ibu bapa kandungnya. Selalunya proses ini memerlukan satu perjanjian tertentu untuk memberikan hak sepenuhnya kepada keluarga angkat ini untuk mendapat hak penuh penjagaan anak tersebut.


6. ISTILAH ANAK SESUSUAN

Anak sesusuan pula ialah anak yang disusukan oleh ibu selain daripada ibu kandungnya semasa

kecil. Sesusuan di sini bererti 'susu ibu' secara semula jadi bukan menggunakan susu formula atau susu tin. Maka anak yang menyusu kepada ibu selain daripada ibu kandungnya itu akan dianggap adik-beradik dengan anak perempuan yang menyusukannya.

7. ISTILAH BIRAS

Istilah biras ialah untuk menggambarkan kedudukan seperti di bawah ini



Melalui rajah di atas B berkahwin dengan C, maka C merupakan adik ipar kepada A. A pula berkahwin dengan F, maka C dan F merupakan biras. Melalui rajah di atas biras merupakan isteri atau suami kepada ipar.

8. ISTILAH ANAK BUAH


Anak buah digunakan untuk memperlihatkan kedudukan anak kepada adik-beradik kandung atau sepupu. Dalam bahasa Melayu ianya dikenali sebagai anak saudara. Rajah di bawah ini memperlihatkan bagaimana hubungan ini terjadi :



Melalui rajah di atas, Azim, Afiah, Mirul dan Faiz merupakan anak buah kepada Ego. Begitu juga kepada pasangan Siti dan Halim, Mirul dan Faiz merupakan anak buah kepada mereka dan begitu jugalah sebaliknya.

9. ISTILAH GANTI TIKAR/GANTI KAIN

Istilah 'ganti tikar' digunakan oleh masyarakat Brunei dan 'ganti kain' pula digunakan oleh masyarakat Kedayan. Istilah ini menggambarkan keadaan perkahwinan kali kedua akan tetapi isteri atau suami yang kedua ini merupakan adik kandung kepada bekas suami atau bekas isteri pertama. Ianya terjadi selepas perceraian atau kematian.



Siti dan Salmah merupakan adik-beradik. Salmah telah berkahwin dengan Abu. Apabila terjadi perceraian atau kematian maka Abu mengambil Siti sebagai isteri dalam perkahwinannya yang kedua. Keadaan inilah yang dikatakan sebagai 'ganti tikar' atau 'ganti kain'. Keadaan ini juga boleh terjadi sebaliknya iaitu apabila isteri saudara lelaki diambil oleh saudara lelaki kepada suami setelah perceraian atau kematian.

KESIMPULAN

Dalam masyarakat Brunei, sistem persanakan mempunyai fungsi sebagai penentu kepada perhubungan pertalian persaudaraan. Ianya juga memperlihatkan sikap hormat golongan muda kepada golongan tua. Ini terbukti dengan masih wujudnya sistem panggilan seperti Tua, Tangah dan Bungsu yang digunakan. Walaupun tidak dinafikan terdapatnya beberapa perubahan mengikut pengaruh masa. Panggilan seperti Tua, Tangah atau Bungsu diganti pula dengan panggilan 'Uncle' atau 'Auntie'. Akan tetapi fungsi mereka masih sama iaitu menjadi contoh kepada generasi yang lebih muda daripada mereka. Mereka juga merupakan tempat mengadu segala permasalahan dan tempat untuk meminta nasihat terutama sekali selepas ketiadaan ibu atau bapa kandung.

Golongan tua seperti nini atau datu, juga merupakan orang yang penting dalam masyarakat di Brunei. Masih lagi wujud sikap menghormati golongan seperti ini dan merekalah yang selalunya akan menjalankan urusan-urusan yang lebih berbentuk adat dan budaya seperti perkahwinan atau pertunangan. Mereka akan mengekalkan kepercayaan lama yang dianggap tidak melanggar peraturan agama. Golongan ini merupakan golongan yang sangat digalati di dalam keluarga. Apa pun keadaannya, hubungan masyarakat Melayu di Brunei masih lagi mempertahankan sikap menghormati orang tua dalam keluarga sambil menerapkan pengajaran Islam dalam kehidupan mereka seharian.

Demikianlah secara ringkas sistem persanakan serta panggilan yang masih lagi wujud di Brunei. Walaupun penulisan ini tidak menyeluruh kepada semua puak yang terdapat di negara ini tetapi ianya dapat sedikit sebanyak membuktikan wujud hubungan pertalian saudara yang masih rapat di kalangan masyarakat khususnya di Negara Brunei Darussalam.

RUJUKAN

Abdullah Taib, 1985. Asas-asas Antropologi. Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur.
Mohd. Taib Osman (Edt) 1989. Masyarakat Melayu : Struktur, Organisasi dan Manifestasi. Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

- Siapakah yang ditemui Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhia Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, semasa baginda berangkat ke Rumah Putih di Washington D.C.?
- Siapakah merasmikan sambutan Jubli Emas Kampong Bunut Perindahan dan Klinik Kesihatan kampung itu?
- Apakah tajuk Seruan Suci edisi Aneka PELITA BRUNEI keluaran 4 Disember 2002?

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan Alai Pintar keluaran 29 Januari 2003.
- B. 2. C. 3. Memperluas Faedah Kerjasama Untuk Pertumbuhan dan Pembangunan Ekonomi Melaksanakan Wawasan.

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 569

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 569,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

TIADA PEMENANG ALAI PINTAR KELUARAN 29 JANUARI 2003

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN



Mangsa kebakaran terima sumbangan dari MUIB

Oleh Haji Ahmad HS

BERAKAS, 10 Februari. - Empat orang ketua keluarga yang ditimpa bencana dan kebakaran baru-baru ini menerima wang bantuan serta-merta melalui Kumpulan Wang Zakat daripada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) yang berlangsung di Pejabat MUIB, Kementerian Hal Ehwal Ugama di sini.

Pemangku Setiausaha MUIB, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Sapar menyampaikan Majlis Penyampaian Wang Bantuan.

Terdahulu dari itu, Pemangku Setiausaha MUIB berucap yang antara lain berkata, bantuan wang yang disampaikan itu adalah hasil Kumpulan Wang Zakat dengan tujuan untuk meringankan beban yang ditanggung oleh para mangsa bencana dan kebakaran yang berlaku baru-baru ini.

Majlis Ugama Islam Brunei, katanya merupakan sebuah jabatan di negara ini yang sama-sama bertanggungjawab dan mengambil berat mengenai masalah-masalah yang menimpa ke atas mangsa bencana dan kebakaran orang-orang Islam, tambahan lagi mereka itu tergolong dalam golongan fakir miskin.

Ketua keluarga yang menerima bantuan itu ialah Awang Ahad bin Haji Taha berserta empat tanggungan dari Kampong Setia Pahlawan yang terlibat dalam bencana alam (angin kencang) menerima wang bantuan sejumlah \$1,000.00, di samping diberikan bantuan memperbaiki rumah.

Awang Ghafar bin Tusin bersama sebuah keluarga seramai 13 orang terlibat dalam kebakaran di Kampong Subok. Beliau menerima sumbangan wang sebanyak \$2,600.00 berserta bantuan keperluan persekolahan anak-anak.

Manakala Dayang Bunga binti Matussin bersama sebuah keluarga seramai enam orang yang juga terlibat dalam kebakaran baru-baru ini di Kampong Subok, menerima sejumlah \$1,200.00, di samping bantuan keperluan persekolahan anak-anak dan Dayang Damit binti Timbang bersama empat keluarga seramai 22 orang yang terlibat dalam kebakaran Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) di Kampong Lambak Kiri. Beliau menerima bantuan wang sebanyak \$4,400.00 di samping bantuan keperluan persekolahan anak-anak.

Menurut siaran akhbar, Majlis Ugama Islam Brunei sentiasa berusaha memberikan bantuan serta-merta melalui agihan Kumpulan Wang Zakat kepada yang berhak menerimanya termasuk mangsa bencana alam dan kebakaran.



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Wahab menyampaikan wang bantuan kepada seorang mangsa kebakaran. - Gambar oleh Masri Osman.

Anggota Maktab Pertahanan Kebangsaan Thailand lawat ABDB

BERAKAS GARISON, 7 Januari. - Serombongan 113 orang anggota dari Maktab Pertahanan Kebangsaan Thailand yang diketuai Leftenan Jeneral Kasemsak Ploksawat telah tiba ke negara ini bagi lawatan sambil belajar.

Sejurus tiba di negara ini, para pelawat itu diraikan dalam Majlis Resepsi Makan Malam di Mes Pegawai yang diberikan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar bin Haji Abdul Aziz.

Oleh
Abdullah Asgar

Dalam ucapan ringkas di majlis itu, Yang Dimuliakan berharap, lawatan seumpama itu akan dapat mengeratkan lagi hubungan dua hala yang sedia ada di antara ABDB dengan Angkatan Bersenjata Diraja Thailand.

Hadir sama di majlis itu termasuklah Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Pengarah-pengarah dan Pegawai-pegawai Kanan ABDB.

Semasa dalam rangka lawatan sehari itu juga,

para rombongan telah mendengar sesi taklimat mengenai Kementerian Pertahanan dan ABDB di Dewan Pahlawan, Berakas.

Selain dari itu, mereka juga berkesempatan mengadakan lawatan ke Bili-lionth Barrel Monument dan Oil and Gas Discovery Centre di Seria dan Bangunan Alat Kebesaran Diraja di Bandar Seri Begawan.

Selepas mengunjungi Negara Brunei Darussalam, rombongan Maktab Pertahanan Kebangsaan Thailand itu kemudian meneruskan lawatan sambil belajar ke Republik Singapura.

PERADUAN MENCIPTA LOGO & SLOGAN

Untuk :

BIT Council

MAJLIS TEKNOLOGI MAKLUMAT KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Borang penyertaan boleh didapati dari Sekretariat Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan di tingkat bawah, Bangunan Kementerian Perhubungan Atau melalui laman web: www.bit.gov.bn

Hadiah Hadiah Menarik untuk dimenangi

REKABENTUK LOGO

B\$1,500—Pemenang Pertama

B\$500—Pemenang Kedua

SLOGAN

B\$750—Pemenang Pertama

B\$250—Pemenang Kedua

TARIKH TUTUP : 24hb Mac 2003

Sila hantar penyertaan ke alamat :

Sekretariat Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan
Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Perhubungan
Jalan Menteri Besar BB3910
Negara Brunei Darussalam
(Peraduan Mencipta Logo & Slogan,
Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan)

اخبار



BILANGAN 8

RABU 19 FEBRUARI 2003

17 ذوالحجه 1423

PERCUMA



JABATAN TELEKOM BRUNEI KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

No. Projek : JTB/DD/DCN/01/2003

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "THE SUPPLY AND DELIVERY OF DATACOM TEST EQUIPMENTS".
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, bertulis dengan : "TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY OF DATACOM TEST EQUIPMENT". Rujukan Tawaran : JTB/DD/DCN/01/2003 tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin, 3 Mac 2003.

No. Projek : JTB/DD/DCN/02/2003

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "TENDER FOR TELEX EDX ONSITE REPAIR AND YEARLY MAINTENANCE".
Kedua buah universiti mengadakan perundingan pada dasarnya dan bersetuju mengadakan memorandum persefahaman (MoU) dan perjanjian bahawa para pelajar yang telah memenuhi syarat layak untuk meneruskan pengajian akan dipindah ke universiti berkenaan.

Semua kurikulum atau sukatan pelajaran yang mereka ikuti semasa di UBD pada dua tahun pertama, diiktiraf oleh universiti yang menerima pelajar berkenaan. Mereka akan mengikuti pengajian seterusnya di universiti berkenaan selama antara setahun setengah ke dua tahun bergantung kepada persetujuan di antara kedua buah universiti. Ijazah pula akan dianugerahkan oleh universiti berkenaan.

Menurut Dr. Haji Ismail, program ini yang merupakan program profesional seperti Kejuruteraan (Engineering), Sains Komputer (Computer Science), Perakaunan (Accounting) dan bidang berkaitan bioperubatan diwujudkan bagi menawarkan program yang lebih luas kepada para pelajar tempatan UBD selaras



tapkan iaitu diiktiraf agar mereka yang mengikuti program ini akan mempunyai kemampuan, kebolehan dan kemahiran yang diharapkan.

Menyentuh faedah dari Program Berkembar ini, menurut Dr. Haji Ismail, di samping menjadi insentif kepada para pelajar untuk meneruskan pengajian di luar negeri, ia juga merupakan kejayaan bagi UBD kerana mendapat pengiktirafan dari universiti luar negeri bahawa UBD mampu membuat program yang dipersejutui iaitu program dua tahun pertama di negara ini sebelum mereka meneruskan pengajian sehingga berjaya di universiti yang mempunyai program yang sama.

Selain itu, program ini juga mendedahkan para pelajar kita kepada suasana pembelajaran di luar negeri, bersaing dengan pelbagai pelajar dari negara berkenaan yang bukan sahaja dari negara tempatan tetapi juga dari negara-negara luar.

"Ini merupakan pendedahan yang amat berguna untuk kita melahirkan pakar atau ahli akademik yang dapat dibanggakan apabila mereka berada di luar negara. Bahkan setakat ini sudah terbukti bahawa mereka yang mengikuti program ini telah pulang dan menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan negara," ujar Dr. Haji Ismail.

Sebagai seorang ahli akademik yang telah lama berkhidmat di universiti itu sejak ia ditubuhkan dan kini diamanahkan pula memimpin dan menentukan hala tuju universiti itu, Dr. Haji Ismail melihat bahawa kita sedang menuju suatu era di mana ilmu merupakan keperluan penting dalam pembangunan negara.

Sehubungan itu, beliau menegaskan, dalam mem-



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman.

persiapkan graduan universiti itu menghadapi masyarakat dan menatal kewajipan di sektor kerajaan dan swasta, mereka dibimbing melalui pelbagai program sahiah dan ketrampilan diri.

Program-program yang menjurus kepada teknologi maklumat (IT) diberi tumpuan, fakulti pendidikan, umpamanya dipertingkatkan makmalnya, begitu juga Fakulti Perdagangan, Ekonomi dan Dasar akan memperkenalkan program minor dalam aplikasi di bidang maklumat perniagaan (Business Information). Selain itu Pusat Infokomunikasi Teknologi juga telah ditingkatkan tarafnya sebagai sebuah pusat.

Di samping itu, beliau juga melihat bahawa bahasa juga merupakan suatu bidang penting ketika ini. Pusat Bahasa sudah mula menawarkan beberapa bahasa yang difikirkan perlu untuk perkembangan, bukan sahaja ilmu tetapi juga dari segi penggunaan dalam sektor perniagaan dan perdagangan. Bahasa itu termasuk bahasa negara-negara ASEAN, bahasa Perancis, Jepun dan Jerman. Kursus-kursus bahasa ini bukan sahaja untuk para pelajar UBD malah kini dibukakan kepada masyarakat di luar kampus dengan kadar bayaran yang ditetapkan.

"Semua ini difikirkan selain untuk mereka yang berminat untuk meningkatkan ketrampilan dengan menambah bahasa kefahaman mereka, ia juga untuk kepentingan masyarakat akan

datang kerana kita sudah berada dalam era globalisasi di mana bahasa merupakan salah satu alat yang difikirkan penting dalam meja perundingan dan dalam mengenali pasti pasaran-pasaran mereka. Jadi kita ingin para pelajar universiti ini khususnya boleh menguasai bahasa lain selain daripada bahasa yang digunakan di universiti ini seperti bahasa Inggeris, bahasa Arab dan bahasa Melayu," tegas Dr. Haji Ismail.

Di samping pelbagai perkembangan itu, pihak universiti juga telah mewujudkan pelbagai program untuk membantu masyarakat seperti Program Konsultasi yang bertujuan membantu golongan yang ingin memasuki bidang keusahawanan.

Selain itu, unit yang dikenali sebagai Continuing Education Unit diwujudkan di beberapa fakulti untuk memberi kesempatan bagi golongan yang tidak berpeluang mengikuti pengajian di siang hari. Mereka boleh mengikuti program berkenaan di sebelah malam atau semasa percutian dengan dikenakan bayaran.

UBD juga sudah menawarkan program Diploma in Primary Education secara sepenuh masa kepada guru-guru yang tidak berkelayakan tetapi mempunyai pengalaman.

"Begitu juga program-program dan kursus kemahiran yang lain, kita bukannya kepada mereka yang berminat dan ingin menjadikan universiti untuk membantu masyarakat yang tidak ada kesempatan tapi berkeinginan. Ini juga merupakan antara sumbangan universiti dalam cuba memberikan kemudahan, bantuan kepada masyarakat yang inginkan ilmu pengetahuan dan mempertingkatkan kelayakan atau kemahiran melalui prosedur-prosedur yang telah dipersetujui oleh jawatankuasa atau pihak UBD," jelas Dr. Haji Ismail.

Tegasnya, UBD sebagai sebuah institusi pengajian tinggi bukan sahaja berperanan melahirkan graduan yang berkemahiran dan berketrampilan melalui pelbagai program pengajian dan kegiatan di dalam dan di luar negara tetapi juga menyumbangkan tenaga dan membukakan peluang kepada masyarakat di luar kampus untuk menimba ilmu dan menggunakan kepakaran dan kemudahannya demi kemajuan bangsa dan negara selaras dengan moto UBD, 'Ke Arah Kesempurnaan Insan'.

OLEH
ABD. KARIM HAJI ABU BAKAR

dengan keperluan Negara Brunei Darussalam. Program-program ini tidak mudah diwujudkan di samping menelan belanja yang besar.

Program-program itu pula biasanya ditawarkan oleh universiti-universiti yang sudah terkenal umpamanya di United Kingdom dan Australia, tegasnya diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Faktor yang mendorong kita melaksanakan program berkenaan ialah pengiktirafan, cost effectiveness dan membolehkan sumber tenaga manusia kita dilaksanakan secara mudah dan cepat. Mereka diiktiraf sebagai pelajar yang layak dan boleh mencari pekerjaan bukan saja di Negara Brunei Darussalam," jelas Dr. Haji Ismail.

Program Berkembar UBD bermula sejak tahun akademik 1990/1991 dengan beberapa institusi di United Kingdom iaitu Bachelor of Engineering (Electronics & Electrical Engineering) di University of Glasgow, Scotland dan Bachelor of Science (Computer Science) di University of Strathclyde, Scotland.

Manakala dalam tahun akademik 1997/1998, kumpulan pertama pelajar (pengambilan 1995/96) yang mengikuti program Bachelor of Business Administration (BBA) tahun kedua telah dipilih mengikuti Bachelors Degree in Accounting & Financial Management di University of Sheffield, England.

Program itu kemudian dikembangkan dalam bidang Sains Bioperubatan (Biomedical Science) di University of Queensland (UQ), Australia yang mengambil masa enam semester (tiga semester di UBD, tiga semester di UQ) sebelum dibenarkan mengikuti program kedoktoran (MBS).

Di samping itu, UBD juga mewujudkan program ala berkembar dalam bidang perakaunan dan kewangan dengan University of Northern Territory, Australia.

Menurut Dr. Haji Ismail, UBD juga sedang mengadakan perundingan dengan beberapa universiti di Australia dalam bidang teknologi maklumat (IT) dan universiti-universiti di Kanada dalam bidang bioteknologi.

amat membanggakan. Contohnya, dalam keputusan akhir bagi para pelajar Negara Brunei Darussalam pengambilan 2000 di University of Glasgow dalam program Bachelor of Engineering (Electronics & Electrical Engineering), dua orang dianugerahkan Kelas Pertama; dua orang memperoleh Kelas Kedua Atas dan lima orang mendapat Kelas Kedua Bawah.

Graduan-graduan sebelum ini pun banyak telah meraih kejayaan dan diambil bertugas dalam pelbagai agensi kerajaan dan sektor swasta seperti Jabatan Telekom Brunei (JTB), Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB), Jabatan Penerbangan Awam, DST Communications Sendirian Berhad, bank-bank tempatan dan institusi pengajian tinggi termasuk UBD, Institut Teknologi Brunei (ITB) sama ada sebagai jurutera, pensyarah, pegawai pelajaran dan jawatan yang berkaitan.

Pencapaian ini, jelas, Dr. Haji Ismail, menunjukkan bahawa kita telah mencapai objektif untuk melahirkan sumber tenaga manusia yang berkemahiran melalui program berkenaan.

Justeru itu, peluang sedemikian akan terus ditawarkan kepada para pelajar yang berkelayakan untuk didedahkan ke universiti-universiti yang memenuhi syarat dan kriteria yang dite-



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman semasa menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi kajian praperubatan dengan University of Calgary, Kanada yang diwakili oleh Dekan Fakulti Perubatan universiti berkenaan, Dr. Grant Gail.

INSTITUSI pendidikan bukan kerajaan atau swasta bukan sahaja berperanan dalam sama-sama memenuhi keperluan pendidikan kepada rakyat dan penduduk negara ini, malah menyumbang ke arah pembangunan bangsa dan negara. Selain dari itu ia juga turut mendukung Dasar Pendidikan Kebangsaan dalam memberikan ilmu pengetahuan kepada masyarakat dan menyebarkan pelbagai jurusan ilmu untuk memenuhi kehendak semasa dan akan datang.

Bertambahnya bilangan penduduk sesebuah negara dan pesatnya cabang ilmu pengetahuan ketika ini maka peranan institusi pendidikan bukan kerajaan atau swasta semakin ketara dan diperlukan oleh masyarakat. Kewujudan institusi-institusi pendidikan tersebut telah sama-sama dapat membantu institusi pendidikan kerajaan dan masyarakat yang memerlukan.

Di mana-mana pun ketika ini masyarakat cukup mengenali dan terbiasa dengan sekolah-sekolah atau pusat-pusat pengajian bukan kerajaan berbanding beberapa dekad yang lampau. Ketika ini sudah banyak sekolah-sekolah dan pusat-pusat pendidikan bukan kerajaan yang ditubuhkan di seluruh negara dan mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai.

Kalau dahulu orang hanya biasa mengenali sekolah-sekolah bukan kerajaan seperti Sekolah Chung Hwa, Sekolah St Andrew's, St George's, St James dan beberapa buah sekolah pendidikan akademik biasa yang lain. Sekitar tahun 70-an Persatuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) telah menubuhkan Sekolah PGGMB diikuti penubuhan Sekolah Tunas Jaya PGGMB di beberapa buah kawasan pada tahun-tahun berikutnya.

Kini semakin banyak institusi pendidikan bukan kerajaan telah ditubuhkan. Sekolah Nusa Laila Puteri, PDS, Bakti Dewa, Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Antarabangsa, Jerudong International School (JIS), Sun Shine, Jigsaw, Sekolah Sinaran Mas, Sekolah Rendah Mustaqim merupakan sebahagian daripadanya.

Tidak ketinggalan ialah penubuhan pusat-pusat pendidikan bukan kerajaan yang berteraskan pendidikan agama seperti Iqra, Al Falaah termasuklah kelas-kelas mengajar Muqadim dan Al-Quran. Juga tumbuh seperti cendawan ialah penubuhan taman-taman asuhan kanak-kanak antaranya Taman Asuhan Pertiwi, Stella's Nursery School dan banyak lagi.

Untuk memenuhi perkembangan teknologi dan kepelbagaian jurusan ilmu pula pengusaha-pengusaha pendidikan swasta juga telah menubuhkan kelas komputer, muzik, masakan, jahitan dan kemahiran-kemahiran yang lain.

KEMAJUAN PESAT

Untuk melihat secara lebih dekat mengenai kedudukan dan perkembangan sekolah-sekolah bukan kerajaan, wakil PELITA BRUNEI baru-baru ini sempat meninjau pandangan Awang Mohd. Yusof bin Haji Omar dari Bahagian Sekolah-Sekolah Bukan Kerajaan, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Menurut Awang Mohd. Yusof, sumbangan sekolah dan institusi pengajian tinggi bukan kerajaan terhadap kemajuan pendidikan di negara ini adalah berterusan. Sekolah-sekolah tersebut yang sentiasa terkawal dan berkualiti mengikut pelaksanaan peraturan dasar



OLEH
SAHARI AKIM

pendidikan negara telah menghasilkan kecemerlangan pencapaian pelajar dalam bidang akademik dan kokurikulum serta disiplin yang mantap. Malah beberapa pegawai tinggi kerajaan dan pertubuhan swasta mengikuti pendidikan awal dan peringkat menengah di sekolah-sekolah berkenaan.

Sekolah-sekolah bukan kerajaan mula bertapak di Daerah Brunei dan Muara sejak tahun 1918 lagi, di Daerah Belait pada tahun 1931, Daerah Tutong tahun 1937 dan tahun 1950 di Daerah Temburong.

Kini terdapat lebih 30,000 penuntut belajar di 146 buah sekolah yang berdaftar iaitu 62 buah bahagian rendah, 14 bahagian menengah, 7 buah pengajian tinggi dan 63 jenis kursus / vokasional / tution.

Sekolah-sekolah dan institusi-institusi tersebut menerima bantuan dari pihak kerajaan dari segi pentadbiran seperti guru

Institusi pendidikan bukan kerajaan turut mendukung pembangunan bangsa dan negara



SEKOLAH PGGMB di Kampong Sungai Akar menyediakan tempat bagi pelajar-pelajar peringkat rendah dan menengah.

besar, guru-guru bahasa Melayu peringkat rendah dan menengah termasuk guru-guru Pengetahuan Ugama Islam peringkat rendah dan menengah.

Sementara itu sistem kurikulum yang diikuti oleh sekolah dan institusi berkenaan adalah mengikut Kurikulum Kebangsaan sama seperti sekolah-sekolah kerajaan yang lain di samping menggunakan buku-buku teks yang sama cuma terdapat buku teks lain bagi aktiviti tambahan.

Dari segi mutu pendidikan pula adalah selaras dengan sekolah-sekolah kerajaan. Tetapi jika dilihat dari peratus lulus dalam peperiksaan-peperiksaan awam, jelas sekolah-sekolah bukan kerajaan lebih tinggi pencapaiannya.

Selain pencapaian tersebut, ibu bapa atau penjaga juga cenderung menghantar anak-anak

mereka ke sekolah-sekolah bukan kerajaan antaranya disebabkan terdapatnya kelas asuhan (nursery) yang menerima kanak-kanak dari umur 18 bulan dan peringkat kindergarten bermula umur tiga tahun setengah. Keistimewaan lain ialah pengenalan lebih awal dwibahasa sebagai bahasa pengantar dalam pelajaran.

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Sejak akhir-akhir ini beberapa buah institusi pengajian tinggi yang berdaftar telah membuka ruang bagi lepasan sekolah dan masyarakat umum untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi seperti diploma dan ijazah terutama dalam bidang komputer, Banking, Accountancy dan Business Administration. Bagi Peringkat ijazah 'twinning programme' diwujudkan

dengan kerjasama pusat-pusat pengajian tinggi di luar negeri.

Perkembangan sedemikian amat baik kepada kemajuan pendidikan tinggi di negara ini. Diharapkan lebih banyak institusi-institusi pendidikan swasta mengadakan kursus-kursus dan pengajian di peringkat diploma dan ijazah atau sarjana dalam bidang-bidang lain di masa hadapan.

Ia akan membolehkan lebih ramai penuntut atau masyarakat yang tidak berkesempatan melanjutkan pelajaran di institusi-institusi kerajaan menyambung pengajian mereka tanpa perlu ke luar negeri yang tentunya menjimatkan perbelanjaan yang terpaksa ditanggung.

MASA DEPAN YANG CERAH

Selaras dengan visi iaitu ke arah sumbangan perkhidmatan yang berterusan demi perkembangan dan kemajuan pelajar dan sekolah, masa depan sekolah-sekolah bukan kerajaan berkembang seiring dengan pertumbuhan pesat bilangan penduduk di Negara Brunei Darussalam ini.

Setentunya sekolah-sekolah tersebut dapat membantu pihak kerajaan dalam menyediakan ruang dan tempat belajar untuk menampung kesesakan di sekolah-sekolah kerajaan yang ada pada masa ini.

Selain dari itu kepesatan penubuhan sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan bukan kerajaan ini juga membuka peluang kepada pengusa-

ha-pengusaha bidang pendidikan untuk mengembangkan perniagaan mereka dalam pelbagai jurusan ilmu pengetahuan.

BANGSA BERILMU NEGARA MAJU

Sesuai dengan tema Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-19 pada tahun ini iaitu 'Bangsa Berilmu Negara Maju' maka sewajarnya usaha mendidik anak bangsa secara berterusan akan dipertingkatkan untuk mencemerlangkan lagi kemajuan Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini.

Ke arah itu peranan mendidik anak bangsa bukan hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata tetapi hendaklah dipikul bersama oleh sektor-sektor bukan kerajaan, persatuan-persatuan dan seluruh lapisan masyarakat umumnya.

Hanya dengan memiliki ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang sahajalah rakyat dan penduduk negara ini akan mampu menempa kecemerlangan negara dan berpacu di arena antarabangsa pada alaf baru, era globalisasi dan era digital masa kini.



PARA pelajar Sekolah Nusa Laila Puteri penuh perhatian mengikuti mata pelajaran yang diajarkan.



GAMBAR HIASAN Adalah mustahil untuk mencapai kejayaan ekonomi tanpa usaha yang bersungguh-sungguh bagi menyediakan latihan tenaga kerja.

Sekolah vokasional latihan kemahiran bekerja

PENDIDIKAN adalah keperluan asas manusia. Meskipun perancangan pendidikan tidak seharusnya dibuat semata-mata untuk memenuhi keperluan tenaga kerja namun sistem pendidikan perlu mengambil kira aspek pekerjaan.

Tanpa pekerjaan seseorang tidak mendapat pendapatan mahupun tidak mendapat kebajikan hidup. Selain daripada membentuk perkembangan individu, sekolah seharusnya menerima fungsi sebagai pembentuk perkembangan sumber manusia bagi memenuhi keperluan tenaga kerja sesebuah negara.

Sistem pendidikan seharusnya mengandungi komponen yang mengait sekolah dengan alam pekerjaan dan menolong pelajar memasuki alam tersebut. Justeru itulah pendidikan vokasional merupakan jenis pendidikan dan latihan yang berkaitan dengan kerja dan kemahiran bekerja.

Pembentukan sikap, tabiat kerja dan kemahiran bagi menolong perindustrian dan proses pemodenan boleh dimainkan oleh pendidikan vokasional. Dengan adanya minat dan kemahiran yang sesuai terhadap sesuatu pekerjaan, seseorang boleh menggunakan daya usaha dan kreatifnya untuk mewujudkan pekerjaan baru tanpa bergantung pada majikan.

Peranan dan kepentingan pendidikan vokasional jarang dipersoalkan. Bagaimanapun bagi sebilangan masyarakat kita berpendapat pendidikan vokasional sering dikaitkan dengan pelajar yang lemah akademiknya serta pekerjaan kotor yang tidak memerlukan pemikiran adalah kurang tepat. Begitu juga yang berpendapat sekolah vokasional bagi mereka yang berminat dalam bidang kejuruan dan mereka yang gagal di bidang akademik.

Sebilangan pelajar pula ada yang memilih pendidikan vokasional sebagai pilihan terakhir sekiranya diberi peluang untuk mengikuti proses pendidikan. Sikap negatif ini sering menghalang perkembangan pendidikan vokasional secara mutlak meskipun peranan dan kepentingannya diakui.

Sekolah vokasional ditubuhkan bukan semata-mata bagi memulakan akademik. Penilaian yang tidak adil meletakkan seko-

lah dan institusi pendidikan vokasional lebih rendah status akademiknya dari sekolah dan institusi akademik. Bagi mengurangkan sikap negatif masyarakat terhadap pendidikan vokasional, penilaian kejayaan program pendidikan vokasional mestilah berdasarkan objektif pewujudan sesuatu program pendidikan vokasional. Penilaian pendidikan vokasional di sekolah-sekolah perlu kembali kepada matlamat penubuhan sekolah vokasional.

MELATIH

Pendidikan vokasional melatih seseorang untuk sesuatu pekerjaan dengan memberi pengetahuan dan kemahiran. Ia memupuk perkembangan sifat dan watak serta menambah keupayaan seseorang untuk memahami, menilai dan melahirkan pernyataan diri terhadap pekerjaan. Pendidikan vokasional melatih seseorang menyesuaikan diri dengan persekitaran pekerjaan yang sentiasa berubah.

Pengertian di atas menunjukkan pendidikan vokasional merupakan pendidikan yang tidak terbatas kepada ruang dan masa. Pendidikan vokasional boleh berlaku semenjak kanak-kanak berada di sekolah rendah hingga ke peringkat dewasa.

Pengetahuan dan latihan yang diberi melalui pendidikan vokasional bukanlah matlamat terakhir. Ia hanya cara memupuk kebolehan bekerja. Pengertian ini selari dengan seruan Pertubuhan Buruh Antarabangsa agar pendidikan vokasional memberi segala latihan untuk menyediakan dan melatih semula seseorang bagi pekerjaan yang per-



tama serta pekerjaan yang berikutnya.

Memandangkan pendidikan vokasional berkait dengan pekerjaan, institusi pendidikan vokasional perlu bekerjasama dengan sektor industri di mana peluang-peluang pekerjaan wujud. Kesediaan dan keupayaan sektor perdagangan dan perindustrian membantu melaksanakan program-program pendidikan vokasional merupakan faktor penting yang boleh mempengaruhi keseimbangan antara pendidikan umum dengan pendidikan vokasional.

Adalah mustahil untuk mencapai kejayaan ekonomi tanpa usaha yang bersungguh-sungguh bagi menyediakan latihan tenaga kerja. Di negara-negara maju seperti Jerman, Jepun dan Amerika Syarikat pendidikan vokasional memainkan peranan penting dalam menyediakan keperluan tenaga kerja bagi industri.

Pihak industri sebagai pengguna tenaga kerja dan pihak institusi voka-

OLEH
DAYANGKU
HAJAH
SAIDAH PHOA

sional sebagai pengeluar tenaga kerja perlu bekerjasama bagi mengenal pasti latihan dan kemahiran yang diperlukan. Mereka juga perlu bekerjasama mewujudkan program-program latihan dan kemahiran yang dikenali pasti.

Peranan sebaran pendidikan vokasional perlu dijelaskan kepada pelajar-pelajar terutamanya yang masih menuntut di sekolah rendah dan sekolah menengah. Mereka sebagai generasi masa depan perlu mempunyai sikap positif terhadap pendidikan vokasional. Pendekatan luas dan terbuka mengenai berbagai-bagai jenis kerjaya dan pekerjaan perlu diberikan.

CIRI

Ada beberapa ciri pendidikan vokasional. Suatu pendidikan dianggap vokasional apabila:

- Ia dicipta dan dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan kecakapan seseorang dalam sesuatu pekerjaan. Ini berlaku sama ada bagi perseorangan memasuki bidang pekerjaan atau menolong kerja seseorang yang sedang bekerja.

- Ia menjadi lebih bermakna kepada seseorang yang sedang, akan dan telah menjalani sesuatu pekerjaan jika dibandingkan dengan mereka yang tidak menjalani pekerjaan tersebut.

- Ia diajar dan digunakan bagi pekerjaan sebenar.

- Ia menjadi penting dan berguna semasa dipekerja, yang membolehkan seseorang menggunakan apabilita bekerja nanti.

- Kemahiran dan pengetahuan mengenai sesuatu pekerjaan diajar dalam bentuk teori dan amali.

Berdasarkan ciri-ciri di atas, bidang pendidikan vokasional luas. Pendidikan vokasional merangkumi pelbagai-bagai jenis kemahiran dan pekerjaan. Di negara kita, pendidikan dan latihan vokasional yang juga dikenali sebagai latihan kemahiran ditawarkan oleh pihak-pihak kerajaan dan swasta. Kerajaan melalui Kementerian-Kementerian tertentu mewujudkan institusi pendidikan vokasional misalnya Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah, Lorong Lima Selatan, Seria.

Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah telah memperkenalkan kaedah baru

cara pembelajaran latihan untuk persediaan pelajar ke alam pekerjaan. Setiap pelajar akan dilatih di bengkel, makmal, bilik darjah yang cukup lengkap dan pengajar yang berpengalaman. Rancangan amali akan memberikan lebih pengalaman termasuk latihan penempatan industri.

Setelah menamatkan kursus, pelajar akan bersedia menceburi alam pekerjaan mengikut pilihan sendiri. Lulusan pelajar juga digalakkan melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi dan bekerja sendiri.

Semenjak pengambilan pertama seramai 16 orang pelajar pada 2 April 1996 bagi mengikuti Sijil Perdagangan Kebangsaan Grade 3 dalam bidang Kejuruteraan Pengimpalan, sekolah tersebut terus menampakkan kemajuan setiap tahun bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga pengambilan pelajar baru telah meningkat dari tahun ke setahun. Begitu juga sekolah berkenaan telah berjaya melahirkan ramai graduan yang berkemahiran dan boleh dibanggakan.

Menurut statistik sekolah tersebut dari tahun 1998 hingga 2001 graduan yang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dan mendapat pe-

kerjaan juga telah meningkat. Di Majlis Konvokesyen pertamanya pada tahun 1998 telah berjaya melahirkan 15 pelajar. Dari jumlah tersebut enam orang telah mendapat pekerjaan dan empat orang lagi telah melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Manakala pada tahun 1999 seramai 67 graduan. Dari jumlah tersebut 16 diterima bekerja, 23 orang lagi melanjutkan pelajaran dan dua orang lagi menjalankan perniagaan sendiri sementara pada tahun berikutnya telah berjaya melahirkan seramai 103 pelajar dan 21 orang daripada mereka mendapat pekerjaan, 50 melanjutkan pelajaran dan tahun 2001 pula seramai 143 graduan, 21 orang daripada mereka telah mendapat pekerjaan manakala 59 orang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Pada masa ini sekolah tersebut mempunyai keragaman pelajar lebih kurang 300 orang yang mengikuti berbagai kursus yang ditawarkan hingga ke peringkat Diploma Kebangsaan.

Dengan pencapaian peningkatan sekolah tersebut setiap tahun akan dapat memenuhi visinya untuk mengembangkan sekolah tersebut sebagai pusat kecemerlangan dalam pengajaran perdagangan dan kejuruteraan, di samping mewujudkan kerjasama yang padu dengan industri tempatan.

Misi sekolah tersebut untuk memberi latihan asas teori dan amali sebaik mungkin kepada belia-belia sekolah yang berkelayakan dengan memaksimumkan penggunaan kemudahan yang sedia ada bagi menjuruskan remaja di bidang kerjaya perdagangan dan kejuruteraan melalui rancangan latihan vokasional.



GAMBAR HIASAN Pendidikan vokasional melatih seseorang untuk sesuatu pekerjaan dengan memberi pengetahuan dan kemahiran.



I NSTITUT Teknologi Brunei (ITB) merupakan sebuah institut yang pertama di negara ini telah ditubuhkan pada bulan Januari 1989 dengan penempatan sementara di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara, dengan keramaian 22 orang tenaga pengajar dan 57 orang penuntut.

Penubuhannya adalah dihasratkan untuk memberikan latihan kepada anak-anak Brunei sendiri dalam peringkat lanjutan bagi memenuhi jawatan-jawatan peringkat menengah dan profesional.

Dalam bulan Julai tahun yang sama pihak institut telah menjalankan pengambilan kedua dengan keramaian 60 orang dan waktu itu berjumlah seramai 117 orang penuntut yang belajar di ITB. Kursus-kursus yang ditawarkan di institut tersebut iaitu bidang pengurusan perniagaan, komputer, elektrik dan kejuruteraan elektronik.

ITB telah berjaya mengeluarkan graduan pertama, di mana lepasan graduan tersebut telah berjaya mendapat pekerjaan dalam perkhidmatan kerajaan dan juga swasta dengan memegang beberapa jawatan penting dalam kedua-dua perkhidmatan berkenaan.

Ini merupakan satu kejayaan bagi ITB di mana lepasan graduan telah boleh menjalankan tanggungjawab mereka di pelbagai bidang.

Sejak penubuhannya dalam tahun 1989 dan kini usianya telah mejangkau 14 tahun telah banyak melalui pengalaman pahit manis dan kejayaan-kejayaan yang dimiliki, tidak jauh ketinggalan dengan institusi pendidikan yang terdapat di negara ini.

Pada tahun 2002 ITB telah mengadakan konvokesyen Ke-11 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dengan jayanya mengeluarkan seramai 150 graduan Diploma Tertinggi Kebangsaan dalam pelbagai jurusan.

Menurut statistik pengambilan ke-18 ITB sejumlah 236 orang, dari jumlah itu seramai 133 orang lelaki dan 103 orang perempuan yang mengikuti kursus-kursus termasuk komputer, perakaunan, perbankan, kejuruteraan sivil dan sebagainya.



BERDIRI MEGAH ... Bangunan Institut Teknologi Brunei (ITB) sebagai sebuah institusi yang mampu menghasilkan tenaga manusia yang berkemahiran dan berpengetahuan.

KEMAJUAN

Dengan usia yang mejangkau 14 tahun itu, ITB berkeupayaan untuk berkembang maju dengan pesat dalam arus perkembangan ICT dan globalisasi dengan syarat terlebih dahulu mengemaskinikan sistem pengurusan dan pentadbiran.

Seperti mana yang disabdakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Majlis Konvokesyen Ke-11, Institut Teknologi Brunei (ITB) berkeupayaan untuk berkembang maju dengan pesat melalui pelbagai bidang kursus yang ditawarkan selari dengan arus perkembangan ICT dan globalisasi masa kini.

Bagaimanapun sabda Duli Yang Teramat Mulia, ITB harus mempertingkatkan status dan sistem pengurusan dan pentadbirannya dengan lebih teratur dalam merancang aktiviti-aktiviti terutama dalam penyelidikan dan pembangunan selaras dengan imejnya sebagai institusi pengajian yang unggul di negara ini.

Dalam menyahut saranan Duli Yang Teramat Mulia di Majlis Konvokesyen Ke-11 yang baru lalu, pihak ITB telah membuat beberapa langkah serta usaha lebih awal lagi dalam bidang penyelidikan dan pembangunan seperti mana yang telah dijelaskan oleh Pengarah ITB, Awang Haji Mohd. Yusra bin Haji Abdul Halim.

Katanya berhubung dengan bidang pembangunan, pihak ITB sekarang dengan adanya kampus kekal yang terletak di Tungku berhampiran Universiti Brunei Darussalam telah mengorak langkah dengan menjalin hubungan yang rapat dengan agensi-agensi dalam perindustrian bagi membolehkan pihaknya menjalankan penyelidikan.

Walaupun setakat ini pihak ITB belum menjalankan penyelidikan yang besar, tetapi dalam tahun 2000 yang lalu, pihaknya telah dapat memulakan perkhidmatan ujian bahan-bahan binaan yang diimport ke negara ini. Hasil dari kaji selidik

OLEH
HAJI AHMAD HAJI SALIM

ITB mampu lahirkan tenaga manusia berpotensi

bahan tersebut telah didapati 75 peratus daripada bahan binaan di negara ini adalah sup standard daripada standard yang diperlukan dan perkhidmatan yang dijalankan ini telah diakui sendiri oleh pihak Kementerian Pembangunan.

Ke arah meningkatkan lagi dalam bidang penyelidikan ini pihak ITB sentiasa berusaha secara berterusan termasuk menganjurkan bengkel-bengkel yang berkaitan dengan bidang penyelidikan pembangunan yang mana bengkel tersebut telah disertai oleh agensi-agensi pembangunan dan hasil bengkel berkenaan, ITB dengan kerjasama Kementerian Pembangunan telah menjalankan satu ujian mengenai bahan-bahan binaan yang diimport. Kerjasama yang ditunjukkan oleh kedua-

dua pihak adalah merupakan satu kemajuan yang telah dicapai dalam sama-sama berperanan dalam pembangunan negara.

Di samping mendapat kerjasama daripada pihak-pihak kerajaan, pihak ITB juga mendapat kerjasama daripada pihak-pihak agensi luar negeri, di mana melalui ASEAN University Network pihak ITB telah mendapat peruntukan yang dibiayai oleh Kerajaan Jepun bagi menjalankan penyelidikan bahan binaan light for concret yang digunakan ke atas rumah-rumah di Kampong Ayer dan rumah yang dibina sendiri oleh pihak ITB dan bahan ini juga digunakan sebagai dinding bagi bangunan Sekolah Menehng Awang Semaun. Penyelidikan ini dijalankan adalah bertujuan untuk menilai dan mencari per-

bezaan keberkesanan bahan tersebut.

ISI KANDUNGAN

Ke arah meningkatkan dan memperluaskan hubungan dengan organisasi industri dan perniagaan demi memberikan keyakinan terhadap kualiti kemahiran dari ITB, pihak ITB sentiasa mengenal pasti isi kandungan kursus yang ditawarkan kepada penuntut-penuntut yang belajar di ITB dari masa ke masa sentiasa menjalin hubungan dengan industri-industri di negara ini dengan tujuan untuk mengenal pasti keperluan-keperluan kemahiran dan ilmu yang dikehendaki oleh industri berkenaan.

Seperti yang dijelaskan oleh Pengarah ITB, pihak ITB mesti mengetahui kemahiran, ilmu yang diperlukan oleh pihak industri tersebut. Jadi dalam kita membuat isi kandungan

kursus itu pihak ITB telah menjemput pihak industri swasta dan pihak kerajaan di negara ini yang dikenali Jawatankuasa Penasihat Program, agar isi kandungan program di ITB mempunyai kaitan dengan keperluan negara dan keperluan pihak majikan. Dengan cara ini pihak ITB dapat mengatasi masalah terjadi keciciran dalam tenaga manusia.

Di samping menjalankan usaha-usaha seperti di atas, pihak ITB juga sentiasa berusaha agar kursus-kursus yang ditawarkan itu dapat menjamin para penuntut apabila tamat pengajian akan membolehkan mereka menjadi seorang usahawan atau boleh berdagang. Ke arah itu pihak ITB telah menghendaki kepada penuntut dalam bidang pengurusan perniagaan untuk membuat satu projek yang berkisar praktikal kerja, di mana seti-

ap penuntut menjalankan kajian untuk menyediakan cadangan perdagangan/perniagaan. Dengan cadangan ini membolehkan penuntut-penuntut mengetahui pontesi perniagaan yang boleh dijalankan selepas tamat pengajian.

Usaha dan langkah yang dijalankan oleh pihak ITB perlulah disanjung tinggi dan dijadikan sebagai contoh kepada institusi-institusi di negara ini dan secara tidak langsung menyumbang ke arah berkurangnya masalah pengangguran dan sikap mahu makan gaji serta dapat meningkatkan daya saing dalam pertumbuhan ekonomi.

Perkara ini telah disentuh dalam sabda Duli Yang Teramat Mulia, walaupun bagaimanapun peluang pekerjaan tidak bererti hanya terbatas kepada pekerjaan makan gaji sahaja malah peluang-peluang untuk menjadi pengusaha sendiri adalah alternatif yang perlu digalakkan.

"Jika kita dapat membuat persiapan dan mengatasi masalah-masalah ini dengan menekankan aspek-aspek keusahawanan di kalangan para graduan, ini akan meningkatkan daya saing negara dalam memperkembangkan pertumbuhan ekonomi," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

TENAGA MANUSIA

Dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8, ITB seperti agensi-agensi kerajaan yang lain juga tidak ketinggalan dalam sama-sama memainkan peranan bagi mencapai matlamat RKN dalam mengeluarkan tenaga manusia yang ber-

kemahiran. Seperti yang ditekankan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, bahawa siapnya bangunan Fasa II ITB akan menyediakan langkah dan perancangan bagi pengeluaran tenaga manusia yang diperlukan sebagaimana dinyatakan dalam RKN Ke-8.

Bagi sama-sama memainkan peranan dan menjayakan RKN Ke-8, pihak ITB telah membuat perancangan terhadap kursus-kursus untuk dijalankan di ITB termasuk menyediakan Training of Petrol Chemistry Industry (Latihan Industri Petrol Kimia) yang mana pihak ITB telah menjalankan beberapa kursus mirip kepada bidang tersebut.

Di samping itu pihak ITB juga telah menghadapi beberapa perancangan bagi pembinaan blok kejuruteraan kimikal yang mana memerlukan untuk memenuhi keperluan Petrol Chemical Industry.

Seperti yang dinyatakan oleh Pengarah ITB, pihaknya telah membuat kajian mengenai keperluan tenaga manusia untuk industri, di mana industri tersebut boleh membuka peluang pekerjaan kepada kira-kira 24,000 orang.

Selain itu, pihak ITB juga mengadakan kursus-kursus dalam bidang hospitaliti dan pelancongan dan seterusnya diharapkan mendapatkan peruntukan bagi pembinaan kemudahan-kemudahan bagi menjalankan kursus tersebut.

Daripada perkembangan, kejayaan dan kemajuan yang telah dicapai oleh ITB seharusnya dijadikan 'role model' kepada institusi-institusi di negara ini dan secara keseluruhannya kursus-kursus yang ditawarkan di ITB telah dapat memenuhi keperluan kemahiran yang dikehendaki oleh pihak kerajaan dan juga pihak swasta.



PENUBUHAN ITB dihasratkan untuk memberikan latihan kepada anak-anak Brunei, jelas Pengarah ITB, Awang Haji Mohd. Yusra bin Haji Abdul Halim.

USAHA dan langkah yang dijalankan oleh pihak ITB ini perlulah disanjung tinggi dan dijadikan sebagai contoh kepada institusi-institusi di negara ini dan secara tidak langsung menyumbang ke arah berkurangnya masalah pengangguran dan sikap mahu makan gaji serta dapat meningkatkan daya saing dalam pertumbuhan ekonomi.

RANCANGAN pembinaan dan pembentukan sebuah 'Pusat Pembinaan Belia' di Negara Brunei Darussalam adalah atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1992 di mana rancangan pembentukan Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) dimulakan dan seterusnya dilanjutkan pembinaannya oleh Syarikat Minyak Shell Brunei dan Syarikat Minyak Shell Antarabangsa pada tahun 1993.

Pusat OBBD telah diserahkan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi mengendalikan program-program dan kursus-kursus latihan yang bersesuaian, berkesan dan berkualiti sejak tahun 1996.

Fungsi utama penubuhannya ialah merancang, memasarkan dan mengendalikan pelbagai jenis program Kursus Menetap dan Bergerak yang bersesuaian dengan penuh profesional, berkesan lagi selamat mengikut dasar. Prosedur dan konsep yang telah ditetapkan dan sampingannya pula bagi menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan pelancongan dan rekreasi di

dalam bentuk bantuan logistik dan kegiatan pengembaraan yang bersesuaian dengan penuh profesional, berkesan lagi selamat mengikut dasar, prosedur serta konsep yang telah ditetapkan.

Mungkin orang ramai tidak mengetahui apa dia Outward Bound itu? OBBD itu bukanlah Pusat Latihan Jasmani atau sebuah Pusat Kemahiran 'Survival' atau Pusat Kegiatan Luar tetapi ianya adalah sebuah Pusat Pembinaan Jati Diri yang mengendalikan program latihan yang bersesuaian, berkesan dan berkualiti.

Penubuhan OBBD di hasratkan untuk memupuk dan membentuk nilai-nilai murni peribadi

Outward Bound Brunei Darussalam Membentuk jati diri

OLEH
ALIDDIN HAJI MOKTAL

rakyat Brunei khususnya para belia melalui latihan pengalaman dan pengembaraan untuk meningkatkan dan memupuk kepintaran, kesedaran, disiplin, sifat berdisiplin, bertanggjawab, tekad untuk berjaya, kepimpinan serta keupayaan untuk bekerja secara berpasukan supaya mereka boleh menyumbangkan sepenuhnya kepada pembangunan negara. Di samping itu, mereka juga berperanan sebagai ahli yang berguna dalam masyarakat yang dinamik.

OBBD beroperasi di Daerah Temburong dan mempunyai dua tempat utama iaitu Pusat Logistik Outward Bound Brunei Darussalam terletak di Kampong Batang Duri kira-kira 18 kilometer dari Pekan Bangar dan Pusat Latihan Outward Bound Brunei Darussalam pula terletak enam kilometer ke hulu sungai Kuala Belalong dan untuk sampai ke sana kita mestilah menggunakan sebuah perahu yang dipanggil 'Temuai' yang mengambil masa kira-kira 45 minit sehingga satu jam

lamanya meredah sungai batu karang. Itu pun bergantung kepada keadaan air sungai tersebut sama ada pasang atau surut.

OBBD boleh menampung sehingga 80 orang peserta pada satu masa dengan menyediakan tempat penginapan bagi kakitangan dan para pesertanya dan pelbagai kemudahan seperti bilik seminar, dewan makan, kemudahan stor dan bilik serta beberapa buah set komputer dan mini perpustakaan.

Pusat Latihan OBBD juga mempunyai Pusat Perubatan moden yang lengkap dengan kemudahan canggih dalam menghadapi keadaan kecemasan dan berupaya memberi bantuan dalam operasi menyelamat dengan bantuan ahli para medik yang berkelayakan dan terlatih.

OBBD menggunakan alam semula jadi sebagai bilik darjah bukan seperti program konvensional di mana para peserta menghadapi cabaran minda dan fizikal dalam suasana yang baru dan asing.

Dua jenis program atau kursus yang mengendalikan di OBBD iaitu Program Kursus Menetap dan Bergerak mengikut peringkat umur dan berapa lama kursus berkenaan dijalankan.

Program Kursus Menetap ialah Kursus Sekapur Sirih selama tiga hari bagi mereka yang dalam lingkungan umur 15 hingga 55 tahun dan Kursus Cabaran Peribadi pula selama 10 hari bagi mereka dalam lingkungan umur 15 hingga 39 tahun.

Sementara Kursus Kesedaran Peribadi selama enam hari bagi mereka dalam lingkungan umur 15 hingga 55 tahun dan Kursus Cabaran Jati Diri pula selama 14 hari bagi mereka yang dalam lingkungan umur 15 hingga 39 tahun.

Program Kursus Bergerak iaitu Kursus Titik Teroka selama satu hari bagi mereka di Daerah Brunei dan Muara dalam lingkungan umur 15 hingga 55 tahun dan Kursus Cabaran pula juga untuk mereka di Daerah Brunei dan Muara selama dua hari dan satu malam juga mereka yang berumur dalam lingkungan



15 hingga 55 tahun dengan pilihan latihan Ekspedisi Darat atau Air.

Pengalaman yang dilalui itu dapat memupuk dan membentuk nilai-nilai murni pada diri individu dalam menghadapi cabaran-cabaran yang semakin rumit dan kompleks.

Setiap kegiatan yang dilaksanakan dan dianjurkan oleh pihak OBBD memberikan peluang pembelajaran bagi para pesertanya dan mereka pula perlu membuat penilaian, keputusan, tindakan, bertanggungjawab, mempelajari kemahiran baru dan bekerja secara berpasukan atau 'team work'.

Pada awalnya para peserta akan diajarkan kemahiran teknikal (kemahiran perkhemahan, pandu arah dan berkanu) yang di perlukan bagi kegiatan pengembaraan mereka.

Selanjutnya mereka akan mengikuti siri latihan ekspedisi mengatasi masalah yang semakin sukar dan mencabar.

Semasa mengikuti latihan di OBBD para peserta dikehendaki mengambil bahagian dan membuat pilihan serta mengambil tindakan yang cepat dan bertanggungjawab mempelajari kemahiran baru dan bekerja secara berpasukan.

Jenis kegiatan latihan yang terdapat di OBBD ialah Flying Fox, Menuruni Curam (Abseiling), Cabaran Tali Menali (Rope Challenge), Berakit Sungai Berjeram (White-water Rafting), Berkayak Sungai Berjeram (White-water Kayaking), Berkayak Laut (Sea Kayaking), Merentas atau Berkhemah di hutan (Jungle Trekking/Camping), Berkhemah Solo (Solo Camping), Projek Usahawan (Entrepreneur Project), Merintis (Orienteering), Kegiatan Air (Water Confidence Activities) dan Permainan Berkumpulan (Group Games).

Antara kemudahan latihan ialah latihan berakit sungai berjeram di mana para peserta akan menempuh beberapa jalan yang mencabar, di samping menikmati suasana alam semula jadi yang indah hutan hujan tropika di sepanjang Taman Negara Ulu Temburong.

Kegiatan seumpama itu memberi semangat pencapaian yang sungguh memberangsangkan dan juga memupuk semangat berpasukan, berkomunikasi, saling bantu-membantu, sifat bertanggungjawab dan mempunyai tekad untuk berjaya.

Sementara latihan menuruni curam menggunakan tali (Abseiling) dan Flying Fox merupakan latihan yang amat berkesan dan terdapat di kesemua sekolah Outward Bound di seluruh dunia.

Kegiatan ini amat berkesan bagi memupuk keberanian dan keyakinan diri dalam mengambil sebarang tindakan yang tegas dan bertanggungjawab apa-apa yang dilaksanakan itu dengan penuh komited.

Dalam menjalani latihan di OBBD itu aspek keselamatan merupakan perkara yang paling diutamakan termasuk dalam latihan atau kursus staf yang berterusan, peralatan latihan berkualiti tinggi, audit keselamatan antarabangsa, pemeriksaan dan pemeliharaan rutin, sistem perhubungan komprehensif dan bantuan agensi kerajaan yang lainnya. Kesemuanya membabitkan tahap pengawasan yang tinggi.

Semasa menjalani latihan atau mengikuti kegiatan itu para peserta akan dibahagikan dan dipecahkan kepada kumpulan yang kecil dengan diawasi oleh dua tenaga pengajar.

OBBD juga menjalani pemeriksaan keselamatan dalam setiap tahun dengan mengundang pakar luar negeri untuk mengendalikan pemeriksaan.

Tenaga pengajar yang ada pada masa ini di OBBD kesemuanya terdiri daripada jurulatih tempatan yang berkelayakan. Mereka juga menjalani proses pemilihan yang ketat sebelum diiktiraf

sebagai jurulatih yang terlatih dan berkelayakan.

Mereka dikehendaki menjalani program perantis dan latihan yang komprehensif bagi menentukan mereka cekap, berkeupayaan dan berkelayakan untuk mengajar.

Di samping itu juga, mereka mestilah mahir dalam bidang pertolongan cemas dan penyelamat jiwa.

OBBD menyediakan kemudahan penginapan di samping perhubungan seperti bot penyelamat, sebuah bot udara bagi 30 orang penumpang, beberapa buah perahu temuai, kenderaan pacuan empat roda yang diubah suai untuk membawa pesakit atau mangsa kemalangan dan juga rangkaian hubungan radio VHF yang membolehkan OBBD berhubung dengan pihak-pihak tertentu di Temburong dan di Bandar Seri Begawan.

Dengan adanya Outward Bound Brunei Darussalam diharapkan akan dapat melahirkan masyarakat Brunei khususnya para belia di negara ini menjadi masyarakat yang berguna, bertanggungjawab, bermotivasi tinggi dengan sifat kepimpinan dan mempunyai tekad untuk berjaya kerana mereka merupakan aset negara yang paling penting dan bakal menjadi pewaris generasi pemimpin masa depan bagi mengangkat martabat bangsa, negara dan agama.

Oleh itu mereka perlu didedahkan dengan kemahiran-kemahiran hidup bagi menghadapi cabaran-cabaran yang lebih mencabar lagi rumit dalam mengharungi dunia yang penuh dengan cabaran, apatah lagi dunia masa kini sudah tidak ada sempadannya dengan erti kata yang lain 'Global Village'.

Di samping itu mereka diharapkan akan dapat mengukuhkan nilai-nilai murni dan berkeupayaan serta tabah menghadapi cabaran dan masalah yang timbul dari perubahan sosioekonomi dan seboleh-bolehnya berusaha bagi mengurangkan tekanan dan kerosakan-kerosakan sosial yang tidak diingini.



LATIHAN berkanu di sungai berjeram memberi peluang kepada para peserta bagaimana menempuh beberapa jalan yang mencabar, di samping menikmati suasana alam semula jadi yang indah hutan tropika di sepanjang Taman Negara Ulu Temburong.



KESELAMATAN adalah diutamakan di OBBD di mana kesemua peralatan diperiksa dengan teliti dan para peserta diberikan penerangan terlebih dahulu sebelum melakukan sebarang latihan.

K HIDMAT perubatan dan kesihatan di Negara Brunei Darussalam sering didengar sebagai berkualiti tinggi malahan setanding dengan negara-negara maju di rantau ini.

Oleh itu, kenyataan yang diluahkan itu perlu terus dipupuk dan diasuh ke arah membuktikan sejauh mana kesahihannya di mata masyarakat setempat lebih-lebih lagi di mata masyarakat serantau dan antarabangsa.

Kenyataan tersebut tentunya memerlukan sokongan yang padu dari anggota pengendali perkhidmatan perubatan dan kesihatan dari peringkat tertinggi hinggalah kepada peringkat bawahan.

Dalam menyokong pemberitaan kualiti perkhidmatan perubatan dan kesihatan ini tentunya ada pihak-pihak yang lebih dipertanggungjawabkan bagi memastikan perkhidmatan berkenaan memenuhi sasaran yang dikehendaki.

Pada mendukung hasrat Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan taraf kesihatan di negara ini para pengendali perkhidmatan kesihatan perlu diberikan latihan dan pendidikan yang mencukupi di bidang berkaitan.

Menyedari akan kepentingan kesihatan masyarakat ini, jururawat memainkan peranan penting dan merupakan profesion yang berada di barisan depan dalam menghadapi dan memenuhi kepentingan kesihatan orang ramai.



OLEH
SITI
MUSLIHAT HS

Sejak dirasmikan maktab berkenaan telah memulakan latihan Sijil Kejururawatan Am dengan menggunakan sebahagian daripada Ba-
ngunan Institut Teknologi Brunei di Jalan Muara.

Untuk mengawasi peng-
urusan, struktur, kandungan
pendidikan kejururawatan,
belanjaan dan pengambilan,
Lembaga Pengurusan
Maktab Jururawat PAPRSB
telah ditubuhkan pada tahun



PROFESION kejururawatan adalah mulia dan amat penting dalam memenuhi kepentingan kesihatan orang ramai.

Jururawat punya komitmen mendukung kesihatan masyarakat

SEJARAH RINGKAS KEJURURAWATAN

Mengimbas sejarah ke-
jururawatan di negara ini, ia-
nya telah wujud secara tidak
formal dalam tahun 1946
dan bermula secara formal
dalam tahun 1951 bila mana
seramai 18 orang pelajar
telah mengikuti Program
Latihan Kejururawatan yang
telah diperkenalkan oleh se-
orang Ketua Jururawat dari
UNICEF/WHO di Hospital
Besar, Bandar Brunei yang
sekarang dikenali sebagai
Bandar Seri Begawan.

Kursus yang pertama
ditawarkan pada ketika itu
ialah Kursus Sijil Pembantu
Jururawat yang memberi pe-
nelaian kepada latihan ke-
mahiran asas klinikal dalam
penjagaan pesakit yang disepa-
dakan dengan keperluan
kesihatan pada masa itu.

Pada tahun 1954, satu
program yang dipercayai
lebih mantap dan mempun-
yai taraf akademik tinggi
telah diperkenalkan seperti
Latihan Sijil Kejururawatan
diikuti oleh Sijil Jururawat
Kesihatan Rendah, Pembantu
Pengasuh Kanak-kanak dan
lain-lain pada tahun-tahun
berikutnya.

Pada tahun 1982,
Sekolah Latihan Jururawat
telah berpindah ke lokasi
baru yang ada pada ketika ini
iaitu Hospital Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha (RIPAS)
dan dikenali sebagai Pusat
Latihan Jururawat dan Bidan
yang mana telah dibuka
rasmi pada tahun 1984. Se-
hingga tahun 1985 Sekolah
Jururawat di pusat latihan

tusi pengajian tinggi keju-
rawatan di negara ini.

Urus setia tersebut di-
tubuhkan atas titah perkenan
Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
yang terdiri dari wakil-wakil
Kementerian Pendidikan dan
Kesihatan bertujuan untuk
memastikan semua aspek
pendidikan dan pentadbiran
maktub dipertingkatkan dan
dimasukkan ke dalam peran-
cangan.

Bagaimanapun urus setia
tersebut telah dibubarkan se-
lepas penubuhan Lembaga
Pengurusan pada bulan
November 1989 yang mana
ahli-ahlinya telah dilantik ke
dalam lembaga baru.

DIRASMIKAN

Pada 4 September 1986,
Maktab Jururawat Pengiran
Anak Puteri Rashidah
Sa'adatull Boikiah (Maktab
Jururawat PAPRSB) telah di-
buka dengan rasminya oleh
Yang Teramat Mulia Paduka
Seri Pengiran Anak Puteri
Hajah Rashidah Sa'adatull
Boikiah yang juga merupa-
kan Penaung kepada maktab
tersebut.

1989.

Pengendalian Kursus Sijil
Kejururawatan Am telah di-
ambil alih sepenuhnya oleh
Maktab Jururawat PAPRSB di
bawah pengurusan Keme-
nterian Pendidikan. Walau
bagaimanapun program la-
tihan di peringkat Pembantu
Jururawat terus dilaksanakan
oleh Pusat Latihan Jururawat
dan Bidan, Kementerian
Kesihatan sehingga tahun
1998.

Selaras dengan perkem-
bangan pendidikan di negara
ini dan perkembangan tek-
nologi di bidang perubatan
dan lain-lain, Kursus Sijil Ke-
jururawatan Am telah diper-
tingkatkan ke tahap Diploma
pada tahun 1991.

Beberapa tahun kemudi-
an Maktab Jururawat PAPRSB
telah berpindah ke Ba-
ngunan Kampus Lama Uni-
versiti Brunei Darussalam
pada 20 Mei 1995 untuk
memberikan kemudahan
bagi mengemaskinikan dan
mengembangkan pendidikan
kejururawatan di negara ini.

Dengan kemudahan
fizikal dan bertambahnya te-
naga pengajar setiap tahun,
maktab berkenaan telah
dapat menambah kemasukan

pelajar-pelajar bagi Program
Sijil dan Diploma Asas Keju-
rawatan iaitu dari kemasukan
pertama seramai 23 orang
pelajar pada tahun 1986 ke-
pada 170 orang pelajar
pengambilan ke-14 pada
tahun 1999.

Pada 2 Mei 1998, satu
sejarah dalam pendidikan ke-
jururawatan telah tercipta de-
ngan percantuman Pusat
Latihan Jururawat dengan
Maktab Jururawat PAPRSB.
Dengan percantuman ini,
pendidikan kejururawatan
telah dapat dimantapkan lagi
dari segi pengendalian kur-
sus-kursus dan penggunaan
tenaga pengajar dan kemu-
dahan-kemudahan secara
maksima.

Dengan kemudahan-ke-
mudahan yang ada, Program
Diploma Kejururawatan
Pengkhususan di bidang
Dependensi Tinggi telah
mula diwujudkan pada
tahun 1995. Program Di-
ploma Pengkhususan Keju-
rawatan telah dapat dipel-
bagaikan dan pada tahun
2000 maktab tersebut telah
menawarkan Program Di-
ploma Pengkhususan Keju-
rawatan dalam tujuh bidang
yang antaranya termasuk
Kursus Peningkatan
(Conversion) bagi meningkat-
kan tahap Pembantu Ju-
rurawat ke peringkat Diploma.

MISI DAN OBJEKTIF

Setiap apa jua pertubuh-
an atau penubuhan sese-
buah institusi tentu mempun-
yai misinya yang tersendiri.
Begitulah juga dengan mak-
tab ini yang telah meng-
gariskan beberapa misinya
yang tersendiri terutamanya
untuk mendidik dan mem-
perkembangkan kecemerla-
ngan dalam pendidikan ke-
jururawatan.

Misi kedua dan ketiga
pula masing-masing ialah
untuk menjalankan penye-
lidikan sebagai asas kecem-
erlangan dalam amali keju-
rawatan, di samping untuk
memberi perkhidmatan ke-
pada masyarakat dengan
menyertai aktiviti kebajikan,
pendidikan kesihatan dan
memberi respon kepada pen-
didikan kejururawatan dan
keperluan penjagaan yang
tertentu sebagaimana yang

diperlukan secara berterusan
dan ketika kecemasan.

Maktab tersebut juga
mempunyai beberapa objek-
tifnya yang tersendiri di
antaranya untuk menyelidik,
menentukan, merancang
dan menawarkan pendidikan
tinggi bagi jururawat serta
mengaplikasikan pengetahuan
kejururawatan luar negeri, di
dalam konteks keperluan
yang bersesuaian dengan
agama dan budaya rakyat di
Negara Brunei Darussalam.

Di samping mengadakan
kursus, bengkel dan seminar,
maktab berkenaan juga ber-
usaha ke arah menggalakkan
perkembangan personal dan
profesional jururawat Negara
Brunei Darussalam dengan
melanjutkan pembelajaran,
mendalami pengajian Islam
dan konsep Melayu Islam
Beraja (MIB) serta mendalami
isu undang-undang dan etika
berkaitan dengan profesion.

Dalam usianya yang telah
mencecah lebih 16 tahun,
maktab berkenaan terus ber-
harap agar kemudahan-ke-
mudahan di maktab tersebut
akan sentiasa dipertingkatkan
lagi melalui rancangan peng-
ubahsuaian atau apa jua
yang bersesuaian khususnya
makmal-makmal kejururawat-
an yang akan menyediakan
situasi simulasi sebelum
menghadapi situasi sebenar
berhadapan dengan pesakit.

WEBSITE

Sejajar dengan tuntutan
semasa masa kini yang sudah
memasuki era infokomunikasi
teknologi (ICT) maktab terse-
but tidak ketinggalan untuk
memiliki laman webnya yang
tersendiri melalui
<http://www.mjppaprsb.edu.bn>
yang telah dilancarkan
pada 4 September 2000.

Melalui laman web ber-
kenaan orang ramai yang
ingin mengetahui perkem-
bangan terkini dan kegiatan
maktab berkenaan boleh ber-
hubung terus melalui alamat
berkenaan.

Antara maklumat yang
boleh diperolehi termasuklah
maklumat mengenai negara
ini, sejarah penubuhan mak-
tab dan acara-acara yang di-
kendalikannya termasuk ke-
giatan para pelajar dan kak-
i-

langan maktab.

Dengan adanya pelbagai
kursus di peringkat sijil dan
diploma yang ditawarkan
oleh maktab tersebut, seku-
rang-kurangnya dapat menji-
matkan lagi kos pembelajaran
di bidang kejururawatan de-
ngan mengelakkan pergantu-
ngan kepada maktab-maktab
kejururawatan di luar negara.

Apa yang diharapkan para
pelajar yang mengikuti kur-
sus-kursus di maktab tersebut
akan dapat mengambil ke-
sempatan dan menggunakan
kemudahan yang sedia ada
dengan sebaiknya. Mudah-
mudahan perolehan dari mak-
tab ini akan dapat diaplikasi-
kan demi kesihatan dan ke-
sejahteraan rakyat dan pen-
didik negara ini.

Setiap mereka yang sudah
bergelar jururawat dan me-
reka yang memiliki kelulusan
tertinggi dalam bidang ini
mempunyai tugas dan tang-
gungjawab yang telah di-
amanahkan.

Jika semua pengetahuan
yang diperolehi itu benar-
benar dimanfaatkan dengan
sebaiknya kepada masyarakat
maka negara akan turut ber-
bangga demi mencapai wa-
wasan yang pernah dilau-
ngkan suatu ketika dulu iaitu
Kesihatan Untuk Semua.

HASRAT PENUBUHAN

Penubuhan Maktab Ju-
rurawat Pengiran Anak Puteri
Rashidah Sa'adatull Boikiah di
bawah Kementerian Pen-
didikan adalah satu langkah
wajar ke arah pendidikan pro-
fesional kepada para ju-
rurawat di negara ini, di sam-
ping sebagai memenuhi ke-
hendak perubatan, keperluan
penjagaan kesihatan dan per-
ubatan penduduk dan pen-
didikan kejururawatan di pe-
ringkat antarabangsa.

Maktab Jururawat PAPRSB
sebagai institusi yang me-
ngeluarkan tenaga profes-
sional kejururawatan di dalam
memberikan penjagaan ke-
pada pesakit di hospital atau
di bahagian kemasyarakatan,
akan terus meningkatkan
mutu para pelajar melalui
skim-skim galakan yang sudah
dikendalikan sejak beberapa
tahun lalu.

Antara skim-skim tersebut
termasuklah skim penghantar-
an pelajar cemerlang dari segi
akademik dan skim pengajian
satu tahun di luar negara iaitu
tahun kedua di peringkat
ijazah yang mula dikendalikan
sejak tahun 1993.

PENCAPAIAN TERKINI

Pada awal tahun 2003,
maktab berkenaan telah me-
nawarkan satu lagi kursus
diploma yang baru iaitu
Kursus Diploma Kejururawat-
an Kesejahteraan Jiwa (Di-
ploma In Mental Health
Nursing) di peringkat Diploma
Lanjutan sejajar dengan misi-
nya untuk memberikan ilmu
pengetahuan dan kemahiran
pengkhususan dalam mena-
ngani isu-isu perubatan dan
penjagaan pesakit.

Kursus yang baru diper-
kenalkan ini diharap akan dapat
memberikan ilmu penge-
tahuan khusus di bidang pe-
njagaan pesakit yang meng-
hadapi masalah kesihatan
mental.

Sementara itu bermula
pada bulan Januari lalu,
Maktab Jururawat PAPRSB
buat julung kalinya telah
memilih 6 orang graduan le-
pasan maktab berkenaan
yang berpotensi untuk meng-
ikuti kursus-kursus di pe-
ringkat Diploma Lanjutan se-
lepas menamatkan kursus
Diploma Kejururawatan.

SUMBER MANUSIA

Jururawat sebagai sumber
manusia yang terlatih dalam
bidang kesihatan memainkan
peranan penting dalam mem-
berikan perkhidmatan kes-
ihatan yang cekap dan ber-
kualiti di negara ini.

Dengan meningkatnya
jumlah jururawat yang ter-
latih dan lebih berkelayakan
dan maktab jururawat ber-
kenaan tentunya akan
dapat meningkatkan prestij
jururawat di mata masyarakat
setempat mahupun di pe-
ringkat serantau dan anta-
rabangsa.

Apa yang penting dilak-
sanakan oleh setiap jururawat
ialah komitmen penuh dalam
mendukung hasrat Kesihatan
Untuk Semua bukan saja di
abad ke-21 malahan di abad-
abad mendatang.



TANGGUNGJAWAB yang diamanahkan kepada setiap yang bergelar jururawat patut dilaksanakan sejajar dengan tuntutan yang telah dipikulkan kepada mereka.

Sekolah Pengajian Kompeni Askar Muda, Pusat Latihan ABDB

PERANAN anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bukan sahaja terhad pada medan pertempuran bahkan meliputi semua aspek pertahanan dalam menghalang anasir dan gejala yang boleh menggugat keselamatan, kestabilan dan juga kesejahteraan.

Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan rasminya ditubuhkan pada 7 April 1969 berperanan dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pendidik warga ABDB demi terus mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk melahirkan anggota tentera yang berciri positif dan berkemampuan membina benteng pertahanan yang teguh.

Penubuhan Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (PLABDB) adalah dihasratkan bagi memikul tanggungjawab serta menyediakan dan seterusnya mengendalikan kursus-kursus yang diperlukan oleh setiap anggota ABDB.

Pusat Latihan ini juga diamanahkan bagi menyediakan serta melatih semua bentuk latihan termasuk latihan asas rekrut sehingga menjadi ahli tentera yang terlatih dan berdisiplin dalam semua aspek ketenteraan, di samping meningkatkan lagi taraf profesion ketenteraan yang sedia ada bagi semua anggota ABDB.

Sebelum Pusat Latihan ini mula ditubuhkan dengan rasminya pada 7 April 1969, pusat ini pada mulanya dikenali sebagai Depoh dan Cawangan Latihan dan ditempatkan di Perkemahan Boliah. Sekarang Pusat Latihan ABDB ditempatkan di Gaisan Penanjong, Tutong.

Kini PLABDB genap usia penubuhannya 33 tahun pada 7 April 2002 tahun lepas dan dalam jangka waktu antara tahun 1969-2002, sebanyak tujuh orang Pegawai Pemerintah dan enam orang Komandan telah dilantik untuk menerajui PLABDB selepas diterajui oleh Leftenan Kolonel Dato Haji Mohamad bin Haji Daud.

Pada amnya sejak ditubuhkan pada tahun 1969, pusat ini adalah di bawah pentadbiran dan perintah Markas Pasukan dan kemudiannya Markas Angkatan Tentera sehinggalah pada Oktober 1991. Atas limpah berkenaan dan biah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Perbuan Negara Brunei Darussalam selaku Menteri Pertahanan dan pemerintah tertinggi ABDB, baginda telah mengisytiharkan penyusunan semula Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kepada lima unit besar yang terdiri dari Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDB), Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB), Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB), Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei (ATPBDB) dan Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (PLABDB).

Dalam penyusunan tersebut, PLABDB telah dinaikkan tarafnya sebagai salah satu unit yang bertanggungjawab terus kepada Pemerintah ABDB dan dalam masa yang sama jawatan Pegawai Pemerintah PLABDB telah diubah kepada Komandan PLABDB dan satu jawatan baru telah diperkenalkan iaitu jawatan Timbalan Komandan PLABDB. Komandan Pusat Latihan yang pertama ialah Leftenan Kolonel Haji Ramli bin Haji Kampong, sementara jawatan Timbalan Komandan yang pertama pula dipegang oleh Mejar Haji Johari bin Haji Abdul Razak.

Di awal penubuhan PLABDB pada tahun 1969, ahli-ahli PLABDB amatlah kecil memandangkan kursus-kursus yang dikendalikan amat terhad. Tetapi kini, PLABDB telah mencapai umur yang cukup dewasa dan berkembang maju dengan mempunyai jurulatih-jurulatih yang berpengalaman serta berkelulusan.

PLABDB juga mempunyai bangunan-bangunan serta kemudahan-kemudahan mengajar yang serba moden dan canggih jika dibandingkan pada tahun ia mula ditubuhkan.

Pada ketika ini, PLABDB mempunyai lebih daripada 100 orang staf dan 100 orang rekrut.

Rekrut Tentera
Kursus Kompeni (yang mentadbirkan tiga cawangan lain iaitu Cawangan Latihan Sembayan, Cawangan Latihan Kerani dan Cawangan Latihan Memandu).

Kadet Tentera
Sekolah Pengajian Kompeni Askar Muda
Cawangan Perkembangan Pendidikan Pegawai
Kompeni Pentadbir dan Kawalan Padang Tembak.

Sejak pusat ini ditubuhkan banyak perkembangan telah dicapai dan sehingga kini seramai 12,133 orang rekrut telah berjaya dilatih, sementara 340 orang lagi sedang menjalani latihan.

Sehingga sekarang PLABDB telah mengendalikan tidak kurang dari 43 kursus dalam setahun bagi semua per-



OLEH
AWANGKU JEFFERI
PENGIRAN DURAHMAN

ingat. Dari segi kakitangan pula, PLABDB kini mempunyai tidak kurang dari 32 orang pegawai dan 394 peringkat rendah termasuk anggota-anggota 'ERE' yang bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas-tugas melatih di pusat tersebut.

PLABDB juga telah berjaya mengendalikan kursus rekrut dan ketenteraan yang merangkumi kursus-kursus kecekapan senjata, kawad dan lain-lain kecekapan. Selain itu, kursus lain juga disediakan seperti kursus 'Method of Instructions' bagi Pegawai Tidak Bertauliah (PTB) Kanan serta Pegawai Tidak Bertauliah (PTB) Rendah dan lain-lain peringkat.

Satu perkara yang menarik mengenai PLABDB ialah kemampuannya mengendalikan kursus-kursus yang berbentuk akademik di Sekolah Pengajian bagi Askar Muda sehingga ke peringkat 'O'. Bahkan pusat ini juga berjaya memperluaskan kecermerlangannya di bidang akademik yang mana telah mendapat 100 peratus lulus peperiksaan GCE Peringkat 'O'. Jelas membuktikan bahawa PLABDB telah berjaya mengendalikan kursus akademik dan meletakkan sekolah pengajian sebagai salah satu unit PLABDB yang setanding dengan sekolah-sekolah menengah kerajaan dan swasta di negara ini dengan menghasilkan pendidikan yang bermutu tinggi dan pembelajaran terbaik.

Melalui pasukan Kadet Tentera pula, sejak tahun 1971 telah menarik ramai minat penuntut-penuntut sekolah di seluruh negara untuk menceburi diri di dalam kegiatan-kegiatan ketenteraan. Salah satu projek terbesar yang pernah diwujudkan ialah Perkampungan Kadet Tentera seluruh negara yang diadakan dengan jayanya di Daerah Temburong pada tahun 1993 dan juga peperangan olok-olok yang mengambak tempat di Pulau Muara Besar dengan melibatkan seluruh ahli-ahli Kadet Tentera dan juga Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei pada tahun 1994. PLABDB dengan kerjasama Kementerian Pendidikan telah berjaya menubuhkan sebanyak 14 buah platoon kadet di sekolah-sekolah menengah kerajaan. Terdapat juga sebuah latihan mereka ini telah pun melibatkan diri sebagai anggota ABDB sepenuhnya yang mana ada di antaranya kini menyandang jawatan dan pangkat tinggi dan selebihnya menjadi anggota tentera biasa.

Sementara itu bagi karier pegawai-pegawai muda Angkatan Bersenjata Diraja

Pembentukan pegawai, anggota berpendidikan dan professional

Brunei, sebuah unit yang dinamakan Cawangan Perkembangan Pendidikan Pegawai (CPPP) juga ditubuhkan yang berperanan dalam mengendalikan peperiksaan kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai berpangkat Leftenan dan kapten, di mana peperiksaan ini meliputi kedua-dua bentuk peperiksaan iaitu amali dan bertulis. Dengan kerjasama Jabatan Latihan dan Tugas-Tugas Turus/Doktrin, Kementerian Pertahanan, cawangan ini juga dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan seminar-seminar yang bertaraf antarabangsa bagi pegawai-pegawai berpangkat Mejar sebelum menghadiri kursus Maktub Turus Tentera di seberang laut. Pensyarah-pensyarah dari dalam dan luar negeri juga turut diundang bagi sama-sama menyalurkan seminar berkenaan yang mana terdiri dari Universiti Brunei Darussalam, ASEAN, termasuk juga pensyarah-pensyarah dari negara-negara Eropah.

PLABDB juga memainkan peranan penting sebagai institusi tentera yang menjadi kunjungan rasmi pelawat-pelawat luar dan tempatan termasuk kunjungan keluarga-keluarga diraja dan pembesar-pembesar negara, selain lawatan-lawatan sambil belajar bagi penuntut-penuntut sekolah yang menerima kunjungan dari pemimpin-pemimpin tentera dan juga rombongan pelawat-pelawat dari maktab-maktab tentera dari negara-negara jiran.

Dalam usia pusat yang sudah begitu matang, pusat tersebut telah banyak mencapai kejayaan yang dapat dibanggakan, baik dari segi memberikan latihan-latihan asas kepada rekrut-rekrut baru mahupun dalam menanganai kehendak latihan lanjutan bagi anggota-anggota terlatih ABDB yang meliputi hampir kesemua bidang ilmu ketenteraan dan akademik melalui unit-unit kecil yang terdapat di pusat ini.

Sehubungan dengan ini, PLABDB adalah berperanan

di dalam mempertingkatkan lagi arus perkembangan dunia ketenteraan dan akademik dengan tekad untuk melahirkan anggota-anggota yang lebih terlatih dan penuh berdisiplin serta berpendidikan tinggi.

Semangat serta tanggungjawab kepada negara jelas terbukti dengan penempatan bilangan anak-anak muda yang begitu ramai menceburi diri di bidang profesion dan kerjaya di ABDB, yang merupakan satu-satunya pasukan keselamatan negara yang dipertanggungjawabkan sebagai benteng pertahanan dari ancaman dan kedaulatan negara ini terutama dalam menghadapi era pergolakan dan perkembangan dunia masa kini.

Di era globalisasi ini, tenaga kerja yang cekap dan kreatif dalam menjalankan tugas sehari-hari dengan jujur dan penuh dedikasi juga amat dititikberatkan. Ke arah itu juga para rekrut adalah diseru agar dapat memahirkan diri mereka di dalam bidang teknologi infokomunikasi (ICT) yang mana membolehkan para perajurit mampu bersaing di tahap global di samping berusaha mencapai kemahiran di dalam perkhidmatan ABDB.

Dalam temu bual bersama Pemberita PELITA BRUNEI, Komandan PLABDB, Leftenan Kolonel Haji Md. Ya'akub bin Bolhassan, yang dulunya merupakan seorang bekas rekrut kini telah membuktikan keupayaan beliau dari seorang rekrut di peringkat bawah hingga telah membawa kepada kejayaan beliau menjadi Komandan PLABDB bermula pada Mac 2002, berkata, seperti lazimnya menjadi seorang rekrut pastinya kita akan didedahkan dengan latihan asas-asas ketenteraan di mana ianya menguji kesabaran, ketekunan, kewibawaan, keberanian dan juga semangat fizikal mahupun mental yang kental, jelasnya.

Menyentuh dari segi kemudahan dan peralatan-peralatan ketika beliau masih lagi menjadi seorang rekrut di tahun 70-an, boleh dikatakan apa yang terdapat ketika ini

adalah lebih baik dan kemudahan serta peralatan yang disediakan untuk para rekrut lebih up-to-date dan memudahkan lagi bagi rekrut-rekrut sekarang menjalani latihan mereka, jelas beliau.

"Namun, dalam usaha untuk memperkasa budaya bangsa, ilmu dan akhlak merupakan dua elemen yang amat penting dalam menjana mutu kerja, ke arah itu melalui latihan yang telah dicurahkan kepada para rekrut terutama sekali yang telah menamatkan latihan asas mereka diharapkan latihan yang diperolehi dan dipelajari tersebut akan dapat memberikan manfaat serta menambah minda dan mengudat ilintizam menyuburkan semangat kebruneian yang terbilang sebagai bangsa yang taat beragama, taat kepada raja, teguh dengan jati diri dan memikulkan lagi tekad berbakti kepada negara tercinta dengan ilmu yang dicapai dan akhlak yang disemai selama ini," jelasnya lagi.

Perkara ini tambah beliau lagi bertujuan bagi memenuhi ke arah perkembangan dan wawasan ABDB iaitu ABDB Abad 21, perkembangan ini amnya membolehkan lagi peluang yang luas dari segi pekerjaan di dalam sektor kerajaan, ABDB juga sentiasa mengalu-alukan kemastan anak-anak muda yang berkeupayaan serta memberi peluang untuk mereka menceburi diri dalam apa jua bidang kerjaya tentera secara profesionalisme di dalam ABDB sekali gus menghindarkan diri mereka dari tergelincir atau terlibat ke arah gejala-gejala sosial yang telah berleluasa yang menjadi masalah kepada negara amnya serta boleh menggonggarkan kestabilan dan mencemarkan imej negara.

"Apa yang penting juga ialah menjadikan iman sebagai tunjang, ilmu sebagai pedoman dan disiplin sebagai pegangan hidup berkerjaya," tambah beliau.

Nilai-nilai asas ABDB antara lain ialah:

TAAT SETIA
Nilai ini akan menanamkan keazaman kepada setiap anggota untuk berkhidmat

dengan penuh taat setia kepada pasukan di samping mendukung kepentingan agama, raja dan negara.

KEHORMATAN
Nilai ini akan menanamkan keazaman setiap anggota untuk berkhidmat dan berusaha untuk menjadi anggota yang dihormati oleh masyarakat, di samping menjaga maruah serta kemuliaan diri dan pasukan.

PROFESIONALISME
Nilai ini akan menanamkan keazaman setiap anggota untuk meningkatkan kemahiran dan profesionalisme persendirian demi untuk menampilkan imej pasukan yang cekap, berkesan dan berwibawa.

KEBERANIAN
Nilai ini akan menanamkan semangat keberanian serta meningkatkan keazaman untuk memperbaiki diri demi untuk melaksanakan tugas dan peranan dengan penuh keyakinan dan tanggungjawab.

PENGORBANAN
Nilai ini akan membangkitkan semangat untuk bersedia mengorbankan apa saja demi kepentingan dan kedaulatan negara, agama, raja dan bangsa.

SETIA KAWAN
Nilai ini akan melahirkan perasaan punya diri di samping menanamkan keazaman untuk berusaha meningkatkan dan mengukuhkan semangat berpasukan dalam menjadikan ABDB sebagai benteng pertahanan negara yang benar-benar berkesan.

PEGAUAI-PEGAUAI PEMERINTAH DAN KOMANDAN PUSAT LATIHAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI SEJAK IANYA DITUBUHKAN:

1. Yang Dimulakan Pehin Datu Indera Negara Leftenan Kolonel Dato Paduka Ariffin bin Haji Abdul Wahab (Mei 1975-Januari 1979).
2. Dato WJB Peat, memegang jawatan Pemangku Pegawai Pemerintah (April 1979-Februari 1980).
3. Yang Dimulakan Pehin Orang Kaya Datu Indera Setia Diraja Leftenan Kolonel Dato Paduka Haji Abdul Aziz bin

OKK Abdullah (Februari 1980-Januari 1982).

4. Yang Dimulakan Pehin Datu Maharajalela Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Haji Musa bin Haji Yakub (Januari 1982-April 1982).

5. Yang Dimulakan Pehin Datu Pekema Bijaya Leftenan Kolonel Dato Paduka Haji Hussin bin Haji Sulaiman (April 1982-April 1984).

6. Yang Dimulakan Pehin Datu Perkasa Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Isah bin Haji Abdul Hamid (Mei 1984-Mei 1986).

7. Leftenan Kolonel Haji Ibrahim bin Haji Jumahat (Mei 1986-Juni 1989).

8. Leftenan Kolonel Haji Ramli bin Haji Kampong (Januari 1989-Oktober 1991).

9. Leftenan Kolonel Haji Hashim bin Haji Zainal Abidin (Oktober 1991-Julai 1993).

10. Leftenan Kolonel Ahmad bin Haji Yahya (Julai 1993-Februari 1997).

11. Leftenan Kolonel Haji Abas bin Haji Bagol (Februari 1997-Mei 2000).

12. Leftenan Kolonel Haji Abdur Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir (Januari 2001-Mac 2002).

13. Leftenan Kolonel Haji Md. Ya'akub bin Bolhassan (2002-hingga sekarang).

Tidak dapat dinafikan PLABDB telah banyak mencapai kejayaannya bagi melatih semua peringkat ABDB. Dalam hubungan ini, peranan PLABDB terus dipertingkatkan lagi, sejajar dengan arus perkembangan ketenteraan dari semasa ke semasa bagi melahirkan anggota-anggota yang terlatih dan berdisiplin sama ada di peringkat ilmu ketenteraan mahupun di bidang akademik.

Pertanyaan PUSAT juga amat jelas menunjukkan bahawa semua latihan tertumpu kepada unit ini, maka ianya amat penting untuk perkembangan latihan bagi segenap warga ABDB. Di sinilah seharusnya segala latihan berkesan demi untuk membentuk satu Angkatan Bersenjata yang mempunyai ketahanan dan kecekapan rohani dan jasmani yang cemerlang.



TEKUN dan berdisiplin ketika mengadakan latihan perlawanan kawad antara seksyen.

Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan teratas generasi kini

OLEH SAMLE HAJI JAIT



sus Kefahaman Ugama.

la bertujuan bagi membantu falsafah negara yang berhasrat untuk menyerapkan pendidikan Islam menyeluruh dalam pendidikan.

Bagi memberikan pendedahan kefahaman ugama yang didasarkan kepada pengetua-pengetua 'non-Muslim', MPUSB juga terus giat merancang bagi mengendalikan satu kursus sebagai memberi kemudahan untuk memasukkan konsep pendidikan ugama diserapkan di sekolah dan pentadbiran sekolah-sekolah secara menyeluruh.

Kursus Seni Membaca Al-Quran bagi pegawai dalam perkhidmatan juga diperkenalkan sebagai mempelbagai fungsi maktab selaras dengan keperluan masa kini.

MANTAPKAN KUALITI

Persaingan global dan kehendak tinggi masyarakat tempatan menjadikan maktab terus berusaha mengekalkan dan meningkatkan kualiti dalam beberapa sudut.

Dari tahun ke setahun, pengambilan kemasukan guru-guru pelatih baru semakin menggalakkan dan

Lihat muka XV

MAKTAB Perguruan Ugama Seri Begawan (MPUSB) semakin matang mengeluarkan guru-guru pelatih tempatan yang benar-benar berkualiti dan relevan selaras dengan keperluan jangka panjang negara.

Sejak perasmiannya pada tahun 1975 sehingga 2002, MPUSB telah berbangga di atas kejayaan melahirkan lebih tiga ribu pendidik yang berhibawa bagi mendidik anak bangsanya.

Namun pola perkembangan yang penuh persaingan kemodenan memberi cabaran hebat kepada MPUSB sebagai menyahut cabaran untuk lebih gigih dalam usaha memandu kejayaan guru-guru pelatih.

MPUSB satu-satunya institusi perguruan ugama di negara ini, kini berada dalam satu bumbung dengan Kementerian Pendidikan, berperanan menjadi teras kepada generasi kini dan akan datang sebagai pembimbing masyarakat.

Sudah tentunya, guru yang berwawasan akan melihat pendidikan itu sebagai suatu pelaburan yang akan memberikan hasil dan pulangan yang baik jika dilaksanakan dengan usaha yang gigih, lutan dan dedikasi.

Kesedaran yang tinggi untuk menabur ilmu dan kemahiran, mencurahkan bakti dan khidmat demi melihat anak bangsa yang terdiri dan mempunyai keseimbangan kekuatan ilmu duniawi dan ukhrawi serta menanamkan nilai-nilai murni yang tersalur dari iman yang suci setiap guru.

Justeru, guru-guru ugama adalah amat penting dalam usaha untuk melindungi umat Islam, melalui pendidikan terutamanya terhadap generasi muda daripada gejala-gejala yang boleh meruntuhkan akidah dan akhlak.

SEJARAH RINGKAS

Bangunan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan mula dibina 8 Julai 1968 di atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang juga bercemar duli bagi meletakkan batu asas maktab berkenaan.



MPUSB mempunyai tenaga pengajar tempatan yang berkebolehan.

guru-guru ugama yang telah lama menjalankan tugas sebagai guru tetapi tidak pernah mengikuti latihan perguruan secara teratur dan bersistem. Kursus berkenaan diadakan selama dua tahun sebelum diiktiraf sebagai Guru Ugama Terlatih.

Maktab berkenaan mencatat sejarah gemilang dengan upacara perasmian yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 5 Julai 1975 dengan penuh adat istiadat dan tradisi kebruneian.

PENUBUHAN MPUSB

Tertubuhnya MPUSB dihasratkan bagi melatih dan melahirkan guru-guru ugama yang layak dan sesuai bagi mengajar mata pelajaran ugama di sekolah-sekolah di seluruh negara

dengan tujuan bagi membentuk satu bangsa yang menjadikan ugama Islam sebagai asas masyarakat mengikut aliran masa dan mendukung Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, MPUSB juga mengadakan beberapa kursus yang lainnya seperti perguruan membaca Al-Quran, Mubaligh, di samping mengadakan kursus pembaharuan dan penyesuaian kepada guru-guru dalam mata-mata pelajaran ugama.

MPUSB yang menuju kepada satu perkembangan diharapkan akan menjadi Pusat Penyelidikan dalam perkara-perkara ugama dan perkembangannya terhadap negara.

FUNGSI

Sekalipun tujuan asal penubuhan adalah bagi melatih guru-guru untuk mengajar di sekolah-sekolah dengan melihat kesesuaian kurikulum di sekolah-sekolah dan pendidikan, MPUSB juga membuat satu kuriku-



KEGIATAN mengasuh rohani juga dititikberatkan.



TELITI ... Guru pelatih sedang diuji penghalusan pembacaan Al-Quran.

M

AKTAB Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) merupakan salah sebuah maktab yang secara langsung dikawal oleh Jabatan Pendidikan Teknik, Kementerian Pendidikan dengan menawarkan pelbagai Kursus Sijil Kejuruan dan Diploma.

Tertubuhnya maktab ini pada tahun 1985 merupakan cantuman dari Pusat Latihan Teknikal Brunei (PLTB) yang ditubuhkan pada tahun 1970 dengan Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rijal yang ditubuhkan pada tahun 1977.

Setentunya dengan cantuman dan peningkatan taraf tersebut MTSSR merupakan salah sebuah institusi teknikal yang berkembang maju di negara ini dengan menawarkan pelbagai kursus terutama dalam bidang teknikal dan vokasional.

Dengan berbekalkan tenaga pengajar yang berjumlah lebih 200 orang maktab ini akan terus mengembangkan keupayaannya di mana dari jumlah itu lebih separuh darinya adalah terdiri dari anak-anak tempatan.

Namun pengambilan tenaga luar di maktab berkenaan masih lagi diteruskan memandangkan kurangnya tenaga pengajar tempatan yang mahir dalam sesuatu bidang yang khusus pada masa ini. Walau bagaimanapun jumlah tersebut akan terus berkurangan dari masa ke masa berbanding pada tahun-tahun yang lalu di mana purata tenaga luar lebih banyak dengan anggaran 70 - 30.

Antara bidang-bidang yang boleh diceburi di maktab ini yang mempunyai 12 jabatan itu antaranya Aircraft Engineering, Building Trades, Business and Management, Computer, Hospitality and Tourism, Mechanical dan sebagainya dengan had tempoh waktu yang ditetapkan bagi satu-satu kursus yang diikuti.

Kesemua kursus yang ditawarkan di maktab ini khususnya di bidang diploma dikendalikan secara sepenuh masa.

Kursus-kursus yang ditawarkan dalam satu-satu jurusan mempunyai peringkat atau pecahannya yang tersendiri umpamanya kursus yang kini tidak kurang pentingnya dalam arus pembangunan negara iaitu kursus layanan dan pelancongan.

Kursus-kursus yang terkandung dalam bidang layanan dan pelancongan ini memulakan kursus dengan menawarkan Sijil Kejuruan Kebangsaan Gred 3 khusus dalam bidang masakan dan perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman dengan tempoh kursus selama setahun setengah termasuk tiga bulan penempatan latihan di dalam industri di samping kursus penginapan yang menawarkan latihan setahun setengah sepenuh masa bagi peringkat permulaan.

Namun para peserta kursus yang mengikuti bidang ini masih mempunyai peluang yang baik sama ada ingin menyertai skim perantis dalam perkhidmatan dan masakan profesional atau meneruskan pengajian mereka hingga ke Peringkat Diploma Kebangsaan khususnya dalam bidang perkhidmatan pelancongan dan pengembaraan atau pengurusan makanan di hotel-hotel.

Menyentuh mengenai pentingnya perkhidmatan layanan dan pelancongan ini kepada pembangunan negara, Timbalan Pengerusi MTSSR, Pendidikan dan Latihan, Dayang Noorzainab menerangkan pada pandangannya bahawa kursus yang mereka tawarkan adalah menepati kepada kehendak masa kini yang mana banyak menjurus kepada bidang pelancongan.

Oleh itu, katanya, kita perlu mengasuh anak-anak tempatan supaya mereka mahir dalam bidang-bidang berkenaan sekali gus mempunyai kemampuan dalam menyaingi orang-orang luar yang mempunyai kedudukan yang lebih baik dalam satu-satu pekerjaan terutama di bidang per-



hotelan dan penyediaan makanan.

Oleh itu kursus yang mereka kendalikan itu amat penting bagi menyaingi serta membangunkan perkhidmatan berkenaan di negara ini yang kini semakin berkembang, katanya.

Sejak kursus ini diperkenalkan sambutan orang ramai amat menggalakkan terutama Sijil Kejuruan Kebangsaan Gred 3 di mana setelah mengikuti kursus ini pelbagai kemudahan mudah diperolehi seperti melakukan perniagaan sendiri terutama dalam penyediaan makanan sama ada kecil atau sederhana sekalipun mereka ini tidak berkeinginan untuk berkhidmat dengan mana-mana pihak.



KURSUS layanan dan pelancongan yang mereka kendalikan amat penting bagi menyaingi kemahiran orang-orang luar kata Timbalan Pengerusi MTSSR, Pendidikan dan Latihan, Dayang Noorzainab.



DORONGAN orang tua dan minat mendalam yang ada pada diri Dayang Mastennee menyebabkan kursus yang dilakukannya semakin mencabar di samping dapat menambah pengalamannya.

Peserta kursus yang mengikuti kursus ini selain diberikan pendidikan dan latihan di dalam maktab mereka diberikan pendedahan untuk bertugas di indus-



CITA-CITA TINGGI ... Awang Khairul Azwan ketika melakukan kerja-kerja di dapur yang menjadi salah satu kerja harian semasa mengikuti kursus lanjutan masakan dengan azam menjadi chef eksekutif suatu masa nanti.

Kursus layanan, pelancongan di MTSSR

OLEH
ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN

hun setengah termasuk enam bulan latihan di industri-industri seperti yang telah ditetapkan.

Peluang peserta yang mengikuti kursus ini sangat baik tambahan pula mereka yang mengikuti di bawah skim perantis sememangnya telah diikat jamin oleh pihak-pihak tertentu di mana setelah menamatkan kursus, mereka dengan sendirinya akan bekerja dengan syarikat berkenaan berbanding dengan mereka yang bukan di bawah skim perantis di mana mereka ini berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi atau bekerja.

Namun demikian sesuai dengan kursus yang diikuti para peserta juga berpeluang didedahkan kepada penglibatan sebenar dengan kerjaya mereka apabila sering kali dilibatkan dengan acara-acara kenegaraan khususnya dalam penyediaan makanan dan layanan seperti semasa berlangsungnya APEC, Sukan SEA dan sebagainya.

Selama mengikuti kursus di maktab ini para peserta telah diberikan pelbagai kemudahan antaranya diberikan elaun pelajaran, selain tempat tinggal (hostel) bagi mereka yang jauh dari tempat kediaman, di samping pakaian yang khusus manakala bagi mereka yang mengikuti skim perantis akan menerima elaun dari penaja mereka.

Antara pencapaian terbaik yang dicapai melalui kursus ini ialah menjuarai di bidang masakan di Pertandingan Kemahiran ASEAN Ke-3 di Bangkok, Thailand pada tahun 2001 melalui Dayang Hajah Shariana yang buat per-

tama kali menyertai pertandingan di luar negara dan diikuti penyer-taan kali kedua di pertandingan yang sama kali keempat di Indonesia di mana wakil negara hanya menduduki tempat kedua dan keempat.

Awang Khairul Azwan bin Haji Salim yang mengikuti kursus NTC2 dalam lanjutan masakan menyatakan setelah mengikuti NTC3 banyak pengalaman dan pengetahuan diperolehi khususnya mempelajari mengenai masakan dari luar negara seperti ASEAN dan antarabangsa.

Beliau yang sememangnya berminat memasuki bidang ini berazam untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya menjadi chef eksekutif.

Manakala bagi Dayang Mastennee yang mengikuti kursus yang sama berasal dari Kampong Lumapas dan menuntut sebelumnya di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) menyatakan perasaan seronok di samping dapat menimba pelbagai pengalaman.

Beliau yang pernah mengikuti penempatan sementara di pelbagai hotel dan restoran mendapat galakan ibu bapa dan bercita-cita menjadi ketua chef yang berjaya dan menyeru pihak remaja untuk menyertai bidang berkenaan.

Setentunya kewujudan MTSSR sebagai institusi teknikal yang dinamik amat komited kepada peningkatan jumlah rakyat dan penduduk di negara ini mempunyai mutu yang tinggi khususnya dalam memenuhi aspirasi negara melalui latihan dan pendidikan teknologi yang bersesuaian.

OLEH itu kita perlu mengasuh anak-anak tempatan supaya mereka mahir dalam bidang-bidang berkenaan sekali gus mempunyai kemampuan dalam menyaingi orang-orang luar yang mempunyai kedudukan yang lebih baik dalam satu-satu pekerjaan terutama di bidang perhotelan dan penyediaan makanan.

Bangsa berilmu menurut perspektif Islam

BANGSA adalah sebahagian daripada isi negara dan manusia adalah sebahagian daripada kejadian-kejadian yang dicipta oleh Allah Subhanahu Wataala dengan sebaik-baik kejadian serta diberikan martabat yang tinggi dibandingkan dengan makhluk-makhluk lain.

Menurut 'Kamus Dewan' bangsa adalah jenis manusia dari satu asal keturunan dan kumpulan manusia di dalam satu ikatan ketatanegaraan, manakala secara khasnya, bangsa yang dimaksudkan ialah bangsa Brunei itu sendiri.

PENJELASAN ILMU

Ibnu Khaldun, seorang ilmuwan Islam telah membuat penjenisan ilmu pengetahuan seperti ilmu naqli (wahyu) ialah ilmu Al-Quran, Tafsir, Hadis, Nasikh dan Mansukh, Sanad Hadith, Usul Fiqh, Ilmu Kalam dan Ilmu Tasawuf.

Bagi ilmu 'aqli (dicari) ialah seperti ilmu bilangan, kira-kira, hisab, algebra, muamalah dan faraid, kejuruteraan, ilmu bentuk, ruang dan kawasan serta ilmu gunaan: perubatan, binaan, pertukangan, perbidanan dan lain-lain yang ada dalam pendidikan moden disebut juga kemahiran vokasional iaitu pengetahuan untuk pekerjaan tertentu dalam bidang-bidang ikhtisas.

Nilai aqliah diasaskan kepada akal yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala dengan memanfaatkan sepenuhnya. Akal yang dikurniakan kepada setiap insan, seharusnya digunakan untuk memikirkan kejadian ciptaan Allah Subhanahu Wataala. Daripada pengamatan inilah timbulnya perasaan ingin tahu dan kekerdilan makhluk terhadap Penciptanya. Di dalam Al-Quran, Allah Subhanahu Wataala menyebutkan beratus kali mengenai perkataan yang melibatkan berfikir dan akal umpamanya: "Matahari dan bulan (beredar) menurut perhitungan." (Surah Ar-Rahman ayat 5).

Di dalam ayat ini, dapat difahami bahawa hanya orang-orang yang berakal sahaja dapat menghargai

ciptaan Allah dan di atas merekalah terpitulnya tanggungjawab untuk memakmurkan alam ini.

Dari perspektif Islam, baik ilmu naqli atau ilmu agama, 'ilm syari' (revealed knowledge), yang dipelajari sebagai ilmu agama hari ini mahupun ilmu 'aqli atau ilmu dunia (acquired knowledge) yang dipelajari sebagai ilmu kemanusiaan, ilmu kemasyarakatan (social science) dan ilmu sains tabii (natural) adalah penting untuk kesejahteraan hidup manusia di dunia dan di akhirat apatah lagi bangsa yang berilmu adalah dituntut bagi kemajuan sesebuah negara, di samping mempunyai teknologi yang canggih.

Adapun ilmu naqli mempunyai taraf fardu



OLEH
SITI AISHAH
HAJI SELAMAT

ain (wajib dipelajari oleh semua orang Islam) kerana ia mengandungi ajaran-ajaran mengenai 'akidah, syariah dan akhlak yang tidak dapat dicapai melainkan dengan perantaraan wahyu dan hidayah dari Allah. Kebenaran-kebenaran yang terkandung di dalamnya adalah kebenaran-kebenaran yang bersifat mutlak, paling tinggi (ultimate) dan di luar jangkaan fikiran dan pancaindera.

PROSES PEMBINAAN RUHIYYAH

Bangsa yang berilmu juga dapat mengisi keperluan rohani



BANGSA berilmu adalah dituntut bagi kemajuan sesebuah negara di samping mempunyai teknologi yang canggih.

(spiritual) bangsa itu sendiri dengan tepat dan secukupnya, di samping memberikan panduan-panduan yang bernilai abadi dan sejagat (universal) untuk kehidupan individu, keluarga, masyarakat dan ketatanegaraan.

Oleh itu, proses pembinaan ruhiyyah merupakan kombinasi daripada dua unsur iaitu amalan dan iktikad kerana melalui kepercayaan dan sikap dalam diri, yang akan mencerna sebuah falsafah kehidupan manusia yang sempurna, seterusnya ke arah pembinaan ketamadunan manusia secara mutlak dan kesimpulannya, dua unsur ini adalah teras kepada sesebuah tamadun, tanpanya umat akan runtuh dan musnah.

Seorang pemikir Islam, Sayyid Qutb menegaskan bahawa kemajuan yang diasaskan di atas maddi (material) semata-mata, bukanlah sebuah tamadun yang hakiki kerana natijahnya ialah kepincangan lantaran penolakan ke atas nilai ruhiyyah itu.

KESEMPURNAAN HIDUP

Untuk kesempurnaan hidup di dunia secara bermasyarakat, ilmu naqli atau ilmu agama sahaja tidak mencukupi meskipun ia merupakan ilmu yang paling tinggi dalam pandangan Islam. Bahkan manusia serta bangsa memerlukan pengetahuan yang terperinci mengenai alam fizikal, alam kemanusiaan dan alam kemasyarakatan untuk menggunakan segala potensi yang ada fizikal dan

non-fizikal atau jasmani dan ma'nawi - sesuai dengan tugasnya sebagai khalifah yang akan membangun dirinya, alam sekitarnya dan masyarakat serta membentuk sejarah sesuai dengan tuntutan akidah tauhid dan syariah Allah.

Fungsi sebagai khalifah di bumi sama sekali tidak boleh dipisahkan dari fungsinya yang asasi dan abadi sebagai hamba Allah. Fungsi umum itu juga tidak boleh dilepaskan daripada kaitannya dengan beriman kepada Allah, Rasul, Al-Quran dan Hari Kemudian serta kepercayaan kepada syariah Allah.

Oleh yang demikian, bangsa perlu berilmu pengetahuan iaitu ilmu dunia serta ilmu akhirat dan kedua-duanya perlu dipelajari dan dikembangkan sebagai pelengkap untuk membangun negara selain ledakan teknologi maklumat yang mengisi ruang kehidupan masa kini yang membawa bangsa tersebut kepada peningkatan iman dan amal salih iaitu hubungan kerohanian dengan Allah dan Rasul-Nya yang melahirkan sifat ketakwaan dalam peribadi seorang ilmuwan.

PERANAN ILMU

Selain ilmu dapat membangun taraf kehidupan negara, ilmu juga akan menjadikan sesebuah bangsa itu berjaya dan sebaliknya tanpa ilmu, kehidupan akan menjadi kacau-bilau, tidak tersusun dan dunia menjadi gelap.

Maka dari dasar itu, terbitlah perbuatan-perbuatan, tindak-tanduk para ilmuwan itu menjadi baik kerana

dijui oleh iman dan takwa dan keinginan untuk melakukan amar makruf nahi mungkar, untuk menegakkan kebenaran, keadilan, kedamaian, keamanan dan kebajikan dalam kehidupan bangsa serta masyarakat keseluruhannya.

Mereka yang berpengetahuan sepatutnya dapat mengetahui mana yang benar dan mana yang batil, beriman kepada Allah dan Rasul serta beramal salih dengan ilmu pengetahuan mereka kerana melalui proses pembelajaran dan pengembangan ilmu yang mereka lalui, seharusnya dapat memerhatikan beberapa tanda-tanda (ayat) Allah seperti kudrat-Nya, iradah-Nya, sunnah-Nya, rububiyah-Nya, hukum-Nya, tujuan-Nya, peringatan-Nya, keredaan-Nya, kemurkaan-Nya dan lain-lain yang terdapat dalam sejarah manusia di alam semesta dan dalam diri manusia sendiri. Justeru itu mereka mendapat status yang sangat tinggi di sisi Allah.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Saba' ayat 6 yang tafsirannya: "Dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan, mengetahui (dengan yakin, bahawa keterangan-keterangan) yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu (mengenai Hari Kiamat dan lain-lainnya) itulah yang benar serta yang memimpin ke jalan Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Terpuji."



ILMU kemanusiaan, ilmu kemasyarakatan, ilmu sains tabii adalah penting untuk kesejahteraan hidup manusia di dunia dan di akhirat.

Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan teras generasi kini



GURU pelatih perempuan sedang mempelajari seni bacaan Al-Quran.

Dari muka XII

pihak maktab sangat teliti menapis penerimaan permohonan yang benar-benar berkelayakan.

Kesan perlumbaan era canggih, MPUSB juga tidak ketinggalan berusaha memantapkan dan meninggikan nilai pelajaran dan pembelajaran dengan usaha mengubah suai kualiti kursus dengan mendedahkan pelajaran agama melalui teknologi maklumat (IT).

Pembelajaran dan penyelidikan dengan menggunakan komputer semakin giat disebarkan kepada guru-guru pelatih sekali gus memberi kefahaman dan pengetahuan terhadap pentingnya penggunaan komputer dalam era dunia masa kini.

Sementara itu, mutu pengajaran juga terus ditingkatkan dengan pengambilan pensyarah dalam bidang-bidang khusus dan mementingkan bidang-bidang pendidikan seperti guru yang mempunyai kelulusan diploma pendidikan atau yang lebih tinggi.

Maktab juga peka mengikuti arus perubahan pendidikan dan sentiasa mengikut keperluan dari satu tahap ke satu tahap yang relevan selari dengan kualiti dan keperluan masa kini.

Proses-proses peningkatan dan memajukan maktab semakin giat dengan mengadakan penelitian kembali kandungan-kandungan kursus untuk dinaikkan ke tahap yang lebih tinggi

lagi supaya mencapai kehendak masa kini sehingga dapat mengeluarkan guru-guru pelatih yang dikatakan mempunyai nilai 'marketing' baik.

MPUSB yang sudah banyak mengeluarkan guru-guru pelatih yang berpotensi, sudah boleh dikatakan mampu me-

nyumbang kepada teras pendidikan agama di negara ini.

Mereka bukan saja menjadi pendidik di sekolah-sekolah, tetapi fungsi dan peranan mereka sangat penting kepada masyarakat sekitar bagi meningkatkan serta memperkembangkan syiar Islam.



MENCARI BAHAN ... Guru-guru pelatih tidak ketinggalan menyidik dan mencari bahan melalui komputer.



MENGADAKAN PERBINCANGAN ... Guru-guru pelatih MPUSB bermuzakarah bagi meningkatkan pembelajaran.

Bangsa berilmu menurut perspektif Islam

Dari muka XIV

Firman Allah Subhanahu Wataala lagi dalam Surah Az-Zumar ayat 9 tafsirannya: "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil

pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna."

Ilmu pengetahuan yang membawa kepada keimanan, ketakwaan dan amal salih adalah pusaka para Anbiya kerana itu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis dari Abu Darda Radiallahuanhu: "Barangsiapa yang menempuh suatu jalan untuk

menuntut ilmu, Allah memudahkan jalannya untuk menuju Syurga. Bahawasanya Malaikat itu akan meletakkan naungan sayapnya pada orang yang menuntut ilmu kerana mensyukuri apa yang dilakukannya. Bahawasanya orang-orang yang berilmu pengetahuan adalah pewaris para Nabi. Bahawasanya para Nabi itu tidak mewariskan wang

dirham atau dinar, tetapi yang diwariskannya adalah ilmu. Oleh sebab itu barangsiapa yang mengambilnya (mendapatkan ilmu itu), ia telah memperolehi bahagian pusaka yang sangat banyak."

Sebaliknya ilmu pengetahuan dan akal fikiran yang membawa seorang ilmuwan, cendekiawan, ahli sains, ahli fikir, sarjana,

pensyarah atau profesor kepada sikap dan perbuatan yang bertentangan dengan akidah tauhid, syaria Allah yang diturunkan kepada Rasulullah dan tujuan hidup sebagai hamba Allah yang semuanya terangkum dalam erti kata pengabdian manusia kepada Allah dicela oleh Allah seperti di dalam firman-Nya Surah Al-A'raf ayat 179 yang tafsirannya:

"Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk Neraka Jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahaminya (ayat-ayat Allah) dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi, mereka itulah orang-orang yang lalai."

BANGSA BERILMU, BANGSA YANG MAJU

Justeru itu, ilmu boleh merubah keadaan hidup manusia dan bangsa. Semakin manusia dewasa, semakin manusia berubah

dan semakin banyak berubah dan bertambah, tahap kehidupan juga berbeza.

Oleh itu, bangsa yang berilmu adalah bangsa yang maju kerana ilmu diibaratkan sebagai sumber kekuatan amal dan ilmu juga adalah maklumat yang penting bahkan sebagai bekal yang sentiasa digunakan yang boleh dipelbagaikan serta dikembangkan dari dahulu, sekarang dan untuk masa yang akan datang.

Bagi negara kita yang berteraskan konsep Melayu Islam Beraja (MIB), keperluan Islam terhadap ilmu adalah penting bagi membangun negara dan bangsa kerana tanpa ilmu pengetahuan, bangsa akan menjadi lemah dan jika bangsa lemah, negara sudah setentunya akan menjadi pincang dan boleh menimbulkan ketidakstabilan dan seterusnya akan dipandang rendah di mata dunia.

Sehubungan dengan itu, negara kita telah banyak membelanjakan sumber kewangan ke arah merealisasikan bangsa berilmu bagi pembangunan negara seperti terbanjarnya sekolah-sekolah

kerajaan dan swasta dari pendidikan rendah hingga ke peringkat tinggi.

Untuk itu juga, kemahiran-kemahiran dari segi vokasional dan kejuruteraan juga diharapkan akan menyumbang tenaga bagi sama-sama melahirkan bangsa yang berilmu di samping menimba ilmu pengetahuan ke arah meningkatkan taraf kehidupan bermasyarakat seperti mempelajari ilmu kejuruteraan dan peribatan atau bidang-bidang perubahan yang lain.

Ke arah menyeimbangkan ilmu, ilmu akhirat juga diperlukan seperti terbanjarnya sekolah-sekolah agama, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Ma'had Islam Brunei dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang banyak melahirkan ilmuwan Islam khususnya dan ilmuwan lain amnya.

Dari sinilah, kehidupan bangsa yang berilmu menjadi bangsa yang tinggi dengan sumber yang tidak dapat dinilai dan dimanfaatkan dengan sebaiknya bagi menyumbang ke arah pembangunan negara dan kesempurnaan insan.



ILMU wajib dituntut oleh semua lapisan masyarakat.

BANGSA BERILMU NEGARA MAJU

